

**Bil. 80**

**Rabu  
10 Disember 1997**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

## K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Ruangan 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Ruangan 18)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Bil Pertukaran (Pindaan) 1997	(Ruangan 18)
Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1997	(Ruangan 76)
<b>USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Ruangan 41)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr.  
Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P.,  
S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K.,  
S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri  
Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M.,  
S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M.,  
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P.,  
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik,  
S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak  
Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri  
Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji  
Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,  
Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M.,  
D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji  
Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P.,  
S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J.,  
S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S.,  
K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato'  
Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S.  
(Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P.,  
D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar  
bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S.,  
D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding,  
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Taph)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Aion Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)

Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Punga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

## Yang Berhormat Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)

## Yang Berhormat Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)

- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)

## Yang Berhormat Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)

- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT**  
**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,  
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S.,  
S.M.T., A.S.D.K., P.S.D.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat  
: Nor Hayatee binti Abdullah

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah  
: Monarita binti Mohd. Hassan

Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,  
P.P.N.

: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
: Hajah Supiah binti Dewak  
: Mohamed bin Osman  
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
: Shamsina binti Janor

Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Haji Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat : Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul  
Mutalib  
: Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT****Rabu, 10 Disember 1997****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****D O A****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]****JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN****PENGELUARAN BARANG-BARANG TIRUAN - KENAIKAN HARGA**

1. **Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan memandangkan kenaikan harga barang-barang dan pengeluaran barang-barang tiruan masih berleluasa terutama di luar-luar bandar, kawasan pedalaman dan juga pasar-pasar malam:

- (a) apakah langkah-langkah berkesan dan strategi baru bagi mengatasi masalah kenaikan harga barang khususnya di luar bandar dan kawasan pedalaman; dan
- (b) apakah peraturan dan undang-undang yang mengawal penjualan secara langsung ke rumah-rumah oleh peniaga-peniaga jualan secara langsung bagi mengelakkan banyak bentuk penipuan kepada pengguna.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) kerajaan sentiasa peka akan kedudukan harga barang-barang terutamanya pada masa ini berikutan kemerosotan nilai Ringgit Malaysia di pasaran mata wang antarabangsa. Dalam hubungan ini kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi memastikan tidak ada pihak yang mengambil kesempatan daripadanya untuk menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya. Langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan adalah meliputi:
  - (i) meminta peniaga-peniaga yang merangkumi pengilang, pengeluar, pengimport, penjual borong dan runcit supaya seberapa yang boleh menyerapkan kenaikan kos bagi mengekalkan harga barang-barang pada tahap yang rendah dan tidak ghairah untuk mengaut untung yang berlebihan.
  - (ii) secara pentadbiran menetapkan harga maksimum bagi barang-barang keperluan seperti gula bertapis, minyak masak, tepung gandum, roti, ayam, minyak petrol, diesel, gas petroleum cecair, simen dan besi keluli;
  - (iii) mengarahkan syarikat-syarikat pengeluar dan pengimport mempertingkatkan pengeluaran dan pengedaran serta tidak menaikkan harga

- barang-barang tanpa terlebih dahulu merujuk kepada kementerian;
- (iv) mempertingkatkan pemantauan ke atas aliran bekalan dan harga;
  - (v) mengarahkan syarikat-syarikat pengeluar dan pengimport mengemukakan senarai harga runcit yang disyorkan. Bagi barang-barang tertentu seperti susu tepung dan minyak masak, harga runcit yang disyorkan wajib ditandakan pada barang-barang berkenaan;
  - (vi) mewajibkan penjual runcit meletakkan tanda harga pada barang-barang yang dipamerkan untuk jualan; dan
  - (vii) mempertingkatkan pemeriksaan mengambil tindakan ke atas setiap aduan pengguna berhubung dengan kenaikan harga barang-barang.

Dari segi penguatkuasaan, tindakan yang dijalankan oleh kementerian ini tidak hanya terhad kepada kawasan-kawasan bandar sahaja, malah meliputi kawasan-kawasan luar bandar, pedalaman dan juga di pasar tani dan pasar-pasar malam. Dalam hubungan ini kementerian menggerakkan Ops Sedar sebagai tindakan proaktif bagi mengesan penyelewengan dalam amalan perdagangan seperti pengedaran barang-barang tiruan, menyorokkan barang-barang dengan tujuan menaikkan harga, tidak meletakkan tanda harga, penipuan dalam timbangan, sukatan dan sebagainya. Bagi tempoh 1.1.1997 hingga 6.12.1997 kementerian telah menjalankan pemeriksaan ke atas 15,251 premis dan mengambil 6,234 tindakan kes dengan nilai rampasan RM30,407,731. Sebanyak 4,767 kes telah dikompaun dengan nilai kompaun sebanyak RM1,630,956 dan 392 kes lagi dibawa ke mahkamah dan pihak terlibat telah didenda sebanyak RM576,050.

- (b) Perniagaan berbentuk jualan langsung telah mula dikawal selia oleh Akta Jualan Langsung 1993 yang mempunyai peruntukan-peruntukan bagi melindungi pengguna daripada ditipu oleh peniaga-peniaga jualan langsung yang tidak beretika. Di antara perlindungan yang diberi kepada pengguna ialah pengharaman perniagaan jualan langsung secara premis, masa yang dibenarkan untuk jualan pintu ke pintu ditetapkan bagi mengelak pengguna dari diganggu pada bila-bila hari dan waktu, penjual mesti memberitahu maksud lawatan sebelum memasuki premis.
- (c) Pengguna diberi peluang untuk memikir semula mengenai tempahan barang yang dibuat dan boleh membatalkan tempahan sebelum tamat tempoh yang diberi iaitu 10 hari bekerja dan akhirnya penjual diwajibkan memberi satu salinan kontrak jualan bagi barang bernilai RM300 ke atas bagi mengelak penjual memberi maklumat palsu.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya kerajaan telah mengadakan beberapa cara untuk mengatasi masalah kenaikan harga, tetapi seperti diketahui di negara ini, walaupun ada beberapa perkara yang telah ditegaskan oleh

Yang Berhormat Timbalan Menteri, ia nampaknya tidak berefektif. Jadi, soalan saya ialah, adakah kerajaan ingin menambah barang-barang yang dalam 'bakul' had kawalan dan dalam proses ini, oleh kerana teruknya situasi sekarang adakah kerajaan ingin mengadakan satu subsidi kepada kenaikan harga yang telah berlaku sekarang?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang menimbangkan subsidi bagi mana-mana kategori barang.

Yang kedua, walaupun ada peniaga-peniaga ataupun pengeluar-pengeluar yang bercadang untuk menambahkan, pihak kerajaan telah pun melakukan perundingan dan juga keputusan terhadap beberapa barang-barang, proses ini diteruskan.

Sebenarnya kalau kita bandingkan dengan negara-negara jiran, kenaikan harga atau keadaan harga barang-barang seperti gula, tepung, minyak masak dan sebagainya adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan negara Thailand, Singapura. Ini dilakukan juga oleh orang-orang dari luar negara membeli dan menyeludup barang-barang daripada negara kita.

Buat masa sekarang pihak kerajaan tidak bercadang untuk menambah barang-barang kawalan harga, tetapi kita akan terus monitor atau memantau kedudukan harga barang-barang dan jika perlu kita akan bertindak.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan alat-alat ganti kenderaan. Kita dapati terdapat kedai yang sengaja menjual alat-alat ganti tiruan yang dijual dan diedarkan kepada pengguna. Jadi, saya ingin tahu adakah penguatkuasa mengesan kes-kes yang sedemikian kerana alat-alat ganti tersebut dijual dengan harga yang original, harga yang tulen, tetapi sebenarnya barang-barang berkenaan adalah merupakan barang-barang tiruan daripada Taiwan, Hong Kong dan sebagainya. Oleh itu, saya ingin tahu adakah kes-kes yang dilaporkan, yang dikesan dan tindakan telah diambil di kalangan peniaga-peniaga yang sedemikian?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, secara tepat saya tidak tahu berapa jumlah kes tertentu, barang tiruan ada, tetapi barang tiruan alat ganti kenderaan saya tidak dapat pastikan. Walau bagaimanapun kalau benar, tindakan pasti diambil dan jika maklumat diterima daripada Ahli-ahli Yang Berhormat atau mana-mana pihak kita akan menjalankan serbuan terhadap kedai-kedai yang berkenaan dan mengambil tindakan serta-merta.

#### **PROGRAM PEMBANGUNAN RAKYAT TERMISKIN – JUMLAH PESERTA**

2. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan mengenai Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang bertujuan menghapuskan kemiskinan di negara ini:

- (a) berapa jumlah peserta PPRT bagi tahun 1997 dan adakah jumlah ini berkurangan berbanding dengan tahun terdahulu; dan
- (b) dalam rancangan PPRT, berapa jenis projek yang disediakan oleh kerajaan bagi membantu peserta.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah pun dijawab oleh kementerian pada 25 November apabila menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Mentakab. Kementerian tidak mempunyai apa-apa lagi penjelasan tambahan.

**SKIM PERUMAHAN PERSENDIRIAN BAGI PEKERJA LADANG -  
CADANGAN PELAKSANAAN**

3. Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pada tahun 1970-an Perdana Menteri masa itu, Tun Abdul Razak telah mewujudkan skim Perumahan Persendirian untuk pekerja-pekerja ladang dan Syarikat Perladangan (Plantation Company) diminta untuk membina rumah dan dijual kepada pekerja-pekerja melalui bayaran ansuran potongan gaji pekerja-pekerja akan tetapi setakat ini kenapa hanya 17 (lebih kurang) ladang dari 1500 ladang di negara ini melaksanakan skim tersebut dan apakah cadangan kerajaan supaya pemilik ladang akan dipaksa melaksanakan skim ini melalui dengan gubal undang-undang, sekiranya tidak.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, Skim Pemilikan Rumah Pekerja adalah satu rancangan sukarela untuk membolehkan para pekerja di sektor ladang dan lombong memiliki rumah sendiri di tempat pekerjaan masing-masing, lengkap dengan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air, bekalan elektrik dan sebagainya. Di bawah skim ini para majikan adalah digalakkan supaya membina rumah-rumah untuk dijual kepada pekerja-pekerja pada harga yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan kediaman ladang-ladang sebenarnya adalah harta hak milik persendirian (private ownership settlement area), dengan izin. Oleh itu sokongan dan penyertaan pemilik ladang dalam skim tersebut adalah bergantung kepada kemampuan dan kesanggupan majikan masing-masing untuk melaksanakannya. Dalam pada itu, perkara-perkara mengenai tanah adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri masing-masing. Oleh itu kementerian ini tidak bercadang untuk menggubal undang-undang yang boleh memaksa majikan-majikan ladang melaksanakan Skim Pemilikan Rumah Pekerja.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Buruh menjalankan aktiviti promosi untuk menggalakkan majikan ladang supaya melaksanakan Skim Pemilikan Rumah Pekerja. Aktiviti tersebut telah memberi hasil seperti berikut:

Sektor Majikan Yang Melaksanakan Skim Pemilikan Rumah Pekerja	Bilangan	Unit Rumah Dibina
Ladang	49 buah	4,472
Lombong	6 buah	1,831
<b>Jumlah Rumah Dibina</b>		<b>6,303</b>

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun satu cadangan seperti ini telah dibuat oleh Perdana Menteri yang dahulu, tetapi saya hairan, walaupun telah habis masa lebih kurang 25 tahun, Yang Berhormat Timbalan Menteri datang ke Dewan yang mulia ini mengatakan bahawa dengan izin, it is private company, private limited. Ini adalah satu alasan yang tidak boleh diterima, bukan sahaja saya, tetapi orang-orang di estet. Yang kita minta ialah kenapa kerajaan tidak menggubal undang-undang, walhal kerajaan selalu mengatakan itu adalah kepentingan pekerja-pekerja estet. Ini menunjukkan kerajaan 'cakap lain, buat lain'. Jadi soalnya saya ingin tegaskan di sini sebenarnya bukan masa akan datang, tetapi masa sudah luput.....

**Beberapa Ahli:** Soalan! Soalan. Buang masa sahaja.

**Tuan M. Kulasegaran:** ..... kerajaan patut mengambil tindakan supaya....

**Seorang Ahli:** Ane soalan!

**Tuan M. Kulasegaran:** .....menggubal undang-undang untuk dijadikan satu skim.....

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan M. Kulasegaran:** .... saya belum habis.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Belum habis. Soalanlah, kira soalan sudahlah, apa lecture pula.

**Tuan M. Kulasegaran:** Biar saya jawab. Biar saya tanya.....

**Beberapa Ahli:** Boo!

**Seorang Ahli:** You mahu jawab tidak payah tanyalah!

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya mahu tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri .....

**Seorang Ahli:** Hey! Masuk Barisanlah.

**Tuan M. Kulasegaran:** Jadi, saya hendak tanya bukankah masanya telah tiba untuk kerajaan menyediakan satu trust fund atau trust organization supaya orang yang hard core poor ini dapat memiliki rumah sendiri, kalau tidak.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** .....terima kasih.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya DAP ini tidak pernah ada peluang untuk memerintah, dia fikir hendak paksa orang sahaja. Jadi, ini tanah orang, tanah orang kita kena tidak boleh paksa orang buat itu, buat ini, kita hanya boleh memujuk, private ownership, private property. Namun demikian, suka saya menyatakan sungguhpun kita dapat pujuk dan majikan telah membina 6,303 unit, tetapi rakyat kita yang bekerja di ladang telah pun berpeluang untuk membeli rumah-rumah murah berpuluh ribu unit, yang mana dibina dekat ladang di periphery dan sebagainya. Begitu juga ladang-ladang yang telah pun diconvert kepada housing estate.

Pihak Kementerian Sumber Manusia telah pun menghubungi semua kerajaan-kerajaan negeri supaya selepas ini kalau ada mana-mana ladang yang hendak ditukar jenis tanamannya (conversion) maka kita paksa supaya mereka selesaikan dahulu masalah perumahan pekerja-pekerja. Jadi, ini sedang dibuat sepanjang masa.

#### **PADI NEGARA - JUMLAH HASIL PENGELUARAN**

4. **Tuan Kamarudin bin Ahmad [Arau]** minta Menteri Pertanian menyatakan sepanjang tahun 1997 ini berapakah jumlah tan padi yang dihasilkan oleh negara, berapa tan beras yang diimport dalam tempoh tersebut dan apakah strategi untuk menambah pengeluaran padi bagi keperluan negara. Apakah halangan utama untuk memastikan penghasilan padi cukup untuk menampung keperluan negara.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (1) Maklumat panghasilan padi bagi tahun 1997 akan siap disediakan apabila pengeluaran hasil luar musim 1/97 selesai dikutip pada suku pertama 1998 kelak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 1996, sebanyak 2.227 juta tan padi telah dihasilkan dan sebanyak 577,463 tan beras telah diimport.

- (2) Strategi untuk menambah pengeluaran padi bagi keperluan negara adalah seperti berikut:
- (i) pengurusan air yang efisien, yang memberi kesan yang positif terhadap kawalan rumpai dan penyakit serta penggunaan baja di sawah.
  - (ii) penggunaan benih yang bermutu seperti varieti MR 185, MR 84 dan MR 189 yang lebih resisten terhadap beberapa penyakit yang menyerang tanaman padi.
  - (iii) kawalan makhluk perosak secara bersepadu supaya dapat memaksimumkan kadar kehilangan padi petani itu sebelum dituai.
  - (iv) peningkatan mekanisasi ladang-ladang.
  - (v) pengurangan 'post harvest losses' dengan meningkatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Di samping itu, kementerian akan membuat perancangan supaya pengeluaran padi dibuat secara komersial atau estet. Dengan cara ini bukan sahaja kos pengeluaran padi sehektar dikurangkan berdasarkan 'economic of scale' tetapi dapat juga meningkatkan lagi hasil padi negara dengan pengurusan yang lebih efektif dan profesional.

- (3) Halangan utama untuk mencapai penghasilan padi yang lebih tinggi untuk menampung keperluan negara adalah:
- (i) keengganan sebahagian petani-petani untuk melabur wang, tenaga dan masa yang mencukupi untuk mengamalkan pakej teknologi pengeluaran padi yang sedia ada. Termasuk peralatan sawah, persediaan perparitan di dalam ladang, pembajaan yang optimum dan tepat serta pengurusan perosak bersepadu.
  - (ii) kurangnya sambutan pesawah-pesawah untuk diuruskan sawah secara projek berkelompok yang lebih menguntungkan.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri khususnya baru-baru ini pihak kerajaan telah mengumumkan bahawa terdapat subsidi sebanyak RM100 juta untuk input pertanian bagi menambahkan pengeluaran padi bagi petani-petani yang mengusahakan sawah mereka. Apakah bentuk input-input pertanian dan adakah bagi mengurangkan bebanan petani, adakah kerajaan ingin menaikkan harga padi memandangkan bahawa terlalu banyak persatuan-persatuan petani memohon kepada Kabinet dan juga saya percaya kementerian juga memohon kepada Kabinet untuk menaikkan harga padi, jadi apakah keputusan yang diperolehi?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Arau. Apa yang telah dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya satu kertas telah pun diangkat kepada Kabinet pada minggu lalu dan oleh kerana minggu lalu tidak sempat untuk dibincang, maka hari ini Kabinet telah pun membincang kertas ini. Saya tidak dapat mengumumkan di

sini kerana Yang Berhormat Menteri saya akan membuat pengumuman hari ini. Insya-Allah.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya mengenai beras dan nasi. Nasi merupakan makanan asasi di negara kita dan ia dimakan, tidak kira orang kaya ataupun orang miskin. Tetapi pada hari ini kita lihat beras ini telah pun dikategorikan kepada harga kawalan dan harga tidak dikawal yang mana kita dapati beras jenis super tidak dikawal harganya. Manakala beras jenis premium ini sahaja yang harganya dikawal, jadi saya ingin mendapat penjelasan, adakah pihak kerajaan bercadang supaya harga beras ini dikawal keseluruhannya supaya memberi peluang kepada orang-orang yang kurang mampu dapat menikmati rasa dan nikmatnya nasi jenis standard ini?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi dalam kertas Kabinet itu semuanya merangkumi beberapa perkara termasuklah cadangan untuk mengawal semua beras yang ada termasuk semua kategori beras. Tetapi sejauh mana perkara ini diputuskan, maka kita menunggulah pengisytiharan yang akan dibuat oleh Yang Berhormat Menteri. Saya bersetuju pada dasarnya oleh kerana beras menjadi makanan asasi kepada penduduk negara kita, maka ia mesti dikawal supaya tidak ada orang-orang tengah yang mengambil peluang untuk menaikkan harga beras dengan sewenang-wenangnya.

#### KHIDMAT SOSIAL BAGI KESALAHAN MEMBUANG SAMPAH - PELAKSANAAN

5. **Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datok]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilakah pelaksanaan khidmat sosial akan dijalankan ke atas pembuang sampah seperti yang dicadangkan baru-baru ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bagan Datok yang begitu prihatin menyoal mengenai kebersihan alam sekitar dan tindakan-tindakan ke atas mereka yang melakukannya.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu masih lagi dibincangkan di antara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan Jabatan Peguam Negara dan keputusan muktamad akan ditimbang oleh kerajaan selanjutnya.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih di atas jawapan dari sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi pengumuman mengenainya telah disarankan begitu lama, jadi saya tidak mahu ada tuduhan yang kementerian ini mengumumkan dahulu, tetapi tidak membuat kerja. Oleh itu, saya fikir kaedah pelaksanaan hukuman ini boleh dibuat, sebab baru-baru ini ada seorang majistret yang menjatuhkan hukuman pada seorang pesalah jenayah juvana meminta bapanya menyebat di hadapan majistret itu sendiri. Jika itu boleh dilakukan, jadi perkara ini saya fikir boleh dibincangkan dengan peguam negara dan pihak-pihak kementerian yang lain, tetapi kalau lambat sangat saya fikir kita dengan izin, over taken by event. Jadi kena cepatlah sedikit, nanti Yang Berhormat dari Teluk Intan kata 'cakap tak serupa bikin' lagi. [Ketawa]

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dari segi perlunya kita melaksanakan ataupun menggubalkan undang-undang ini dengan cepat. Sebenarnya pada dasarnya kerajaan telah pun membuat keputusan untuk menswastakan perkhidmatan pungutan sampah dan pelupusan sisa-sisa pepejal bagi seluruh negara. Tetapi dalam menggubalkan satu sistem yang perlu digunakan bagi seluruh negara, kita juga perlu menggubalkan undang-undang yang berkaitan dengan semua perkara mengenai sisa-sisa pepejal.

Dalam peringkat ini kerajaan sedang dalam proses menggubal rang undang-undang bagi menguruskan sisa pepejal. Ini bertujuan mengemaskini dan memantapkan sistem pengurusan sisa pepejal di negara ini, di samping menjaga alam sekitar. Jadi, salah satu peruntukan yang dicadangkan dimasukkan ke dalam rang undang-undang ini ialah, apakah yang patut dibuat kepada pesalah-pesalah yang membuang sampah merata-rata dan hukuman-hukuman yang perlu dikenakan. Antara hukuman yang dicadangkan ialah hukuman yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Datuk tadi. Jadi, saya bersetuju bahawa perkara ini perlu dipercepatkan dan kita tunggu waktu yang akan ditetapkan.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai isu kebersihan ini selain daripada denda dan juga pelaksanaan khidmat sosial yang mungkin akan diperkenalkan, saya ingin tahu apakah rancangan kerajaan dari segi kempen-kempen lain yang dapat dijalankan oleh kementerian untuk mewujudkan kesedaran di kalangan orang ramai supaya menjaga kebersihan. Jadi, macam mana sambutan NGO terhadap kempen-kempen seperti ini?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi penyertaan NGO memang digalakkan, memang ada NGO yang telah melibatkan diri dalam usaha-usaha kebersihan alam sekitar dan kawasan bandar. Tetapi di peringkat kementerian kita telah mengutarakan beberapa keputusan, antara lain ialah mewujudkan satu pasukan petugas yang akan mengkaji prestasi pihak-pihak berkuasa tempatan. Pasukan petugas ini akan membuat laporan-laporan dari masa ke semasa kepada Kabinet, yang mana kita harapkan dengan penglibatan dan pengetahuan Kabinet pihak-pihak kerajaan negeri juga akan lebih prihatin tentang usaha-usaha kebersihan di bandar masing-masing. Jadi, di peringkat lain kita juga telah mengarahkan semua pihak berkuasa tempatan supaya mewujudkan hot line. Walaupun mereka ada hot line masing-masing, tetapi maklumat dan nombor-nombor hot line itu tidak diketahui oleh masyarakat umum dan kita minta nombor-nombor ini dipamerkan di tempat-tempat yang senang dan di tempat-tempat yang sentiasa dikunjungi oleh masyarakat umum supaya apabila wujud sesuatu perkara yang perlu dilaporkan, maka hot line ini akan dihubungi oleh masyarakat, hot line ini akan dikendalikan secara 24 jam. Usaha ini sedang dijalankan oleh peringkat kementerian bersama-sama dengan pihak-pihak berkuasa tempatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood.

*[Soalan No. 6 - Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood  
[Tumpat] tidak hadir]*

#### SAINTIS MALAYSIA BERKHIDMAT DI SEKTOR AWAM/SWASTA - JUMLAH

7. **Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan dari 100 saintis Malaysia yang sudah pulang dari luar negara:

- (a) berapakah yang berkhidmat dengan sektor awam dan swasta; dan
- (b) apakah syarat-syarat yang dikenakan bagi membolehkan mereka menikmati dana di bawah Skim Bantuan Industri (IGS) dan bilangan yang telah menerima bantuan ini.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak Skim Penarikan Balik saintis Malaysia dan saintis asing yang

diwujudkan bagi pengambilan saintis bagi sektor awam, hanya 10 orang telah dilaporkan diambil berkhidmat dengan institusi penyelidikan dan institusi pendidikan tinggi. Daripada jumlah ini, seorang saintis telah meletak jawatan untuk memulakan perusahaannya sendiri. Kementerian ini tidak mempunyai maklumat yang lengkap mengenai saintis yang telah pulang untuk berkhidmat di sektor swasta.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat-syaratnya adalah sama seperti Skim IGS yang sedia ada iaitu:
- (i) permohonan hendaklah melalui syarikat milik rakyat Malaysia atau jika syarikat usahasama, majoritinya hendaklah dimiliki oleh rakyat Malaysia;
  - (ii) pemohon mesti membuat usahasama dengan sekurang-kurangnya satu atau lebih institusi penyelidikan atau universiti tempatan dalam cadangan projek yang dikemukakan; dan
  - (iii) cadangan projek hendaklah berkaitan dengan teknologi-teknologi baru yang telah ditetapkan.

Setakat ini daripada 15 permohonan yang diterima, sebanyak 2 daripadanya telah diluluskan.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini, apakah bidang-bidang kepakaran dan hasil penyelidikan mereka serta sejauh manakah penemuan-penemuan ini telah dan boleh dikomersialkan?

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, mereka ini berada di dalam institusi-institusi pengajian tinggi dan penyelidikan. Perkara ini sedang dalam proses dan mereka ini ada berkhidmat di Taman Teknologi dan bermacam-macam tempat, jadi belum ada penemuannya yang dapat kita jawab untuk diketengahkan pada ketika ini.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, saya tahu PAS pun ada tertarik dengan isu saintis dari luar ini. Saya hendak bertanya sedikit kepada Dato' Timbalan Menteri, daripada yang kembali ke Malaysia ini, adakah yang balik semula ke negara asal mereka kerana tidak boleh kembali kepada cara hidup Timur sebagai contoh ataupun balik kerana perkara-perkara atau alasan-alasan yang lain? Saya hendak minta penjelasan sedikit daripada Dato' Timbalan Menteri.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, ini saintis-saintis anak Malaysia yang balik seramai 10 orang. Satu telah meletak jawatan untuk pergi ke bidangnya sendiri, dia bukan saintis asing, tetapi saintis anak Malaysia sendiri, tentulah dia suka dan seronok balik bekerja di negaranya sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tentulah.

Yang Berhormat Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim.

*[Soalan No. 8 - Y.B. Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim [Sabak Bernam] tidak hadir]*

**IKLAN TEMBAKAU DAN ALKOHOL - CADANGAN MEMANSUHKAN**

9. **Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada kementerianya bercadang untuk memansuhkan semua jenis iklan tembakau dan alkohol dalam acara sukan. Sekiranya benar, bila.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak ada iklan tembakau dan alkohol yang dibenarkan secara langsung untuk acara sukan. Oleh yang demikian persoalan untuk memansuhkan semua jenis iklan yang berkenaan tidak timbul.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun tidak ada iklan secara langsung untuk mempamerkan atau mengiklankan tembakau dan alkohol, tetapi ada jenama-jenama tembakau seperti Dunhill, Rothman dan lain-lain. Begitu juga alkohol seperti Carlsberg dan lain-lain ada dalam kaca TV yang selalu kami tonton, adakah kerajaan bercadang untuk menghapuskan semua sekali jenama-jenama ini?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa syarikat-syarikat tembakau tidak menaja acara-acara sukan secara langsung, tetapi secara tidak langsung ada kerana menggunakan jenama-jenama lain ataupun barangan-barangan lain seperti Syarikat Dunhill. Tetapi ini adalah kerana mereka bijak dan tidak ada undang-undang di dalam dunia ini bahawa sesuatu syarikat tidak boleh menggunakan brandnya, dengan izin, untuk rokok sahaja. Jadi, tidak ada undang-undang seperti itu dan negara kita tidak bercadang pada masa ini untuk menghalang bahawa syarikat-syarikat seperti Syarikat Dunhill dan sebagainya supaya mereka tidak menaja sama sekali acara-acara sukan. Tetapi mereka dilarang sama sekali, bahawa mereka tidak boleh membuat promosi rokok sewaktu pertandingan diadakan di stadium ataupun di mana-mana di televisyen.

**DASAR HAK ASASI MANUSIA - KAJIAN SEMULA OLEH PBB**

10. **Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) mengenai usaha kerajaan meminta Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengkaji kembali dasar hak-hak manusia; dan
- (b) apakah sambutan negara-negara Dunia Ketiga dalam perkara ini.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah pun dijawab bersama soalan Yang Berhormat dari Kluang pada 4 Disember dan saya tidak ada apa-apa maklumat tambahan.

**KEMPEN INFLASI SIFAR - KEJAYAAN**

11. **Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said [Kuala Kedah]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) adakah kerajaan berpuashati kempen Inflasi Sifar itu berjaya, kalau tidak apakah halangan-halangnya. Berapa ramai peniaga telah dihukum dan apakah kesannya. Berapa jumlah kutipan kompaun yang diperolehi dalam tahun 1996. Negeri mana yang terbanyak melakukan kesalahan. Barang-barang yang dirampas bagaimana kedudukannya; dan

- (b) penempatan seseorang pegawai penguatkuasa begitu lama di sesebuah negeri adakah prestasi pegawai tersebut menurun, kalau ia, mengapa.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) tujuan Kempen Inflasi Sifar ialah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kesan buruk kenaikan kadar inflasi yang tidak terkawal dan peranan mereka dalam membantu usaha-usaha kerajaan membendung inflasi. Berdasarkan kajian penilaian yang dijalankan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia ke atas kempen ini, kerajaan berpuas hati bahawa kempen tersebut telah berjaya mencapai matlamatnya.

Bagi tahun 1996, kementerian telah mengambil 6,211 kes terhadap perniaga-peniaga bersabit pelanggaran 7 Akta yang dikuatkuasakan dengan melibatkan penyitaan barang-barang bernilai kira-kira RM12.35 juta. Daripada itu, 5,042 kes telah dikompaun dengan pungutan kompaun sebanyak RM1,085,574.00 manakala 570 kes lagi didakwa di mahkamah dan didenda sebanyak RM727,380.00. Kesalahan-kesalahan yang banyak dikesan adalah di negeri Perak, iaitu sebanyak 1,038 kes dan diikuti dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 765 kes dan negeri Johor, 571.

Mengenai kedudukan barang-barang yang disita pula, ianya dilupuskan mengikut perintah mahkamah ataupun garis panduan pelupusan eksibit yang ditetapkan oleh kementerian.

- (b) Penempatan seseorang pegawai di sesuatu negeri bagi tempoh yang agak lama didapati tidak menjejaskan prestasi pegawai-pegawai tersebut. Dari segi pengurusan sumber manusia, kementerian sentiasa membuat penilaian di atas prestasi pegawai-pegawai penguatkuasaannya dan sesuatu pertukaran itu akan dikuatkuasakan mengikut keperluan perkhidmatan.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mengadakan Kempen Inflasi Sifar ini, didapati juga aktiviti dengan izin, jualan murah (sales) ataupun tawaran istimewa. Pengguna tertarik dengan istilah ini, jadi adakah pihak kerajaan sedar bahawa didapati juga peniaga-peniaga yang tidak mengikut peraturan, terutama sekali di segi jualan makanan dalam tin yang didapati tarikhnya sudah luput.

Saya hendak minta penjelasan setakat manakah pegawai penguatkuasa selalunya membuat inforcement terhadap perkara-perkara begini dan siapakah yang menetapkan tentang tarikh luput guna barangan terutama sekali barangan dalam tin ataupun dalam botol.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai tarikh luput yang ditandakan dalam barang-barang bungkusan itu seperti barang-barang makanan, tarikh-tarikhnya ditetapkan oleh pengeluar dan diluluskan ataupun diperhatikan oleh Kementerian Kesihatan, disebabkan ia barang makanan. Manakala barang-barang lain seperti ubat dan sebagainya diperhatikan juga oleh kementerian yang berkenaan. Daripada Ops Sedar yang dilakukan oleh kementerian mengenai perkara penguatkuasaan, satu daripada tugasnya ialah untuk menentukan barang-barang yang luput tarikh itu tidak ada dalam shelf di kedai-kedai, tetapi jika didapati selain daripada penguatkuasaan kita, pengguna juga boleh memberi maklumat dan kita telah dan akan terus mengambil tindakan terhadap mereka yang melakukan kesalahan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri mengatakan bahawa Kempen Inflasi Sifar telah mencapai matlamatnya. Bagaimanapun sejak kebelakangan ini berikutan dengan keadaan ekonomi yang kita sedang hadapi, kenaikan harga barang-barang khususnya barang yang diimport adalah perkara yang tidak boleh dielakkan. Adakah pihak kementerian boleh menyampaikan kepada Dewan yang mulia ini peratusan inflasi yang berlaku dalam negara sejak bulan September sehingga bulan November yang lalu.

Yang keduanya, adakah kementerian bercadang untuk meningkatkan lagi Kempen Inflasi Sifar dalam konteks ini supaya rakyat tidak boleh dieksploitasi oleh pihak pedagang-pedagang.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya jelaskan dalam hal inflasi ini, selain daripada peniaga, satu faktor yang penting ialah pengguna sendiri iaitu mengelakkan pengguna untuk membeli barang-barang berlebihan ataupun barang-barang mahal, ia juga akan membantu kempen ini. Walau bagaimanapun pada bulan September tahun ini, jika dibandingkan dengan bulan Oktober tahun 1996 bulan yang sama ialah 2.6%; bulan September - 2.6%; bulan Ogos - 2.6%; bulan Julai 2.7%. Bagi November belum lagi diperolehi atau angka ini belum lagi kita terima daripada Jabatan Perangkaan yang mengutip dan menentukan kadar inflasi.

Pada keseluruhannya purata yang saya sebutkan ini adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, selepas penurunan mata wang Ringgit Malaysia, mungkin ada keadaan di mana kadar inflasi boleh juga naik, belum lagi dapat diketahui. Namun demikian, oleh kerana the growth rate yang ditetapkan dan yang akan ditentukan adalah rendah, maka kadar inflasi juga boleh dikawal. Itu sebablah kita memerlukan kerjasama daripada semua pihak.

#### KERUGIAN DIALAMI OLEH BANK - JUMLAH TERKUMPUL

12. **Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]** minta Menteri Kewangan:

- (a) berapakah jumlah kerugian terkumpul yang dialami oleh bank-bank di negara ini disebabkan oleh kegagalan korporat-korporat dan pemaju atau pengusaha-pengusaha kecil menjelaskan hutang-hutang mereka semenjak lima tahun lalu; dan
- (b) jika jumlah kerugian yang dialami oleh bank-bank terus naik disebabkan kegagalan korporat-korporat menjelaskan hutang mereka, adakah pihak bank terus mengutamakan memberi kemudahan pinjaman kepada badan-badan korporat berbanding syarikat-syarikat yang ingin meminjam RM20,000 ke bawah.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia tiada mengumpul maklumat berhubung dengan kerugian yang dialami oleh bank-bank disebabkan oleh kegagalan korporat, pemaju dan pengusaha kecil. Namun begitu, secara keseluruhan, tahap pinjaman tidak berbayar yang dialami oleh bank-bank telah menurun sejak lima tahun lalu, iaitu dari 12.9% dari jumlah pinjaman tertunggak pada tahun 1993 kepada 4.3% pada penghujung bulan Oktober.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat yang menjalankan perusahaan kecil dan sederhana boleh mendapat bantuan untuk memperolehi pinjaman dari bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan di bawah skim yang diuruskan oleh Syarikat Jaminan Kredit Malaysia Berhad ataupun CGC termasuk Skim Jaminan Utama Baru dan Tabung Pinjaman Penjaja dan Peniaga Kecil.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang, bank-bank telah menaikkan angka BLR daripada 8% ke 10%. Justeru itu ia membebankan peminjam. Saya ingin tahu apakah rasional kerajaan membenakan kenaikan BLR ini dan adakah kerajaan bercadang untuk menetapkan angka BLR yang lebih berpatutan.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia membuat keputusan supaya kadar faedah di dalam institusi kewangan itu lebih kurang kekal sama, kerana difikirkan ini adalah satu cara yang munasabah untuk menangani masalah ini. Tambahan pula kita mempunyai cara untuk menangani masalah ini, iaitu dengan memendekkan tempoh bagi Non Performing Loan daripada 6 bulan kepada 3 bulan dan juga oleh kerana sekarang kita mengalami kecairan dalam pasaran itu yang begitu ketat dan didapati kadar pertumbuhan pinjaman sekarang juga tinggi iaitu sampai 29%. Jadi, pihak kerajaan mencadangkan supaya kita dapat mengurangkan kadar pertumbuhan pinjaman kita daripada itu hingga ke 25% pada penghujung tahun ini dan juga pada 20% pada suku tahun pertama tahun hadapan sehingga 15% pada penghujung tahun hadapan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menerangkan sedikit sebanyak tentang saluran dengan cara-cara di mana kita boleh memaksimumkan sumber-sumber kewangan yang terdapat di dalam pasaran itu supaya kita dapat memaksimumkan keuntungan itu di dalam sektor-sektor yang produktif dari segi ekonomi, iaitu dalam sektor perkilangan, sektor pengeluaran dan eksport juga dalam sektor-sektor yang berekonomi. Manakala kalau kita bandingkan dengan sektor-sektor untuk hartanah dan juga syer, mungkin kerajaan telah bercadang untuk mengurangkan ataupun menghentikan pinjaman kepada pemaju-pemaju yang terlibat dalam pembangunan perumahan. Dalam segi ini Bank Negara Malaysia telah mengarahkan semua institusi kewangan berhenti memberi kelulusan pinjaman kepada semua projek perumahan bagi harga rumah RM150,000 ke atas. Jika kelulusan itu telah dikeluarkan dan diberikan tetapi masih belum dilaksanakan, mungkin bank itu akan berbincang semula dengan pihak peminjam dan kalau didapati projek itu tidak viable, oleh kerana tidak mempunyai pembeli ataupun hanya setakat tanah telah diratakan, mungkin kelulusan itu akan ditarik balik. Manakala bagi projek untuk rumah RM150,000 ke bawah dan didapati projek itu viable, oleh kerana kebanyakan rumahnya telah dijual, maka mungkin bank itu adalah dibenarkan untuk memberi kelulusan kepada pinjaman untuk riging finance.

Sukacita saya maklumkan juga bagi peminjam individu yang bercadang untuk membeli rumah tiada sekatan daripada peraturan yang telah dikeluarkan itu.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan peratusan pinjaman daripada bank-bank kepada sektor hartanah, sektor perindustrian dan juga kepada pembelian kereta dan pembelian saham. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Kewangan untuk menggalakkan atau membolehkan bank-bank menceburi dalam bidang venture capital untuk membiayai projek-projek yang berbentuk teknologi tinggi.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, saya perlukan notis untuk angka-angka yang spesifik.

Mengenai cadangan untuk kita memaksimumkan resources yang terdapat itu seperti yang saya katakan iaitu kita galakkan supaya pinjaman itu akan disalurkan untuk kegiatan-kegiatan ekonomi yang boleh mendatangkan atau menambahkan rizab kita serta boleh membantu kita untuk mengurangkan defisit dalam akaun semasa kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ho Cheong Sing.

*[Soalan No. 13 - Y.B. Tuan Ho Cheong Sing [Ipoh Barat] tidak hadir]*

**SUKAN KUALA LUMPUR 98/KOMANWEL XVI - JUMLAH ATLET DARI SARAWAK DAN SABAH**

14. **Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh [Selangau]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) berapakah orang peserta Atlet dari Sarawak dan Sabah yang menyertai sukan Kuala Lumpur 98, Sukan Komanwel XVI; dan
- (b) apakah jenis aktiviti sukan yang akan diambil oleh peserta dari Sarawak dan Sabah serta bagaimanakah persediaan Malaysia setakat ini dalam menghadapi Kuala Lumpur 98, Sukan Komanwel XVI.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, daripada 333 orang atlet yang sedang mengikuti Fasa III program latihan untuk Sukan Komanwel 98 terdapat seramai 21 orang atlet dari negeri Sarawak dan 20 orang atlet dari Sabah.

Atlet-atlet dari Sarawak mengikuti latihan dalam acara-acara sukan, Angkat Berat (1), Bola Jaring (1), Hoki Wanita (2), Lown Bowls (1), Menembak (1), Renang (1), Skuasy (2), Olahraga (1), Tinju (5) dan Renang Berirama (6). Manakala atlet dari Sabah pula mengikut acara-acara sukan, Angkat Berat (3), Kriket (2), Lawn Bowls (2), Menembak (1), Ragbi (3), Renang (2), Terjun (5) dan Tinju (2).

Tuan Yang di-Pertua, program latihan ini telah berada di penghujung Fasa III yang akan berakhir pada bulan Disember tahun ini. Proses penilaian atlet sedang dilaksanakan sekarang bagi membolehkan tumpuan latihan diberi kepada atlet-atlet pilihan ini. Fasa IV latihan akan bermula dari bulan Januari tahun hadapan sehingga ke sukan berkenaan yang akan diadakan dari 11-21 September 1998.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan Sukom ini adalah satu aktiviti sukan negara untuk Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Adakah kementerian bercadang untuk mengadakan beberapa acara sukan diadakan di Sarawak dan Sabah? Kalau 'ya' apakah acaranya dan kalau 'tidak' mengapa? Ini penting Tuan Yang di-Pertua, untuk mengeratkan perhubungan di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak juga untuk rakyat Sarawak merasai sebahagian dalam Sukom ini.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Belia dan Sukan pun ingin memberi peluang kepada negeri-negeri lain untuk mengambil bahagian mengadakan sebahagian acara-acara Sukan Komanwel 98 ini. Tetapi kita tidak boleh mengambil keputusan dengan begitu cepat, kerana kita kena tengok infrastruktur-infrastruktur yang ada di negeri-negeri yang berkenaan. Begitu juga faktor-faktor lain kerana temasya Sukan Komanwel ini adalah satu temasya sukan antarabangsa, ini bukan seperti Sea Games ataupun Sukma. Ini adalah satu temasya sukan yang bertahap tinggi, jadi kita kena berhati-hatilah. Sekiranya boleh, memang Kementerian Belia dan Sukan menyokong dan memberi peluang kepada negeri-negeri lain.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada persediaan yang rapi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya cuma ingin tahu berapakah jumlah pungutan emas yang dijangka akan dipungut oleh para atlet kita dalam Sukan Komanwel ini? Adakah kehadiran jurulatih-jurulatih luar negara membantu ke arah merealisasikan matlamat ini?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, temasya Sukan Komanwel ini adalah satu sukan yang bertahap tinggi sekali di dunia. Jadi, kita tidak berharapan besar untuk memungut pingat-pingat emas. Tetapi sebagai tuan rumah kita akan cuba melatih atlet-atlet dengan sedaya-upaya dan membawa jurulatih-jurulatih luar negeri supaya mereka datang untuk menolong kita, agar kita dapat memungut sebanyak mungkin pingat-pingat emas.

Beberapa acara sukan yang mana kita berharap besar untuk memenangi pingat emas iaitu Sukan Badminton dan Acara Berjalan Kaki, kerana kita tahu bahawa atlet kita mempunyai harapan besar. Bagi acara-acara lain kita cubalah dengan sedaya-upaya dan kita tahu ini adalah temasya sukan antarabangsa dan kebanyakan atlet kita belum sampai ke tahap itu untuk memenangi pingat emas.

#### MAKANAN TERNAKAN - HARGA BAHAN INPUT

15. Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan] minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) mekanisma bagi menentukan harga bahan-bahan 'input' makanan ternakan; dan
- (b) adakah kementerian bercadang untuk mengawal kenaikan harga bahan-bahan 'input' makanan ternakan dan adakah kementerian bercadang untuk melesenkan semua pengusaha ladang-ladang ternakan di negara ini, kalau tidak mengapa dan kalau ada, bila.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pada ketika ini tidak ada mekanisme penentuan harga secara rasmi bagi bahan-bahan input makanan ternakan. Memandangkan bahawa kebanyakan 70% hingga 80% bahan-bahan mentah bagi merumus makanan ternakan seperti jagung dan serbuk kacang soya adalah diimport, harga bahan-bahan ini adalah ditentukan oleh pasaran bebas berpandukan kepada permintaan dan penawaran. Oleh yang demikian, harga makanan ternakan terumus sangat bergantung kepada harga semasa bahan-bahan 'input' makanan ternakan.
- (b)
  - (i) Kementerian Pertanian tidak bercadang untuk mengawal harga bahan-bahan 'input' makanan ternakan kerana harga di pasaran tempatan masih menggambarkan nilai sebenar tanpa herotan. Dalam persaingan yang sihat didapati harga tempatan turun bila harga antarabangsa turun dan begitulah sebaliknya.
  - (ii) Setakat ini belum ada cadangan untuk melesenkan semua pengusaha ladang-ladang ternakan di negara ini. Pada peringkat ini Jabatan Perkhidmatan Haiwan hanya memerlukan supaya ladang-ladang khinzir didaftarkan dengannya. Walaupun demikian, kerajaan negeri seperti Negeri Sembilan, Johor dan Pulau Pinang telah pun menggubal enakmen masing-masing yang memerlukan supaya semua ladang khinzir dilesenkan. Bagi negeri Johor, enakmen bagi perlesenan ladang-ladang unggas sedang juga diuruskan.

Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dikebanyakan negeri-negeri di Malaysia ini, kadangkala terdapat masalah, di mana ladang-ladang ternakan, sama ada ladang ternakan ayam ataupun khinzir ini diletakkan di suatu kawasan perkampungan, maka ianya mendatangkan pencemaran

bau kepada penduduk-penduduk di persekitaran. Oleh kerana tidak ada kuasa, tidak ada lesen yang dikeluarkan oleh mana-mana agensi baik kerajaan tempatan ataupun kementerian, maka ianya menyulitkan. Bila ada kompelin daripada masyarakat setempat supaya ladang-ladang tersebut dipindahkan dan oleh kerana tidak ada sesuatu kuasa, akta ataupun enakmen bagi menutup satu-satu ladang ini, maka tindakan ataupun rungutan penduduk persekitaran tidak dapat kita tangani. Oleh yang demikian, saya ingin tahu apakah bentuk ataupun usaha yang boleh kita ambil bagi membolehkan ladang-ladang yang disebutkan tadi ditutup ataupun dipindah.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Labuan. Memang saya bersetuju pada dasarnya pandangan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat, kerana pada masa ini walaupun kita tidak mempunyai peraturan atau akta untuk mengambil tindakan tetapi menerusi Akta Kerajaan Tempatan atau melalui Akta Kegunaan Tanah boleh juga diambil tindakan-tindakan. Sebab itu ternakan khinzir yang biasanya agak banyak memberi pencemaran kepada udara dan air, maka sebab itulah kita telah memulakan, iaitu dikehendaki penternak-penternak mendaftar khususnya di negeri-negeri yang saya sebutkan tadi. Tidak walau bagaimanapun, bagi ternakan ayam dan lain-lain lagi kita akan melihat kalau ianya juga mengganggu ketenteraman, maka ini juga akan kita cuba supaya dapat didaftarkan atau di'register'kan di Pejabat Haiwan.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di zaman meleset ini kita menggalakkan semua warganegara kita supaya makan barang tempatan, pakai pakaian tempatan dan sebagainya. Jadi, saya dengar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa makanan ternakan diimport 80%. Apakah binatang ini cerdik daripada kita dia tidak mahu makan benda-benda tempatan. MARDI tidak boleh kajikah makanan-makanan ternakan supaya kontennya kita mesti cari yang sama. Kalau jagung carilah barang-barang yang sama dengan jagung. MARDI buat kajian supaya binatang diajar memakan makanan tempatan. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena. Binatang sama dengan orang. Orang kebanyakannya hendak makan beras. Jadi, kita tidak boleh cari sagukah, ubi kayukah, ubi keledekkah, dia tidak sama dari segi kandungan zatnya. Begitu juga dengan binatang ternakan, saya telah sebut tadi 70% hingga 80% daripada jagung dan juga daripada kacang soya telah diimport. Sebenarnya jagung dan kacang soya ialah tanaman tempatan boleh sesuai di sini. Tetapi yang jadi masalahnya ialah cara berscale besar, iaitu dengan cara 10,000 ekar. Kalau hendak tanam jagung 10,000 ekar, 20,000 ekar baru viable atau baru kosnya lebih murah daripada kita import. Jadi, bermakna ayam pun makan makanan tempatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Chia Kwang Chye.

*[Soalan No. 16 - Y.B. Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) tidak hadir]*

#### AKTIVITI DERIVATIF PERBANKAN - USAHA MEMASTIKAN PENGURUSAN LANCAR

17. **Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Menteri Kewangan menyatakan:
- (a) bagaimana kerajaan sedang memastikan supaya aktiviti-aktiviti derivatif oleh institusi-institusi perbankan diurus dengan cermat bagi mengelakkan situasi kewangan yang tidak stabil; dan
  - (b) bagaimana kerajaan sedang menambah kedalaman dan kelebaran pasaran modal bagi memudahkan pengurusan risiko.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada bulan Julai 1996 Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan satu garis panduan komprehensif ke atas pengurusan risiko derivatif oleh institusi perbankan. Garis panduan tersebut menetapkan piawaian minimum bagi memastikan bahawa aktiviti derivatif institusi perbankan dijalankan dalam lingkungan yang dikawal dengan selamat. Di samping itu, pemeriksaan audit juga dijalankan oleh pegawai-pegawai Bank Negara Malaysia dari masa ke semasa untuk menentukan bahawa sistem kawalan dalaman institusi kewangan adalah mencukupi.
- (b) Sebagaimana yang diketahui dua buah bursa derivatif kewangan iaitu KLOFEE dan MME telah ditubuhkan dan telah beroperasi di Malaysia sejak dua tahun yang lepas. Antara tujuannya bursa-bursa derivatif ini ditubuhkan ialah bagi mencapai hasrat kerajaan untuk menambah kedalaman serta kelebaran pasaran sekuriti tempatan serta memudahkan pengurusan risiko kewangan. Dengan demikian pelabur-pelabur boleh melindungi nilai kedudukan-kedudukan ekuiti mereka dengan kontrak-kontrak niaga hadapan, indeks komposit BSKL yang diniagakan di KLOFFE. Pelabur-pelabur juga dapat menguruskan risiko kadar faedah mereka dengan menggunakan kontrak-kontrak niaga hadapan KLIBOR tiga bulan yang diniagakan di MME.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya tentang jumlah derivatif yang diuruskan sehingga sekarang. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan bahawa kita tidak akan menghadapi kerugian atau penyelewengan sepertimana yang berlaku di Amerika Syarikat apabila kita ada junking bond, Michael Milcon ataupun Victor Voiceky?

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, bagi KLOFFE bolehlah dikatakan telah mencapai satu kejayaan yang membanggakan. Bilangan kontrak yang telah bertambah hingga lebih daripada 3,000 kontrak sehari berbanding dengan hanya kurang daripada 500 sahaja satu hari. Jadi, ini menunjukkan pelabur-pelabur sudah menggunakan kemudahan ini untuk menguruskan risiko ini. Juga yang kita nampak ialah bilangan peniaga runcit tempatan pun sudah bertambah hingga lebih kurang 30% jumlah perdagangan kontrak.

Bagi KLIBOR ataupun MME ini oleh kerana kegiatan itu tidak begitu aktif disebabkan keadaan bursa saham ataupun aktiviti-aktiviti pasaran antara bank adalah tidak begitu aktif, maka bilangan kontrak dalam MME tidaklah begitu tinggi.

Seperti saya katakan dalam jawapan utama itu ialah garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia itu adalah ketat sekali dan komprehensif dan pegawai-pegawai audit itu sentiasa menjalankan tugas dalam segi kawalan yang ketat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut tamat.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6, 8, 13, 16 dan 18 hingga 31 akan dijilid dalam buku berasingan]*

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT****RANG UNDANG-UNDANG PENAGIH DADAH  
(RAWATAN DAN PEMULIHAN) (PINDAAN) 1997****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG BIL PERTUKARAN  
(PINDAAN) 1997****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [9 Disember 1997]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kota Melaka, sila.

3.40 ptg.

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam satu akta untuk meminda Akta Bil Pertukaran 1949. Di sini kerana ini akan diuruskan oleh pihak Bank Negara. Saya ingin bertanya tentang sejauh manakah Bank Negara akan memastikan semasa menegakkan undang-undang yang ditetapkan, mereka akan menjalankan tanggungjawabnya dengan bebas dan tanpa memihak kepada mana-mana pihak.

Saya menimbulkan perkara ini kerana saya ada satu kes di mana seperti yang sedia dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kalau seseorang telah buat satu cek di mana telah ditendang ataupun bounce cek sebanyak tiga kali, akaun dia akan ditutup. Selepas akaun dia akan ditutup, maklumat pemegang akaun di mana akaun itu ditutup akan dihantarkan kepada satu biro yang dinamakan Biro Maklumat Cek (BMC), dan sebarang aduan yang dibuat kepada Biro Maklumat Cek akan mencetuskan trigger point di mana semua akaun di semua bank-bank akan ditutup sama ada diuruskan dengan baik atau tidak semuanya akan ditutup.

Di sini nampaknya apakah tindakan yang akan diambil oleh Bank Negara kalau sesuatu bank membuat kesilapan dengan membuat laporan palsu kepada Biro Maklumat Cek yang diuruskan oleh Bank Negara. Di sini kes di mana bank yang melakukan kesilapan enggan bertanggungjawab dan juga kegagalan Bank Negara memperjuangkan keadilan untuk pihak pengguna tetapi memihak kepada bank. Dan bank ini yang saya rujuk adalah RHB Capital yang dahulunya Kwong Yik Bank. Sekarang RHB Capital nampaknya menjadi tumpuan perhatian.

Tetapi dalam kes spesifik ini berlaku sebelum diambil alih oleh RHB. Kes ini melibatkan seorang peniaga dan pelanggan Kwong Yik Bank, yang bernama Encik Soh Koon daripada Senai di Johor. Encik Soh Koon telah diberitahu oleh satu surat Bank Negara bertarikh 13 Disember 1996 yang ditandatangani oleh Puan Cha Kim Lek, seorang pegawai Bank Negara bahawa Kwong Yik Bank Berhad telah meminta beliau disenaraihitamkan. Ekoran laporan Kwong Yik Bank yang palsu ini semua akaun bank semasa Encik Soh di bank-bank perdagangan lain telah pun ditutup dan beliau dilarang membuka akaun bank dari 31 Ogos 1996 hingga 28 Februari 1997.

Perlu ditegaskan bahawa Encik Soh Koon telah menutup akaun Kwong Yik Bank Cawangan Senai, Johor, bernombor 001088000508 dengan diri sendiri, dengan sukarela hatinya tanpa dipaksa oleh mana-mana pihak termasuk Kwong Yik Bank Cawangan Senai. Akaun tersebut telah diuruskan dengan baik dan beliau tidak berhutang apa-apa kepada Kwong Yik Bank Berhad. Bila beliau menutup akaun banknya, Encik Soh juga tidak mempunyai apa-apa cek yang belum dijelaskan bila akaunnya ditutup. Ini disahkan oleh surat Kwong Yik Bank kepada beliau pada 20 Disember tahun lepas bahawa akaunnya diuruskan dengan baik, dan mereka telah membuat laporan yang palsu kepada Biro Maklumat Cek bahawa akaunnya ditutup kerana tidak cukup wang atau surat-surat lain yang perlu disenaraihitamkan.

Kesilapan Kwong Yik Bank diakui juga oleh Head of Branch Operations, Encik Abdul Murad Majid, Kwong Yik Bank Ibu Pejabat dalam sepucuk surat kepada saya bertarikh 5 Februari tahun ini. Seperti yang sedia dimaklumkan oleh Bank Negara penutupan semua akaun di bank-bank perdagangan lain membawa kesan buruk kepada Encik Soh bukan sahaja dari segi nama baiknya, tetapi kerugian besar dari segi kewangan. Ini adalah kerana pinjaman overdraft di bank perdagangan lain beliau terpaksa dibayar dengan secara tergesa-gesa sungguhpun ia diuruskan dengan baik. Seperti yang saya nyatakan tadi kalau satu bank ada masalah tidak cukup wang, cek ditendang tiga kali, akaun ditutup, semua akaun di bank-bank lain dijalankan dengan baik, teratur dan lancar ia juga akan terpaksa ditutup kerana trigger point yang ditetapkan oleh Bank Negara dalam Biro Maklumat Cek (BMC).

Dalam kes Encik Soh di mana Encik Soh tidak melakukan apa-apa kesilapan atau penyelewengan tetapi atas kesilapan sebuah bank perdagangan, dia terpaksa menjelaskan semua pembayaran overdraft di bank-bank lain kerana terpaksa ditutup atas arahan Bank Negara. Oleh kerana dia ada overdraft beratus-ratus ribu Ringgit, tidak ada cukup wang dana untuk buat bayaran, beliau terpaksa menjual tanah yang telah dicagarkan bukan kepada Kwong Yik Bank, tetapi kepada sebuah bank yang lain. Kerana dijual dengan secara tergesa-gesa beliau terpaksa menjualkan tanahnya dengan harga yang sangat murah hampir, dengan izin, force sale value.

Kalau harga yang dia jual dibandingkan dengan harga pasaran, Encik Soh terpaksa menanggung kerugian kira-kira RM400,000 lebih rendah kerana terpaksa dijual secara paksaan. Malangnya, sungguhpun Kwong Yik Bank Berhad telah mengakui kesilapan mereka, mereka enggan membayar ganti rugi kepada Encik Soh Koon untuk membolehkan beliau menebus balik nama baik dan kerugian kewangan. Saya percaya pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri akan faham kalau semua akaun semasa kita ditutup dalam bank, macam mana kita boleh jalankan perniagaan kita, kita pinjam cek daripada kawan-kawan. Dan kalau ditanya oleh kawan-kawan mengapa perlu pinjam cek, dia cakap semua kena tutup, malulah dia. Macam mana dia boleh menjalankan perniagaan. Nama baik dia tercemar, nama baik perniagaan dia tercemar, dia susah hendak menjalankan perniagaan. Oleh kerana itu, secara tidak langsung dia terpaksa menghentikan dan menutup perniagaannya.

Tetapi sungguhpun kerugian yang dialami dari aspek kewangan dan nama baik, nampaknya bank-bank berhati perut betul. Sungguhpun mengakui kesilapan tetapi enggan mengakui kesilapan dengan membayar ganti rugi yang dialami oleh pelanggan ini yang dianiayai oleh kesilapan pengurus Kwong Yik Bank Cawangan Senai. Saya hendak tanya, apakah gunanya Kwong Yik Bank Berhad mengakui kesilapan tanpa meminta maaf ataupun membayar ganti rugi untuk sebarang kerugian bukan sahaja dari segi material tetapi dari segi nama baik. Ini adalah sungguh tidak bertanggungjawab.

Mengapakah Bank Negara tidak mengarahkan RHB Capital ataupun Kwong Yik Bank membuat bayaran ganti rugi kepada Encik Soh Koon yang telah dianiayai selepas beliau dan kawan-kawannya telah tersalah disenaraihitamkan dalam Biro Maklumat Cek. Oleh itu, saya ingin meminta Bank Negara harus menegakkan keadilan dengan mengarahkan Kwong Yik Bank Berhad untuk bertanggungjawab ke atas kesilapan mereka dengan membayar ganti rugi yang sewajarnya. Sehingga

sekarang sungguhpun perkara ini telah dilanjutkan dan diketengahkan kepada Bank Negara selama hampir setahun belum ada sebarang tindakan tegas yang diambil oleh Bank Negara.

Selain daripada berdolak-dalik di antara Kwong Yik Bank dan Bank Negara tidak ada sebarang tindakan langsung. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehlah campur tangan dan menegakkan keadilan dalam kes ini, kerana ini betul-betul adalah satu kesilapan yang dibuat oleh sebuah bank perdagangan, tetapi sungguhpun kesilapan dibuat mereka enggan bertanggungjawab. Saya rasa sikap dan tingkah laku sedemikian tidak harus dibenarkan, kerana kalau ia dibenarkan ini akan membawa satu kesan yang amat buruk kepada pelanggan-pelanggan, di mana kerana mereka bank, we can do no wrong. Saya rasa itu bukanlah memenuhi hasrat yang dicapainya oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan bahawa bank-bank mestilah melihat keadaan sebelum mengambil tindakan. Apabila mereka mengambil tindakan sedemikian, jelas adalah salah, saya rasa mereka harus bertanggungjawab. Kalau mereka tidak bertanggungjawab saya rasa ini bukanlah bank yang kita mahu, mereka harus diambil tindakan keras oleh Bank Negara. Saya tidak mahu melihat kerana ada hubungan rapat di antara bank-bank, mereka menikmati keistimewaan. Kerana peranan Bank Negara bukan untuk menjaga bank perdagangan. Peranan utama Bank Negara ialah untuk menjaga pelanggan-pelanggan dan pendeposit-pendeposit dalam bank-bank.

Saya harap Bank Negara harus faham tentang peranan yang dimainkan oleh mereka. Pada masa yang sama sungguhpun ada satu Biro Rundingcara Perbankan yang ditubuhkan oleh Bank Negara, saya lihat di sini bahawa jumlah yang mereka boleh uruskan adalah terlalu kecil, sebanyak RM25,000. Saya rasa kalau kita lihat tentang tuntutan yang dibuat oleh pelbagai pihak, RM25,000 adalah satu jumlah yang terlalu kecil. Saya harap jumlah ini boleh ditingkatkan. Pada masa yang sama saya ingin bertanya sejauh manakah keberkesanan Biro Rundingcara Perbankan ini yang ditubuhkan untuk menguruskan sebarang pertikaian mengenai pelanggan-pelanggan atau pengguna-pengguna dengan bank-bank perdagangan. Kerana kalau mereka tidak boleh memaksa bank-bank menerima keputusan mereka, saya rasa ia hanya satu hiasan atau satu bunga palsu yang tidak berkesan langsung.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya tentang aduan-aduan yang dibuat oleh orang awam tentang kehilangan yang diperolehi atau dialami oleh mereka kerana menerusi kad ATM. Ada banyak pelanggan di mana mereka mempunyai akaun dalam bank, tetapi pada masa yang sama memiliki kad ATM. Sungguhpun mereka tidak mengeluarkan wang daripada kad ATM tetapi secara tiba-tiba mereka mendapati bahawa wang deposit dalam akaun mereka telah kurang, bukan kerana mereka mengeluarkan wang tetapi dikeluarkan oleh pihak-pihak yang tidak dikenali.

Di sini adalah jelas bahawa kerana bilangan yang membuat aduan termasuk seorang profesor dari Universiti Malaya yang mengetuai satu jawatankuasa menuntut keadilan dan menuntut bahawa bank-bank mesti memulang balik wang yang telah dicuri. Saya harap pihak Bank Negara boleh mengambil berat dan mengarahkan bank-bank perdagangan memulangkan wang kepada pelanggan-pelanggan atau pengguna-pengguna yang kehilangan deposit mereka kerana sebab-sebab tertentu.

Tidak boleh dinafikan bahawa sistem komputer-komputer yang diperolehi atau dipakai oleh bank memang mempunyai kelemahan. Kalau kita lihat, dengan izin, clonning yang dibuat dalam telefon cellular jelas sekali bahawa clonning yang dibuat dalam telefon cellular ini dibuat kerana ada pakatan dalaman yang menguruskannya, pakatan dalaman di dalam syarikat-syarikat cellular telefon swasta sendiri. Di sini saya pun percaya bahawa dalam bank-bank kita pun ada anasir-anasir yang tidak sihat seperti ini. Kalau sistem komputer boleh diseleweng, boleh dipermainkan, saya rasa pelanggan-pelanggan tidak akan mempunyai keyakinan penuh tentang sistem pengkomputeran bank. Kalau wang yang mereka deposit dalam bank bolehlah diselewengkan dengan begitu mudah sekali hanya kerana mereka memiliki kad ATM.

Dalam perkara ini kerana ia adalah satu isu yang sangat penting saya harap pihak Bank Negara dan pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mengambil berat.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya juga ingin mendapat penjelasan macam mana rizab asing Bank Negara boleh turun sebanyak RM9 bilion. Semalam Timbalan Menteri telah menyatakan penurunan RM9 bilion dalam nilai rizab asing disebabkan oleh lumpy import seperti pembelian kapal terbang oleh MAS dan sebagainya. Beliau telah menafikan dengan keras sekali bahawa kehilangan rizab asing disebabkan oleh usaha untuk mempertahankan nilai mata wang Ringgit bila diserang oleh penyangak-penyangak tukaran wang. Saya telah menimbulkan isu penting ini kerana penyata kewangan Bank Negara menunjukkan nilai rizab asing pada 30 Jun sebanyak RM70 bilion telah turun sebanyak RM9 bilion kepada RM62 bilion pada 15 Julai tahun ini. Sebelum 30 Jun nilai rizab asing telah naik kepada RM70 bilion, dan selepas 15 Julai telah kekal dalam lingkungan RM62 bilion sehingga sekarang. Malah dua hari lepas Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan menyatakan rizab asing Bank Negara sebanyak RM62 bilion boleh menanggung import tertangguh selama 37 bulan. Mengikut beliau angka rizab asing sebenarnya lebih tinggi kerana dikira mengikut asas akhir tahun lepas bila 1 US Dolar ialah RM2.50.

Memandangkan rizab asing adalah dipegang dalam mata wang asing, dengan penurunan nilai mata wang Ringgit sekarang, nilai rizab asing sepatutnya telah meningkat sekurang-kurangnya 30%. Tetapi kerana kerajaan tidak mahu mengira berdasarkan nilai semasa tetapi pada akhir tahun lepas rizab asing telah sengaja dikurang kira. Timbul persoalan mengapa rizab asing Bank Negara boleh kekal dalam lingkungan RM62 bilion sejak 15 Julai hingga sekarang, tetapi dalam masa dua minggu boleh turun RM9 bilion dari RM71 bilion kepada RM62 bilion. Sebab yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam tentang kejatuhan nilai rizab asing yang menyebabkan RM20 juta rakyat Malaysia rugi RM9 bilion dalam masa dua minggu sahaja, bukan sahaja tidak meyakinkan tetapi boleh dianggap sebagai mengelirukan atau menipu Dewan yang mulia ini.

Beliau menjawab bahawa kejatuhan RM9 bilion dalam masa dua minggu ini disebabkan oleh import barang lumpy, dengan izin. Bila saya bertanyakan pula adakah import barangan biasanya bukan begitu besar sehingga ada penurunan sebanyak RM9 bilion dalam dua minggu sahaja, dan apakah barangan begitu mahal yang dibeli dan diimport, beliau tidak dapat menjawab. Jawapan yang diberikan oleh beliau adalah tidak benar dan tidak bertanggungjawab, kerana lumpy import pada sembilan bulan pertama, bukan dua minggu, sembilan bulan pertama, dari Januari hingga September adalah hanya sebanyak RM6.8 bilion sahaja, bukan RM9 bilion dalam dua minggu seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dan RM6.8 bilion lumpy import dalam sembilan bulan pertama diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sendiri dalam Belanjawan 1998.

Kalau lumpy import untuk sembilan bulan yang pertama dari Januari hingga September 1997 hanya sekadar RM6.8 bilion, macam mana pula import barangan boleh sampai RM9 bilion dalam dua minggu di antara 30 Jun hingga 15 Julai. Akan tetapi saya bersedia memaafkan beliau kerana beliau mungkin terkeliru dengan selok-belok kewangan Bank Negara sebagai seorang yang bukan pakar atau datang dari jurusan ekonomi dan kewangan. Itulah sebabnya saya ingin bertanyakan Yang Berhormat Timbalan Menteri sekarang yang seorang pakar ekonomi dan kewangan tentang kehilangan nilai rizab asing sebanyak RM9 bilion dalam dua minggu. RM9 bilion adalah jumlah yang sangat besar, kerana inilah jumlah yang ingin dijimatkan oleh kerajaan selepas memotong perbelanjaan sebanyak 18% daripada Belanjawan 1998 sepertimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam bahawa pemotongan 18% daripada Belanjawan 1998 akan menjimatkan negara RM9 bilion. RM9 bilion ini telah hilang dalam dua minggu. Tetapi kita hendak potong RM9 bilion untuk tahun depan, 12 bulan, tetapi dua minggu sudah habis.

Saya rasa rakyat mempunyai hak untuk tahu macam mana RM9 bilion, 18% yang ingin dipotong daripada Belanjawan 1998 dengan begitu senang sahaja. Kalau

nilai rizab asing tidak hilang RM9 bilion kemungkinan besar kita tidak harus memotong perbelanjaan sebanyak 18% dan juga kemungkinan besar kita tidak perlu membekukan gaji atau tidak perlu Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri potong gaji sebanyak 10%. Tetapi oleh kerana salah pengurusan oleh pihak Kementerian Kewangan, RM9 bilion ini habis, dan Yang Berhormat Timbalan-timbalan Menteri semuanya kena tanggung, termasuk Yang Berhormat Timbalan-timbalan Menteri yang lain yang tidak ada kena-mengena dengan Kementerian Kewangan.

Saya bukan kata bahawa kita tidak harus memotong gaji, tetapi macam mana wang begitu besar boleh disia-siakan dengan begitu senang sekali. Oleh itu, saya harap bahawa pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehlah memberikan jawapan yang lebih bernas dan lebih logik apakah sebabnya kita hilang RM9 bilion dalam tempoh masa dua minggu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama tentang nilai tukaran wang asing negara kita, bolehkah saya dapat tahu kerana saya tertarik dengan satu laporan tentang keuntungan yang akan diperolehi oleh MAS, oleh kerana penurunan nilai mata wang Ringgit. MAS terpaksa menanggung kerugian tukaran wang asing sebanyak RM21 bilion. Ini adalah satu jumlah yang sangat besar dan ini telah mengakibatkan keuntungan MAS turun daripada RM150 juta kepada RM24 juta sahaja, kerana mereka terpaksa, dengan izin, amortize the cost of foreign exchange losses for the current six month period.

Kalau kita lihat MAS sebagai satu simbol syarikat-syarikat yang akan mengalami kesulitan kerana penurunan nilai mata wang Ringgit, saya amat khuatir tentang kesan negatif yang dialami oleh syarikat-syarikat kita pada masa kelak. Kita tidak harus lupa bahawa kalau kita melihat kadar pertumbuhan pendapatan atau keuntungan oleh syarikat-syarikat, tidak boleh dinafikan bahawa syarikat-syarikat yang dimiliki oleh penduduk atau pemegang-pemegang saham asing mencapai kadar pertumbuhan keuntungan yang lebih besar daripada syarikat-syarikat tempatan.

Mengikut angka yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan kadar pertumbuhan keuntungan di kalangan syarikat-syarikat asing yang berniaga di Malaysia telah tumbuh sebanyak 21%, hampir 22% untuk tahun 1995 berbanding dengan hanya 15% oleh syarikat-syarikat tempatan pada tahun 1995. Ini menunjukkan bahawa kalau dari segi efisiensi dan produktiviti dan juga dari segi kawalan kos, syarikat-syarikat asing adalah lebih efisien dan berkesan daripada syarikat-syarikat tempatan. Dengan penurunan nilai mata wang Ringgit ini saya rasa ia akan membawa kesan yang lebih teruk lagi yang akan mengurangkan kadar pertumbuhan keuntungan di kalangan syarikat-syarikat tempatan. Tentunya syarikat-syarikat asing telah membuat hedging yang sebenarnya.

Di sini saya juga ingin bertanya mengapa syarikat yang begitu besar seperti MAS apabila hendak membeli kapal terbang, apabila hendak membuat lumpy import dalam nilai mata wang asing, mengapa mereka tidak pula hedge, dengan izin, why they not hedge their purchases. Sekurang-kurangnya boleh mengurangkan risiko daripada penurunan tukaran wang asing. Saya amat kesal bahawa oleh kerana kegagalan mereka MAS terpaksa menanggung kerugian yang begitu besar, dan ini sedikit-sebanyak akan menjejaskan ekonomi negara kita kerana kita pun sama-sama adalah pemegang dalam MAS.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau bersetuju bahawa kalau kita hendak memastikan kos kehidupan rakyat tidak berubah kita tidak harus membekukan gaji kakitangan kerajaan dalam peringkat A atau B. Di sini saya ingin menyarankan sekali lagi kerana tidak dapat sambutan yang sewajarnya semalam. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh sampaikan adalah tidak wajar bahawa kita membekukan gaji kakitangan kerajaan peringkat A atau B. Kalau superscale saya rasa ini boleh dikaji. Tetapi untuk peringkat A dan B, saya rasa tidak wajar.

Kalau kita hendak bekukan kita pastikan bahawa sekurang-kurangnya gaji mereka boleh dapat mengejar kadar inflasi, iaitu kita membenarkan kenaikan gaji dari peringkat A ke bawah. Tetapi dengan izin, *indexit to inflation increases*, iaitu kalau inflasi naik 6% saya harap kerajaan boleh menaikkan kenaikan gaji sama dengan kenaikan inflasi sebanyak 6% supaya kita sekurang-kurangnya memastikan mereka tidak rugi dan real wages mereka masih kekal pada tahap yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terakhir yang saya ingin bawakan ialah tentang isu-isu atau penipuan yang berlaku ke atas bank-bank apabila mereka hendak, dengan izin, *clear cheque*. Ada beberapa sindiket yang sangat mahir tentang selok-belok *clearing of cheque*, dengan izin. Oleh kerana beberapa tempat kalau telah sampai dua hari atau satu hari tidak mendapat sebarang maklumat daripada bank, mereka anggap *the cheque is good*. Ini membolehkan pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan bila sesebuah negeri mempunyai hari cuti. Oleh kerana mempunyai hari cuti untuk negeri sahaja, bank-bank di negeri lain tidak tahu atau tidak sedar, jadi mereka anggap cek ini baik. Dan apabila cek ini baik mereka terus membuat pembayaran. Selepas itu, apabila bank ini selepas hari cuti memberikan atau memaklumkan bahawa cek ini tidak baik atau *the cheque is no good*, sudah terlewat, kerana akaun ini sudah pun ditutup, wang pun sudah diangkat. Saya rasa Yang Berhormat tahu tentang perkara ini dan saya hendak dapat jawapan macam mana pihak Bank Negara boleh mengatasi masalah ini supaya kita dapat membuat *matching*. Ini nampaknya satu kes *mismatching*, macam mana kita boleh '*synchronize*'kan *clearing of cheque* supaya kita tidak tergendala oleh hari cuti sesebuah negeri. Ini adalah untuk mengelakkan bank-bank daripada mengalami kerugian, kerana kerugian ini saya rasa mencapai beratus-ratus ribu Ringgit.

Bolehkah saya dapat tahu berapa banyakkah wang yang terlibat dari segi penipuan ini, sama juga dengan berapakah banyak wang yang terlibat dalam kes penipuan daripada kad ATM dan mengapa sehingga sekarang tidak ada sebarang tindakan atau jawapan jelas dari Bank Negara tentang perkara ini. Lagi pun, saya juga ingin bertanya tentang sama ada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan jaminan, saya tahu bahawa hari ini Gabenor Bank Negara telah menyatakan bahawa semua deposit dalam bank-bank adalah selamat sekali. Saya ingin bertanya bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan jaminan sekarang bukan sahaja deposit mereka selamat, tetapi Bank Negara akan memastikan bahawa kadar faedah akan terus dibayar mengikut masa yang ditetapkan tanpa sebarang kelewatan kalau bank-bank atau mana-mana bank tumbang. Saya rasa ini adalah satu perkara penting.

Sungguhpun Gabenor Bank Negara memberikan jaminan bahawa kerajaan akan membayar penuh wang deposit yang dibayar, yang disimpan dalam bank-bank tempatan tetapi kebanyakan pendeposit-pendeposit bertanya-tanya, ya mungkin dari segi prinsipal amaun selamat. Tetapi apa terjadi dengan faedah. Saya rasa Bank Negara tetap akan membayar faedah, tetapi ini harus dinyatakan dengan jelas bila bayar faedah kalau *maturity of the due* pada sekian-sekian hari. Bank Negara tetap akan bayar pada hari tersebut supaya kita dapat meyakinkan pendeposit-pendeposit boleh terus simpan dalam bank tempatan.

Saya membawa perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana seperti yang sedia dimaklumkan banyak pelanggan-pelanggan mengambil keluar wang daripada bank tempatan untuk disimpan kepada bank asing. Kalau kita lihat bank asing kita boleh lihat berbaris-baris untuk simpan dalam bank, khususnya di MBf Finance seperti tidak ter yakin tentang syarikat kewangan ataupun bank-bank tempatan. Sungguhpun bank-bank asing telah menurunkan kadar faedah, mereka tetap pergi menyimpan wang mereka dalam bank-bank asing.

Saya rasa ada satu kes yang amat mengajaibkan, apabila bank menurunkan kadar faedah kita sepatutnya menduga atau menjangka pelanggan akan mengambil wang mereka keluar dan simpan ke dalam bank di mana kadar faedah lebih tinggi. Tetapi apabila yang berlaku dalam keadaan ekonomi yang sangat tidak menentu

sekarang, apa yang berlaku ialah lebih banyak mengambil wang mereka keluar daripada bank tempatan sungguhpun kadar faedah adalah lebih tinggi untuk simpan masuk kepada sesuatu bank asing di mana kadar faedah adalah lebih rendah. Saya rasa ini adalah satu tanda yang amat penting. Saya harap tidak membahayakan atau mencemaskan. Kalau pelanggan-pelanggan atau pengguna-pengguna bank sekarang angkat wang letak dalam sesuatu bank asing, bukan bank tempatan, di mana kadar faedah adalah lebih rendah, ini menunjukkan bahawa mereka tidak yakin kepada sistem kewangan kita. Saya ada kawan-kawan, pegawai-pegawai bekas rakan-rakan dalam bank-bank asing di mana mereka menyatakan terlalu banyak mudah tunai, too much cash flow, banyak orang simpan wang dalam bank asing. Apa boleh buat, kita tidak boleh pinjam sekarang kerana sekatan Bank Negara tetapi terlalu banyak wang, terpaksa kurangkan faedah. Tetapi the more you reduce the more they come. Ini aneh dan luar biasa. Sepatutnya the more you increase the more they come. Ini the more you reduce the more they come. Bank tempatan the more you increase the less they go in.

Saya rasa ini satu petanda yang amat bahaya kalau dibenar dan diteruskan. Saya harap bahawa dalam isu ini Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mengambil berat dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah ini.

Sebelum saya habis, ini betul last sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang masalah mudah tunai (cash flow) atau wang dana yang dihadapi oleh peniaga-peniaga sekarang. Saya tahu bahawa Yang Berhormat akan jawab satu dana RM1 bilion untuk membantu IKS. Tetapi macam mana, apakah usaha yang akan dibuat oleh pihak kerajaan untuk membantu peniaga-peniaga yang tidak dapat mengutip pembayaran ataupun hutang mereka di mana menghadapi cash flow problem, kerana tidak dapat debt collection. Saya rasa itu adalah satu masalah penting di kalangan peniaga-peniaga kecil, di mana mereka tidak boleh dapat pembayaran, tidak ada wang dalam pasaran, tidak boleh mendapat pembayaran. Kalau mereka tidak dapat pembayaran macam mana mereka akan bayar gaji pekerja mereka ataupun KWSP.

Saya harap perkara ini bolehlah diberikan perhatian supaya kita dapat membantu peniaga-peniaga kecil dan sederhana mengatasi masalah cash flow mereka sekarang. Bukan kerana mereka tidak untung. Mereka untung, tetapi tidak boleh mengutip collection atau pembayaran untuk stok-stok yang mereka sudah jual. Saya rasa ini akan membantu kita mengatasi krisis ekonomi yang kita hadapi sekarang. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kubang Kerian.

4.13 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil masa yang pendek, hanya membawa kes spesifik yang berlaku di Kota Bharu. Kita lihat bahawa bank-bank mengambil peluang dalam keadaan ekonomi sekarang ini untuk menyeksa pelanggan-pelanggan mereka. Misalnya baru-baru ini seorang yang bernama Ariffin Hussin telah membuat pinjaman kepada MBf dan telah pun ditandatangani segala dokumen dan peguam semua telah pun selesai, wang deposit telah dibayar RM20,000, kemudian cek untuk bayar monthly bermula akhir bulan Disember. Pihak bank sudah boleh mengambil cek itu dan cek itu ditandatangani untuk setiap awal bulan selama beberapa bulan. Tetapi kita lihat pihak MBf masih menahan wang sebanyak RM180,000 untuk dikeluarkan kepada peminjam tersebut. Adakah ini arahan Bank Negara ataupun pihak bank sendiri sengaja melambat-lambatkan dan perbuatan mereka itu menyebabkan para pelanggan menjadi panik, bukan seorang-dua tetapi banyak orang yang sekarang ini yang kita lihat semua perjanjian telah pun selesai, hanya untuk mengambil wang sahaja, tetapi pihak bank melambat-lambatkan. Alasan diberi berbagai-bagai. Sebelum itu kita lihat ramai orang mengeluarkan wang daripada MBf. Selepas itu pula kematian Tan Sri Loy dibuat berbagai-bagai spekulasi, kerana pihak bank hendak selesaikan dahulu masalah pentadbiran mereka. Dan tindakan-tindakan ini adakah selaras dengan kehendak Bank Negara. Sudah tentulah

bila keadaan ini berlaku para peniaga, pelanggan-pelanggan mereka yang meminjam bawah daripada RM1 juta menghadapi masalah untuk meneruskan perniagaan mereka, terutama sekali mereka yang hendak memajukan tanah mereka ataupun membuat rumah kedai ataupun memajukan perniagaan mereka sekarang ini tergendala.

Kalau kita lihat tanah-tanah yang telah pun ada hutang dengan bank lain cuba diselesaikan cuba meminjam daripada bank lain. Kalau lambat bank itu lulus, maka tanah itu akan terlepas kepada bank yang satu lagi. Jadi, inilah yang membimbangkan, para peniaga bertambah panik dalam keadaan yang berlaku sekarang ini kerana pihak-pihak bank sendiri kita lihat membuatkan mereka menjadi panik. Kita harap pihak Bank Negara membuat satu penyalaraan kepada bank-bank di seluruh Malaysia supaya mereka dapat bertindak mengikut arahan Bank Negara, bukan kehendak bank-bank tertentu yang kita lihat boleh menyusahkan para pelanggan.

Jadi, apa yang berlaku kepada Ariffin Hussin, MBf Kota Bharu ini salah satu contoh yang berlaku di seluruh negara sekarang, bila bank-bank menjadi panik, pelanggan menjadi panik, akhirnya rakyat menjadi panik, sedangkan para menteri mengatakan jangan panik keadaan ekonomi kita masih kukuh. Ini yang kita lihat perkara-perkara ini perlu diperbaiki. Dengan harapan apa diberitahu oleh Menteri Kewangan itu dapat menjernihkan suasana, menenangkan keadaan dan orang-orang yang terlibat dalam perniagaan terutama sekali membuat pinjaman-pinjaman bank dapatlah berjalan seperti biasa dan hormati perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani sebelum pihak-pihak yang terlibat ini mengambil lawyer sekali lagi untuk menyaman bank-bank dan sebagainya yang menghadapi proses dan imej bank Malaysia akan terus jatuh bila disaman oleh para pelanggan, maka eloklah pihak Bank Negara bertindak segera untuk membetulkan keadaan yang berlaku di seluruh Malaysia sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tanjong.

4.17 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Yang di-Pertua, Rang undang-undang Bil Pertukaran antara lain membolehkan cek ditunaikan menerusi satu dokumen image processing system dan pindaan yang terlibat termasuklah jika seseorang yang tandatangannya telah dipalsukan atau dibuat tanpa kebenarannya, telah bertindak cuai atau telah dengan disedari memudahkan pemalsuan itu atau perbuatan tandatangan tanpa kebenaran itu, maka tandatangan itu hendaklah disifatkan sebagai tandatangannya. Kedua, menjadikan bahawa sesuatu cek yang dipalng dan mengandungi perkataan 'account payee' di mukanya tidak boleh dipindahmilikan dan bahawa seseorang jurubank tidaklah cuai jika dia tidak mempedulikan apa-apa endorsement pada mana-mana cek tidak boleh dipindahmilik.

Masalah yang paling menekan yang dihadapi oleh industri perbankan di negara kita hari ini sebenarnya bukanlah image processing system, tetapi krisis imej bank-bank Malaysia serta soal integrity, reliability serta solidity institusi kewangan kita. Tidak ragu-ragu lagi bahawa bank-bank Malaysia sedang menghadapi salah satu krisis paling buruk dalam sejarah negara dengan munculnya pelbagai jenis khabar angin di sekitar sektor-sektor bank dan syarikat kewangan.

Dari 6 November hingga hari semalam Indeks Kewangan BSKL jatuh 30.74% dari 5,250.40 mata menjadi 636.46 point. Dan bersama-sama dengan Indeks Pembinaan BSKL yang jatuh 33% dari 260.70 mata menjadi 175.67 mata dan Indeks Hartanah yang jatuh 33% dari 1348.47 mata menjadi 904.36 mata merupakan sektor-sektor yang terburuk bila dibandingkan dengan Indeks Barangan Industri yang jatuh 21% dari 101.13 mata menjadi 79.63 mata dan Indeks Dagangan Perkhidmatan jatuh 9% dari 114.58 mata menjadi 103.86 mata.

Semalam Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ahmad Mohd. Dom cuba meredakan kebimbangan dan keprihatinan orang ramai dengan mengemukakan satu jaminan terbuka bahawa Bank Pusat akan sentiasa melindungi kepentingan para

pendeposit. Beliau berkata bahawa orang ramai tidak harus mempercayai khabar-khabar angin mengenai kekuatan institusi perbankan kerana mereka semua dikawal selia oleh Bank Pusat dan kesihatan kewangan institusi-institusi ini dikawal dengan rapat. Beliau berkata, dengan izin, while the banking system remain intact and strong we do not discount the fact, there will further development, some may face difficulties. Bank Negara is closely monitoring the finance, the health of the banking institution, we are also in regular consultation with the management to ensure the appropriate pre-emptive steps are taken to adress any potential risk and thus could include arrangement for bank to merge into stronger unit. Bank Negara nevertheless has a wide range of power under The Banking and Financial Insitutions Act 1969 to act promptly to deal with a bank in financial difficulty and which are in solvent Bank Negara will not hesitate to close down any bank operating in a manner which is destremental to the interest of the depositors or in solvent as you had done in the 80's.

Tuan. Yang di-Pertua, reaksi pasaran pagi ini harus diambil perhatian oleh Bank Negara. Mengenai kredibilitinya selepas jaminan yang telah diberikan semalam. Indeks kewangan jatuh 35.61 mata pada masa penutup pagi ini sungguhpun Indeks Komposit BSKL meningkat 1.1 mata. Ini adalah kerana kenyataan Gabenor Bank Negara telah membangkitkan beberapa persoalan. Sebagai contohnya, semasa beliau berkata bahawa we do not discount the fact that will further development some banks may face difficulties. Apa yang dimaksudkan oleh further development dan difficulties yang dirujukannya itu.

Tambahan lagi apabila beliau merujuk kepada rekod Bank Negara dalam tahun 1980-an, ini bukan satu yang boleh disifatkan sebagai reensuring, khususnya kepada 600,000 mangsa malapetaka kewangan koperasi, satu skandal RM1.5 billion yang berlaku selepas pilihan raya besar 1986 oleh kerana pihak-pihak berkenaan menutup mata dalam empat tahun sebelum itu sungguhpun perkara ini sudah dibangkitkan bahawa perhatian pihak-pihak kerajaan sudah diambil perhatian empat tahun sebelum collapse atau 24 buah deposit taking cooperative.

Nampaknya kerajaan masih dalam tahap denial syndrome dalam krisis ekonomi termasuk dalam sektor kewangan dan perbankan. Dua hari dahulu Menteri Penerangan ada menyeru segala lapisan rakyat tidak kira ahli-ahli politik, pegawai kerajaan atau orang ramai untuk korban, untuk tighten their belt mengenai belanja wang supaya memberi kerjasama untuk menghidupkan semula ekonomi. Oleh kerana dia kata bahawa isu nasional yang kita hadapi ialah not of our own making, not of our own doing, it caused by outside forces. Saya rasa ini ialah satu simbol nampaknya, beliau sudah menjadi simbol denial syndrome kerajaan, simbol utama dan menjadi halangan terbesar kepada program national economic recovery, oleh kerana cuba untuk menetapkan semua kesalahan-kesalahan, tanggungjawab krisis ekonomi atas faktor-faktor luaran. Dengan sikap semacam ini diteruskan dan dikekalkan tentu tidak akan berjaya untuk menyatupadukan, memobilisasikan rakyat untuk bertindak in unison untuk menghadapi krisis ekonomi.

Oleh kerana kerajaan tidak ada kredibiliti untuk rally rakyat untuk menghadapi national economy crisis dengan denial syndrome yang tidak mahu diketepikan. Sebenarnya boss beliau dahulu dan bekas timbalan perdana menteri, Tan Sri Musa Hitam sudah dengan tepatnya mengenalpastikan masalah halangan terhadap national economic recovery ialah denial factor yang terlalu tinggi, tidak mengakui bahawa kita ada tanggungjawab. Daripada kenyataan itu, nampaknya fikiran denial syndrome ini masih dominate fikiran Ahli-ahli Kabinet, Ahli-ahli Jemaah Menteri di negara kita.

Seperti saya sebut semalam empat fasa apabila kerajaan react kepada turmoil economy ialah shock anger denial and acceptance kita masih dalam denial, belum sampai acceptance, sungguhpun negara-negara lain semua sudah lepas fasa itu. Tetapi kita tidak, kita nampaknya tunggal, negara yang masih dalam denial fasa selepas lima bulan krisis ekonomi sungguhpun saya harap ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Jumaat lalu dan dua hari dahulu menunjukkan bahawa tamatlah fasa

denial kerajaan. Tetapi nampaknya tidak, nampaknya usaha utama kalau kita mahu mengatasi krisis ekonomi ialah memberi pendidikan (education) kepada semua Menteri Kabinet supaya memberhentikan denial factor supaya buang denial syndrome mengenai national economic crisis.

Menteri-menteri kerajaan patut berhenti untuk menyalahkan semua kepada faktor-faktor luaran, tidak mahu mengakui bahawa dasar kita adalah silap, mahu salahkan semua aspek krisis ekonomi kepada George Soros, sama ada blood bath di pasaran saham selepas UEM-Renong deal atau kejatuhan Ringgit selepas pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai RM10 bilion land bridge.

Semalam dalam Dewan ini pun kita lihat satu contoh denial syndrom, di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mahu mengakui keseriusannya dan kata belum sampai satu tahap yang serius real economy belum terlibat. Kalau masalah tidak begitu serius kenapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menjelajah ke seluruh dunia untuk menekankan mengenai betapa serius consequence kepada ekonomi negara akibat daripada tindakan-tindakan spekulator-spekulator yang mengakibatkan dwi-krisis ini ialah mata wang dan pasaran saham, dan kalau tidak begitu serius kenapa kita mahu dua hari ini, hari ini kita lihat media massa Malaysia sama ada media cetak mahupun elektronik semuanya telah memberikan laporan utama mengenai pemotongan gaji 10% para menteri, timbalan menteri, ketua-ketua menteri, menteri-menteri besar serta 3% gaji para ahli Parlimen dan ahli Dewan Undangan Negeri sebagai response kepada krisis ekonomi negara.

Publisiti media massa sebegini serta laporan-laporan yang meluas sebenarnya tidak selaras dengan keadaan yang sebenarnya. Malah memberikan tanggapan silap bahawa melalui pemotongan gaji sebegini maka langkah yang secukupnya telah diambil untuk selesaikan krisis ekonomi negara sungguhpun pada hakikatnya penjimatan ini cuma merupakan a drop in the ocean. Sementara tindakan memotong gaji dan elaun secara sukarela oleh para pemimpin politik ini adalah dialu-alukan memandangkan kesan psikologi yang dapat disampaikan kepada rakyat jelata, iaitu krisis ekonomi akan menjadi lebih buruk lagi sebelum wujudnya kesan pemulihan. Tetapi semua ini harus dikendalikan melalui perspektif yang sebaik-baiknya. Sebenarnya adalah juga orang berpendapat bahawa Jemaah Menteri harus menanggung potongan gaji yang lebih besar sebagai tanda mengakui tanggungjawab mengakibatkan krisis ekonomi negara mencapai magnitude yang begitu serius.

Mengikut pengiraan kasar penjimatan dari pemotongan gaji dan elaun para menteri, timbalan menteri, ketua-ketua menteri, menteri-menteri besar, ahli-ahli Parlimen dan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri hanya akan berjumlah sebanyak RM2 juta setahun yang merupakan satu angka yang amat kecil berbanding dengan kerugian raksasa yang ditanggung oleh negara serta rakyat hasil dari dwi-krisis mata wang dan pasaran saham. Pada hakikatnya jumlah RM2 juta ini tidak cukup bagi membayar kos pengubahsuaian kediaman Menteri Besar Selangor yang setinggi RM5 juta.

Pagi ini nilai Ringgit jatuh ke tahap RM5.68 ke US\$1. Kejatuhan lebih 47% nilai Ringgit sebelum krisis. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggunakan satu formula yang sama ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tanjong, sebut berapa tadi?

**Tuan Lim Kit Siang:** RM3.68.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Sebut salah tadi!

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi salah! Oh, silap minta maaf RM3.68 ke US\$1.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggunakan satu formula di beberapa persidangan antarabangsa untuk mengira kerugian sebenar yang ditanggung oleh rakyat Malaysia hasil dari susut nilai Ringgit ini atas asas pendapatan per kapita US\$5,000 di Malaysia susut nilai Ringgit sebanyak 47% bererti kerugian US\$2,350

seorang. Jika didarabkan dengan jumlah populasi negara seramai 20 juta orang maka kerugian yang dihadapi oleh seluruh negara dari hasil susut nilai Ringgit akan berjumlah setinggi US\$47 bilion ataupun bersamaan dengan RM172.96 bilion. Bursa Saham Kuala Lumpur telah mengalami kerugian yang paling besar dalam krisis pasaran saham kerana Indeks Komposit BSKL telah jatuh 60%.

Dalam kenyataan kementeriannya di Parlimen pada hari Isnin Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan berkata bahawa permodalan Pasaran Saham BSKL telah berkurang sebanyak RM414 bilion iaitu dari RM806.8 bilion pada akhir 1996 menjadi RM392.8 bilion pada 4 Disember 1997. Dalam konteks kerugian sebanyak RM172.96 bilion hasil dari krisis mata wang serta kerugian RM414 bilion hasil dari krisis pasaran saham yang berjumlah sebanyak RM586.96 bilion, maka penjimatan dari pemotongan gaji dan elaun para menteri, timbalan menteri, ketua menteri, menteri-menteri besar, Ahli-ahli Parlimen serta ADUN yang sejumlah RM2 juta tidaklah penting langsung. Para menteri, timbalan menteri, ketua menteri dan menteri-menteri besar harus menunjukkan teladan yang baik kepada orang awam tentang kempen berjimat cermat yang akan dilalui oleh seluruh negara untuk menghadapi krisis ekonomi negara.

Apabila saya berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Ahli Yang Berhormat dari Kepong di Langkawi Sabtu lepas untuk bertukar-tukar pendapat mengenai krisis ekonomi negara, saya telah membangkitkan isu untuk mengambil cuti di luar negeri dan saya telah diberi jaminan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa larangan ke atas para menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen dari mengambil cuti di luar negeri melalui biayaan kerajaan juga akan termasuk cuti biayaan persendirian.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyeru supaya rakyat Malaysia jangan menghantar anak-anak mereka ke luar negeri untuk mendapatkan pendidikan universiti peringkat Sarjana Muda, biarlah para menteri, timbalan menteri, ketua menteri, MB-MB dan CM-CM, EXCO, Ahli-ahli EXCO Negeri supaya menunjukkan teladan yang baik dengan mengumumkan bahawa mulai dari saat ini mereka tidak akan menghantar anak-anak mereka ke luar negeri untuk pengajian Sarjana Muda.

Bagaimanapun teladan yang paling baik, yang boleh ditunjukkan oleh para menteri, timbalan menteri, ketua menteri serta menteri-menteri besar mengenai keseriusan mereka dalam menangani krisis ekonomi negara adalah dengan mengisytiharkan dengan terbuka jumlah harta mereka serta pasangan dan anak-anak mereka supaya disampaikan petanda satu mesej yang jelas mengenai komitmen kerajaan untuk menghasilkan pembaharuan politik kewangan serta ekonomi demi mengatasi krisis ekonomi kebangsaan.

Perisytiharan harta terbuka sebegini tentu akan menjadi penggalak moral (morale muster) rakyat Malaysia memberikan rakyat lebih keyakinan terhadap kerajaan mahupun apa yang berlaku di negeri Thai berulang di negara kita. Di negeri Thai di mana perlembagaan barunya, menghendaki para ahli kabinetnya mengisytiharkan harta mereka serta harta keluarga terdekat mereka dalam tempoh 30 hari perlantikan atau penyerahan kuasa mereka, Majlis Pencegahan Rasuahnya telah mengumumkan butir-butir perisytiharan harta ini.

Seluruh negeri Thai terperanjat apabila diberitahu bahawa isteri-isteri para ahli politik tertinggi negeri Thai adalah lebih kaya dari suami-suami mereka yang mencari nafkah di mana isteri-isteri ini memegang majoriti dari jumlah tunai dan aset sebanyak 3 bilion Baht ialah RM2.8 bilion melibatkan 49 ahli kabinet bekas Kerajaan Negeri Thai.

Tuan Yang di-Pertua, masalah di sini ialah sama ada kerajaan atau Bank Negara mahu pun masih dalam fasa syndrome denial khasnya apabila kita bincang mengenai akauntabiliti kepada orang ramai dalam sektor banking dan financial.

Adalah perlu lebih ketelusan oleh Bank Negara dan juga sektor banking dan kewangan untuk memulihkan kepercayaan orang ramai termasuk sebagai contoh mengumumkan identiti bank-bank yang sedang berunding untuk bercantum, merger dalam negotiation mengumumkan identiti mereka dan kerajaan perlulah faham bahawa dalam segala proses 'decision making', untuk membuat keputusan bahawa kerajaan perlulah konsisten dan rasional supaya kepercayaan dalam tahap sekarang begitu delicate menghadapi krisis ekonomi boleh dipulihkan.

Kenyataan Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti, Datuk Dr. Munir Majeed telah membangkitkan banyak keraguan. Beliau mengumumkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti sedang menunggu Mesyuarat Pemegang Saham Luar Biasa UEM untuk menjelaskan rancangan syarikat berkenaan dalam pembelian 32.6% saham syarikat induknya Renong sebelum mengambil keputusan sama ada ia akan melakukan general offer bagi saham-saham Renong selebihnya.

Selepas Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan berkata dalam kenyataan kementeriaannya di Parlimen pada hari Isnin mengenai pakej kewangan kecemasan untuk menangani krisis kewangan, Datuk Dr. Munir telah ditemuduga oleh para wartawan dan beliau berkata: "If the shareholders approve it than the commission was study the waiver given by the FIC on whether UEM comply with the regulations." Ini bercanggah dengan pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam kenyataan kementeriaannya bahawa waiver telah pun ditarik balik oleh kerana UEM bersama-sama dengan ketua Renong, Tan Sri Halim Saad dan syarikat sekutunya Time Engineering Berhad memegang sebanyak 76.9% saham Renong. Ini telah membawa kepada kemerosotan keyakinan kerana beberapa pihak berkuasa kerajaan telah memberikan jawapan yang berbeza-beza mengenai satu isu yang mudah iaitu sama ada waiver yang diberikan telah pun ditarik balik sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ataupun waiver berkenaan masih berkesan.

Saya telah mengemukakan soalan ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan semalam semasa penggugungan perbahasan ke atas Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1997, tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak dapat memberikan jawapan yang jelas terhadap pertanyaan saya dan hanya merujuk secara lemah kepada kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tanpa bersedia untuk mengambil pendirian yang kuat, yang menidakkan kenyataan Datuk Dr. Munir. Mengapakah pihak-pihak berkuasa kerajaan ini begitu tidak jelas dalam soal waiver yang diberikan kepada UEM ini sama ada ia masih kekal ataupun telah ditarik balik, a simple question. Keadaan menjadi lebih tidak tentu arah lagi berikutan dengan pengumuman Penasihat Ekonomi Kerajaan, Tun Daim Zainuddin yang jelas tidak bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam isu ini.

Semalam Tun Daim berkata bahawa urusan UEM-Renong adalah perkara sektor swasta dan tidak ada kait dengan kerajaan dan bahawa beliau tidak mempunyai kepentingan dalam isu ini. Bagaimanapun ini tidak menghalang Tun Daim dari membuat komen mengenai pemilikan saham Renong oleh UEM yang dia kata kurang dari 33% iaitu the trigger point yang menghendaki general offer dilakukan dan waiver telah dikeluarkan kepada UEM dan bukannya kepada kepentingan lain yang terlibat dengan menghuraikannya sebagai method interpretation Tun Daim mengakui bahawa sekiranya kepentingan lain seperti mana yang melibatkan ketua Renong Tan Sri Halim Saad diambil kira maka jumlah saham terlibat akan melebihi 33%.

Parlimen dan negara berhak diberitahu interpretasi manakah yang diterima oleh kerajaan sama ada dari interpretasi yang dikemukakan dalam Parlimen ini oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri atau oleh Penasihat Ekonomi yang telah menidakkan keputusan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dalam isu ini dan inilah juga sebab mengapa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan harus menjelaskan

sama ada pengumumannya di Parlimen mengenai penarikan balik waiver dari UEM ini masih berkuatkuasa ataupun telah ditimbang semula dan di 'overrule'.

Urusniaga Renong-UEM ini satu malapetaka nasional bukan sahaja kepada UEM, kepada minoriti shareholder UEM, walhal pun kepada pelabur-pelabur di pasaran saham, oleh kerana dalam tiga hari RM70 bilion kewangan tabung pelabur-pelabur hilang, kerajaan patutlah menggunakan kes UEM-Renong untuk memulihkan keyakinan orang ramai, bukan sahaja dalam KLSE tetapi dalam sektor perbankan dan kewangan. Patutlah mengadakan satu siasatan yang sepenuhnya untuk memastikan sama ada benar bahawa urusniaga UEM-Renong ini RM2.34 bilion, sebenarnya satu bail out untuk menyelamatkan Tan Sri Halim Saad oleh kerana pembelian US\$800 juta pembelian Philippines National Skill Cooperation (NSC) daripada Wintek Holdings Sendirian Berhad melalui proksinya Abdul Rashid Manaf melalui satu syarikatnya Hong Kong Based Hoptic Investment Limited bukan sahaja untuk membeli NSC dari Wintek Holdings Berhad pun untuk mengambil alih semua liabiliti-liabiliti US\$800 juta. Patutlah ada satu siasatan sepenuhnya supaya menentukan sama ada empat bank Maybank, Rashid Hussin Bank, Bank Bumiputra dan Bank of Commerce sudah kongsi dalam satu syndicated loan US\$800 juta ialah satu pinjaman bertanggungjawab US\$200 juta untuk diberi kepada Abdul Rashid Manaf sebagai proksi Tan Sri Halim Saad dan pinjaman ini dijamin guarantee oleh Tan Sri Halim Saad melalui saham-saham Renong sebagai collateral. Sungguhpun inilah melanggar peraturan-peraturan bank-bank yang ada single customer limit dan kalau saya tidak silap single customer limit untuk Maybank ialah RM450 juta, single customer limit untuk Bank Bumiputra dan Rashid Hussin Bank ialah RM250 juta dan single customer limit untuk Bank of Commerce ialah RM150 juta tetapi mereka sudah melanggar single customer limit oleh kerana melibatkan dalam US\$200 juta pinjaman ialah lebih kurang sekarang RM600 juta.

Adakah satu siasatan yang sepenuhnya sama ada benar bahawa keempat-empat bank ini bertanggungjawab memberi pinjaman RM2.34 bilion kepada UEM untuk membeli saham-saham Renong, oleh kerana keempat-keempat tersebut sudah melanggar peraturan-peraturan dan dalam perjanjian ini pada bulan Disember tahun lalu masa itu harga saham Renong ialah RM4.60 sekarang pada 18 November 1997 sudah jatuh RM2.90, jatuh 37% dan Tan Sri Halim Saad perlulah top up difference of 37% dan ini bererti US\$800 juta times 37, lebih kurang US\$300 juta perlu di top up oleh kerana kesusutan nilai saham-saham Renong yang menjadi collateral dan US\$300 juta sekarang 3.68 ialah lebih daripada RM1 bilion, lebih dari RM1 bilion. Kini perlulah satu siasatan sepenuhnya oleh kerana kita mahu tahu apalah kerajaan, apalah autoriti regulatori termasuk Bank Negara, apa tindakan yang telah diambil oleh mereka untuk memperindungi, untuk membina kepentingan negara, orang ramai dan bukan Tan Sri Halim Saad dan bukan keempat-empat bank yang nampaknya sudah melanggar peraturan-peraturan Bank Negara dan saya harap bahawa dalam perkara ini Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi satu penjelasan yang memuaskan untuk memulihkan balik keyakinan orang ramai, kalau tidak kita boleh lihat penyelewengan pinjaman-pinjaman sektor bank ini beratus juta Ringgit bukan satu kes, banyak kes. Itulah sebabnya kesakitan yang begitu teruk dalam sektor kewangan, sektor perbankan negara kita.

Kita perlulah start a new clean up the banks, clean up the financial institution dan kalau Bank Negara tidak mampu berbuat begitu, clean up the Bank Negara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Bintulu.

4.45 pg.

**Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pada kesempatan membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Bil Pertukaran 1949 ini yang bertujuan untuk melindungi pihak bank dari dikenakan tindakan atau dipersalahkan oleh pemegang akaun bank dan para pelanggan mereka, jika perbuatan

jenayah perdagangan melibatkan penggunaan cek berlaku. Langkah pencegahan ini bakal menyelamatkan sebuah bank dari didakwa atau dipertanggungjawabkan akibat perbuatan pemalsuan tanda tangan pemilik cek. Namun peruntukan Fasal 2 yang memasukkan Seksyen 73A yang mana jika seseorang yang tanda tangan telah dipalsukan atau dibuat tanpa kebenarannya telah bertindak cuai atau telah dengan disedarinya memudahkan pemalsuan atau pembuatan tanda tangan tanpa kebenaran, maka tanda tangan boleh disifatkan sebagai tanda tangannya memberi implikasi besar dan merbahaya kepada pemilik akaun semasa.

Walaupun peruntukan ini bertujuan memperjelaskan masalah peningkatan kes pemalsuan tanda tangan signatory check dalam sesebuah bank yang merugikan ramai pemegang akaun, tetapi langkah ini sebenarnya melepaskan pihak bank dari sebarang tanggungjawab meski pun mereka berdepan dengan pemalsuan ini.

Sedikit sebanyak ia melibatkan orang ramai hilang keyakinan kepada pihak bank sebagai penjaga yang diberi amanah oleh sesebuah syarikat atau seseorang kerana jika seseorang menghadapi kerugian akibat wang mereka telah dikeluarkan, mereka tidak boleh mendakwa ke atas pihak bank, sungguhpun peruntukan ini memaksa orang berhati-hati dengan cek mereka, namun kes mencuri dan memalsukan cek tidak boleh dielakkan.

Pihak bank seharusnya bertanggungjawab untuk membantu pemegang akaun dan pemilik cek dalam melindungi wang yang tersimpan dalam bank akaun di bank mereka. Pihak bank hendaklah mewujudkan satu mekanisme yang agak ketat supaya setiap cek pembayaran diteliti dengan berhati-hati sebelum di'endorse' untuk pembayaran. Pernah berlaku kecuai terjadi sendiri di pihak bank apabila pegawai-pegawai mereka melepaskan untuk pembayaran cek yang tanda tangan pemegang akaun berbeza dalam kad butiran pemegang akaun yang tersimpan dalam bank. Tanpa usul periksa cek yang mempunyai tanda tangan berbeza dengan kad tanda tangan di'endorse' untuk pembayaran.

Apatah lagi dengan kemasukan Fasal 3 rang undang-undang mengenai Seksyen 74A iaitu sesuatu cek boleh dikemukakan untuk pembayaran melalui sistem pemrosesan imej dokumen seperti kiriman faximili atau kiriman layar Internet atau komputer walaupun bank pembayar mengkehendaki bank pemungut menunjukkan cek atau salinan cek sebelum meluluskan pembayaran.

Walaupun imej dokumen sudah berleluasa digunakan oleh pelbagai sektor sebagai ganti dokumen asal bagi menyegerakan sesuatu urusan oleh kerana penghantaran dokumen asal memakan masa. Namun dalam soal urusan yang melibatkan wang Ringgit tidaklah boleh semudah penghantaran imej surat biasa. Tanpa pengesahan prapembayaran dilakukan dengan menghubungi pihak pembayaran oleh pihak bank sudah pasti pemegang akaun bank mengalami kerugian atau kehilangan jika bank terus membuat pembayaran, bukan semua bank rajin menghubungi pelanggan terlebih dahulu. Kita bimbang kakitangan bank yang tidak bertanggungjawab akan mengambil peluang melakukan penyalahgunaan atau pemalsuan tanda tangan pelanggan apabila peruntukan berkuatkuasa.

Pemalsuan tanda tangan imej dokumen berkomputer dan kelonggaran cek akaun penerima merupakan jalan singkat wujudnya jenayah perdagangan andainya kemudahan yang diperlukan oleh pihak bank disalahguna atau ada pihak dalam bank tidak jujur. Dalam soal cek ini pula saya membantah sikap bank tidak mahu bertolak ansur apabila dengan mudah menentang bounced check yang diserahkan untuk pembayaran. Pihak bank tidak menelefon pengeluar cek apabila mendapati jumlah kredit tidak cukup pada tarikh post dated. Pihak bank akan bertindak menentang balik cek dan mendenda pelanggan sebanyak RM100, yang sedihnya cek yang dibayar kepada seseorang secara post dated dan orang yang menerima itu mengeluarkan cek post dated kepada pihak lain apabila pihak pertama didenda RM100 kerana cek tendang maka pihak kedua pun dikenakan denda juga, ini tindakan yang tidak adil kerana pihak kedua tidak pun tahu menahu yang cek pihak pertama akan kena

'tendang'. Akibat perbuatan pihak pertama maka pihak kedua terpaksa membayar denda cek tendang pihak pertama. Sepatutnya denda harus dikenakan kepada pihak pertama sahaja. Pihak bank hendaklah bersikap tolak ansur dengan pelanggan kecil yang menghadapi tidak cukup wang dalam bank apabila cek post dated diserahkan untuk tuntutan pembayaran, telefonlah mereka segera memberi peluang mengkreditkan wang dalam akaun sebelum ditolak. Sebagai peniaga kecil, soal ketidakcukupan tunai dalam akaun tidak dapat dielakkan. Jika pihak bank tidak mahu bekerjasama bagaimanakah peranan bank untuk membantu golongan peniaga kecil memajukan perniagaan mereka, bukan sahaja a big timer sahaja yang perlu dilayan tetapi small timer juga patut dibantu.

Misalnya sekeping cek post dated dikeluarkan RM1,000 dan setelah sampai tarikh didapati di dalam akaun cek ada hanya RM900 hingga RM950, kekurangan RM50 itu bolehlah ditampung dahulu oleh pihak bank dengan meluluskan bayaran penuh kepada penerima dan dalam akaun pembayar didebitkan amaun yang kurang tadi dari menentang cek dan mendenda pelanggan, ada baiknya bank mendebitkan amaun yang kurang atau tidak cukup tadi beserta faedah bagi sesuatu tempoh supaya dibayar oleh pelanggan berkenaan. Inilah satu cara mengatasi masalah pelanggan yang disenaraihitamkan kerana menyebabkan tiga kali cek tendang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memudahkan para pelanggan, pihak bank harus membenarkan pemakaian tulisan bukan romanise seperti tulisan Cina di dalam cek. Pemakaian ini yang suatu waktu dahulu dibenarkan kini tidak lagi dibenarkan. Saya rasa tidak salah pelanggan menulis cek dalam bahasa Cina untuk membuat pembayaran kerana ramai kakitangan bank boleh berbahasa Cina juga. Satu perkara lagi dalam keadaan ekonomi negara dilanda krisis kejatuhan nilai Ringgit dan liquidity di tangan rakyat semakin berkurangan, pihak bank harus menimbang untuk mengurangkan kadar bayaran perkhidmatan pelbagai jenis termasuk service charge ke atas account semasa dan kadar minimum simpanan untuk membuka akaun. Pihak bank tidak boleh memakai kadar lama tatkala ekonomi mewah tetapi kini agar bagi para pengguna membuat bayaran yang tinggi. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tambun.**

4.56 ptg.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya menyokong pindaan ke atas Akta Bil Pertukaran (Pindaan) yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam.

Saya berharap dengan peraturan baru ke atas penggunaan cek akan menangani isu kelewatan pihak bank menjelaskan cek. Perkara ini dirungutkan bukan sahaja oleh rakyat kita malahan dibangkitkan oleh rakyat luar yang mengatakan bahawa sistem penjelasan cek kita tidak mengikut standard antarabangsa.

Walau bagaimanapun, saya berharap pihak kementerian menyentuh tentang soal Seksyen baru 73A di mana liabiliti tertanggung di atas pelanggan. Dapat pihak kementerian mengarahkan bank-bank untuk membuat pemberitahu kepada pelanggan kerana kita tahu banyak di antara pelanggan-pelanggan cek tidak dipegang oleh mereka, cek dijaga oleh kakitangan syarikat. Supaya menjaga hubungan baik di antara bank dan juga pelanggan elok pemberitahu dikeluarkan supaya pelanggan berhati-hati.

Saya juga ingin menyentuh tentang salah satu kemudahan dalam Berita Banking di mana yang telah dibangkitkan soal ATM, di mana kata kementerian bahawa kehilangan deposit adalah sebanyak RM3 juta dan kesalahan diletakkan kepada pelanggan kerana pelanggan dituduh memberitahu nombor pin kepada rakan lain. Tetapi dalam saya melihat dalam kes itu walaupun pin diberitahu kepada rakan tetapi kalau dia tidak mempunyai kad ATM, dia tidak boleh mengeluarkan duit.

Saya berharap pihak kementerian boleh meminta pihak bank untuk membuat penyiasatan, ada kemungkinan kakitangan dalaman bank kerana mereka lebih tahu pin

pelanggan-pelanggan mereka dan juga dalam sistem kita menggunakan komputer, katalah seorang pegawai bank di Johor Bahru dia kekurangan duit, dia boleh menggunakan komputer dan sebagainya mengeluarkan duit dari akaun saya, tanpa saya sedari. RM3 juta ini adalah wang yang dilaporkan kepada polis tetapi mungkin ada yang tidak dilaporkan, saya malahan baru-baru ini dalam tempoh dua, tiga bulan yang lalu, saya rasa ada semacam yang tidak kena dan saya pergi kepada pihak bank. Pihak bank mengarahkan saya supaya melaporkan kepada pihak polis.

Jadi, saya berharap satu siasatan dapat dijalankan supaya kita dapat mengadakan ciri-ciri keselamatan ke atas penggunaan ATM ini dan di samping itu supaya jangan ia sampai ke peringkat yang serius dan merugikan baru kita mengambil tindakan dan ini akan menghilangkan keyakinan pengguna kepada bank.

Satu lagi perkara yang saya ingin sentuh, Akta Bil Pertukaran menyentuh tiga instruments iaitu promisory notes, bills of exchange dan juga cek. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyentuh tentang soal mismatching antara funding dan assets. Kita tahu promisory notes, trade bills, bankers acceptance dan overdraft ini adalah instrument pinjaman jangka pendek untuk membiayai modal pusingan terutama untuk membiayai business cycle dalam sesebuah syarikat.

Saya menyentuh perkara ini dalam konteks keadaan ekonomi sekarang, kita perlu membuat adjustment supaya operational efficiency dalam sektor korporat mahupun sektor banking dapat dipertingkatkan supaya ianya dapat menyumbang kepada competitiveness kepada negara kita. Persoalannya promisory notes, trade bills dan bankers acceptance yang dipanggil sebagai paper instruments, *vis-a-vis* OD, manakah yang patut digunakan dalam pembiayaan working capital ataupun modal pusingan.

Kita dapati di negara maju paper instruments menjadi keutamaan dalam pembiayaan working capital, tetapi di sini OD digunakan dengan lebih meluas lagi daripada paper instruments. Sebab paper instruments digunakan kerana ia boleh mewujudkan efisiensi dalam business cycle tadi. Business cycle mempunyai satu specific time frame dengan kita menggunakan promisory notes kepada pembelian bahan mentah kepada diproses menjadi finish good, ia memakan masa tiga bulan, promisory notes boleh digunakan untuk tiga bulan dan ini apabila dijual akan wujud dalam akaun syarikat trade debtors katalah tiga bulan lagi pihak syarikat boleh menggunakan trade bills atau bankers acceptance dan ini mewujudkan suasana yang efisien dalam syarikat tersebut. dengan cara itu ia mengurangkan cost of fund serta meningkatkan keuntungan syarikat, manakala overdraft kita dapati kerana konsepnya ia berasas kepada annual renewal, syarikat-syarikat kadangkala menggunakan dengan cara yang tidak efisien, wujud old stocks, ia pun tidak peduli ada edging adaptors pun dia tidak peduli dan kadangkala kalau kita siasat di bank, overdraft digunakan untuk membeli fixed assets dan juga untuk membeli saham dan sebagainya. Dan ini mewujudkan suasana di mana cost of fund menjadi begitu tinggi dan merugikan. Dengan itu, penggunaan modal di dalam sistem kewangan tidak berjalan dengan baik.

Di samping itu, paper instruments ini dia mewujudkan secondary market and trade fields, promisory notes, ia boleh dijual dalam interbank, maknanya penggunaannya lebih meluas lagi. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan dari kementerian, apakah pendirian kita, adakah kita mahu supaya penggunaan overderaf ini dikurangkan dan dipertingkatkan penggunaan paper instruments.

Saya difahamkan paper instruments ini banyak digunakan di bank saudagar, tidakkah kita mahu membuka penggunaan kemudahan paper instruments ini juga dicommercial bank, tambahan sekarang kita mula wujudkan universal banking, sekarang sudah dipraktikkan di Singapura dan di banyak negara maju telah dipraktikkan, kalau kita hadkan kepada bank saudagar sahaja penggunaannya, ia akan menjadi begitu terhad sekali.

Perkara yang seterusnya saya ingin sentuh tentang portfolio pinjaman sektor banking. Tadi saya baca dalam akhbar *New Straits Times* tentang kenyataan Standard and Poor Cooperation yang mengatakan sistem kewangan kita akan menghadapi tekanan teruk pada tahun hadapan, ini berlaku ia tentu akan menjejaskan kecairan sistem banking kita dan sepertimana kita tahu akan boleh mengakibatkan kepada keruntuhan ekonomi negara.

Di samping itu, Bank Negara juga membuat statement bahawa NPL kita pada kadar 4.3% dan ini juga kukuh kerana ia berasaskan kepada capitalisation yang tinggi serta reserve loan lost yang begitu tinggi. Di samping itu Bank Negara juga membuat statement, yang ini saya agak bimbang sedikit, mengikut statement tersebut pada 36.97 - 40% dari jumlah pinjaman kita adalah dalam sektor hartanah dengan nilai collateral 305%, di samping itu dalam pinjaman pada pemegang syer sebanyak 9.7% dengan collateral lebih kurang 136% dan data ini adalah pada akhir bulan Oktober 1997. Walaupun NPS sekarang rendah tetapi kalau saya melihat daripada pinjaman yang terikat dalam bidang-bidang ini, kita rasa kemungkinan NPL kita akan meningkat terutama pada awal tahun hadapan, terutama dalam bidang property dan dalam bidang hartanah ini ada hartanah pada peringkat pelaksanaan berbeza, ada yang baru beli tanah, ada yang telah buat earth work, ada yang telah dapat kelulusan susun atur, ada yang telah siap projeknya dan kemungkinan besar sepertimana saya lihat ada beberapa projek yang tidak ada ramai pembeli, ia menghadapi masalah untuk membayar balik bank dan saya dapati daripada apa yang saya katakan tadi, masalah NPL ini akan jadi besar pada tahun yang akan datang.

Jadi, saya berpendapat elok kita adakan satu early warning system dalam soal ini, pihak Bank Negara patut meminta bank-bank supaya membuat analisis kepada semua loan portfolio yang melibatkan semua sekali, kita kaji daripada loan portfolio kita sama ada dia current ataupun NPL keseluruhannya kita tetapkan, daripada situ kita kaji dia punya source of repayment, dia punya cash flow dan sebagainya supaya kita dapat pasti dari situ manakah loan yang good loans pada masa panjang, mana yang ratingnya second star ataupun three star dan ini dilaporkan kepada Bank Negara supaya kita tahu kedudukan kita yang secara keseluruhannya. Di samping itu setiap tiga bulan pihak bank patut mengadakan laporan tersebut kepada pihak Bank Negara, di samping itu dalam keadaan loan ini belum menjadi NPL, pihak bank sudah boleh mengambil langkah untuk buat loan restructuring daripada bila dia tiba kepada NPL, baru kita hendak buat loan restructuring, lebih baik kita buat sekarang kerana saya dapati pada masa loan ini masih baik lagi, kita telah kenalpasti ia akan mempunyai masalah kita boleh mengadakan perbincangan dengan pihak pelanggan supaya mencari alternative source of repayment. Bank patut mengambil sikap sekarang memainkan peranan atau menjalankan peranan sebagai advisory role kepada customers dengan mengadakan business plan kepada syarikat-syarikat yang meminjam kemudian dia punya financial plan dan juga financial package yang patut disediakan oleh syarikat-syarikat tersebut supaya ia tidak nanti menghadapi masalah.

Satu lagi perkara yang saya ingin sentuh ialah tentang pinjaman kepada sektor hartanah ini. Dalam kenyataan kementerian, kementerian tidak akan lagi melayan pinjaman kepada sektor ini. Saya bersetuju dengan pandangan tersebut tetapi persetujuan saya agak qualified sedikit, saya tidak bersetuju sepenuhnya. Saya berpendapat bahawa sektor ini masih lagi ada keperluannya. Pada masa lalu kita beri pinjaman kepada sektor ini kerana sikap pihak bank dengan mentaliti mereka, mereka rasa inilah loan yang paling mudah sekali hendak dijalankan dengan profit yang tinggi kerana mentaliti bank adalah untuk mendapat profit margin yang tinggi. Ia ada collateral dan ianya sudah cukup untuk menjamin pulangan balik. Itulah mentalitinya, dia tidak buat analisis sama ada demand and supplynya dengan kedudukan bagaimana.

Pada masa ini masih ada lagi permintaan untuk perumahan, jadi kita patut memberi pinjaman dalam bentuk yang selektif, kalau keseluruhannya kita tidak beri 40% ini, saya percaya kita hendak download 40% loan ini bukan senang, kita boleh cakap kadang-kadang saya dengar rakan-rakan bercakap mengapa ia 40%, mengapa

tidak 20% tetapi proses hendak didownload loan ini daripada 40% ke 20% dia memakan masa dan sekarang kita telah berhadapan dengan keadaan ia 40%, bagaimana kita hendak menjamin supaya 40% ini tidak jadi NPL. Itu yang penting dan dalam konteks itu saya dapati bahawa sektor perumahan masih lagi ada daya maju dalam sektor-sektor tertentu yang selektif dan sebagainya, kalau kita langsung tidak beri kepada sektor itu saya ingat tidak betul.

Jadi, dalam hubungan itu, kita mesti matchkan antara demand and supply. Kalau dahulu demand ini agak arbitrary sehingga wujud inflation dari segi aset tetapi sekarang kita mesti matchkan antara demand dan supply.

Sehubungan dengan itu juga, saya ingin tanya kementerian, saya ingat beri jawapan secara terus terang, sama ada pihak kementerian berpuas hati atau tidak di atas prestasi bank dalam memproses pinjaman - bagaimana standardnya?

Tuan Yang di-Pertua, kerana saya bekerja di bank lama, sampai sekarang masih ada lagi rakan-rakan saya dalam bank, saya rasa standard proses bank itu tidak tinggi, pertama saya kata tadi mereka melihat dari segi sudut keuntungan, profit mentality, itu sebabnya apabila kita datang untuk pinjaman perumahan, ia mudah, cash flownya agak elok sedikit, dia nampak collateral yang tinggi dapatlah pula collateral itu dinilai oleh Rahim & Co., padanya sudah puas, ia tidak buat penyiasatan, tidak buat analisis yang proper. Jadi, ia tidak dapat establish sama ada pinjaman itu mempunyai credit worthiness ataupun tidak. Keduanya, dia buat mentaliti favourite client mentality. Kalau klien itu ....

**Tuan Yunof Edward Maringking:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Tuanan bangun.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Terima kasih sahabat saya dari Tambun. Saya minta penjelasan dari sahabat saya mengenai pinjaman bank ini adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa kadangkala ataupun lagi more often the notes, dengan izin, bila peminjam itu tidak menghadapi masalah, pihak bank sentiasa tidak begitu merasa terganggu tetapi bila pihak peminjam itu menghadapi masalah, pihak bank tidak ada simpati langsung, sedangkan kadang-kadang, dengan izin, the only resort to harassment yang mereka terfikir pada masa pertama ialah memperolehi kembali wang mereka tetapi tidak ada niat langsung untuk memberi peluang kedua bagi peminjam itu sehinggakan ia akan menjadi bankrap sedangkan masih boleh dibantu kalau pihak bank mahu juga membantu, tetapi mereka tidak mahu berbuat demikian.

Jadi, adakah sahabat dari Tambun bersetuju ataupun berpendapat bahawa seharusnya ada borrower friendly bank, dengan izin, yang seharusnya wujud. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dan tidak. Saya kata tidak kerana sebenarnya apabila satu loan menjadi tidak elok, bank akan menghubungi pelanggan. Saya dapati dalam banyak kes kadang-kadang pelanggan itu tidak layan surat dan sebagainya. Dalam pengalaman saya, bank biasa buat loan restructuring, walaupun ada pinjaman-pinjaman yang agak sudah begitu tidak elok sekali tetapi mempunyai peluang untuk pinjaman itu dibayar kalau syarikat tersebut terlibat dalam sesuatu projek atau diberi duit yang lebih untuk konsepnya 'good money chasing bad money' kalau tidak silap. Itu semua berlaku dalam sistem banking.

Jadi, itulah saya kata ia dan tidak, kalau pelanggan tidak ambil tahu langsung daripada surat yang pertama, saya rasa ia akan dapat surat yang seterusnya untuk pergi ke mahkamah. Tetapi kalau ia mengambil tindakan saya rasa ada jalan kerana kepada bank kalau ia mengambil tindakan mahkamah, kadangkala ia rugi, loan sebanyak RM100,000 pelanggannya tidak dapat membayar, dia ambil kes bangkrupsi, bank tidak akan dapat bayaran sangat daripada situ, kadang-kadang asetnya tidak

mempunyai nilai yang tinggi dari segi pasaran. Jadi, di sini pihak bank dan pihak pelanggan kena sama-sama bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Tadi, saya sentuh tentang favourite client mentality. Saya nampak dalam sistem banking kalau adalah klien itu yang dia rasa confident dan sebagainya, ia akan beri loan yang banyak. Itu sebabnya dalam kes yang lama, dalam kes George Tan dengan BMF, apa yang berlaku George Tan pinjam daripada BMF untuk beli satu bangunan di Hong Kong. Kemudian dia pakat dengan orang dalam bank lain untuk beli bangunan tersebut, dia beli dengan harga RM50 juta kalau tidak silap saya dan dia jual dengan harga RM150 juta. Jadi, bagi masyarakat Hong Kong ini sudah merupakan satu keajaiban, George Tan ini adalah 'the midastouch', jadi semua orang beri laon termasuk BMF sampai RM2 bilion.

Jadi, mentaliti ini, kerana dia tengok seorang ini dia akan beri semua, sampai analisisnya tidak begitu penting lagi, yang penting adalah nama orang itu. Dan inilah antara punca mengapa, kadang-kadang loan menjadi tidak perform, kerana loan itu sebenarnya bukan good loans.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya ingin sentuh yakni berkenaan dengan apa yang Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan cakap semalam tentang soal liberalisasi sektor kewangan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya bersetuju sedikit dengan pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri kita tidak buka pintu sehingga kita bersedia, tetapi saya juga berpendapat bahawa bila kita akan bersedia. Kalau kita ambil tahun 2005 sebagai tempoh kita akan bersedia baru kita buka pintu, adakah kita akan bersedia pada masa itu. Tidakkah boleh kita walaupun ia merupakan dasar tetapi dasar ini boleh kita semak dan kita kaji semula, kita benarkan kemasukan cara perlahan-lahan dengan mengambil 30% ownership, kita joint dengan kita.

Saya dalam beberapa hari ini saya baca satu joint venture antara salah satu bank dari Switzerland dengan bank di Jepun. Saya tengok ini merupakan satu faktor baru dalam ekonomi Jepun, dengan adanya kemasukan bank-bank dari luar ia akan memberi confidence kepada pelabur asing. Kita berhadapan dengan masalah Korean fund managers dan sebagainya, jadi saya berpendapat apa salahnya kita buka pintu sedikit, bank A 100% local, sekarang kita beri foreign bank, Swiss atau British masuk 30%, dengan adanya 30% ini dia akan datang keyakinan kepada foreign fund managers, kepada pelabur-pelabur asing bahawa kita sudah ada orang kita di situ.

Di samping itu pula ia akan meningkatkan kemahiran. Saya percaya kalau kita buat satu rating tentang kemahiran pegawai-pegawai bank kita, kemahiran kita begitu rendah kalau kita bandingkan dengan standard yang diperlukan ke peringkat antarabangsa. Di samping itu kita akan dapat kontek dengan pasaran-pasaran kewangan antarabangsa dan dengan itu ia akan dapat meningkatkan efisiensi pasaran kita dan meningkatkan competitiveness kita.

Jadi, bermakna kalau sekarang kita buka sedikit, buka 30% atau 40% tahun 2005 kita buka semua, kita sudah bersedia untuk bertembung dengan bank-bank lain dalam proses liberalisasi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tuaran.

**5.18 ptg.**

**Tuan Yunof Edward Marinking [Tuaran]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan Akta Bil Pertukaran 1949 dan pertama sekali saya ingin membawa kepada perhatian pihak kementerian tentang implikasi bil ini terutama di Sabah di mana pemalsuan identity card sangat berleluasa.

Kadangkala tanpa disedari oleh pemilik IC tiba-tiba ICnya sudah dimiliki oleh tiga orang yang lain dan di dalam keadaan yang demikian banyak yang boleh berlaku. Cek juga boleh hilang dengan tanpa disedari ataupun kemungkinan juga dengan kerjasama pihak dalaman di dalam bank, maka dengan menggunakan IC palsu itu wang pemegang akaun boleh dikeluarkan. Ini bukan satu andaian tetapi ada satu perkara yang sebenarnya telah berlaku di Kota Kinabalu dalam tahun 1980-an di mana satu kes jenayah melibatkan wang sebanyak RM846,000 di mana cek telah dicuri dan dengan meniru, mempelajari tanda tangan di dalam cek itu dan juga dengan menggunakan IC palsu dan kerjasama orang dalaman di dalam bank, maka wang sebanyak RM846,000 itu telah dikeluarkan dan sampai sekarang kes ini belum dapat diselesaikan oleh pihak polis oleh kerana sukar untuk menangkap orang yang telah melarikan wang. Jadi, implikasi bil ini kalau tidak diambil perhatian khusus oleh pihak bank mempunyai kesan yang mungkin merugikan sistem perbankan di dalam negara kita terutamanya di Sabah. Kemungkinan akan berlaku di mana cek tidak akan laku oleh kerana kita tidak tahu siapa yang punya cek, siapa yang memegang cek, siapa yang mengeluarkan cek, oleh kerana pihak bank tidak lagi dengan pergantungan akta yang ada ini maka bank tidak lagi dipertanggungjawabkan tentang apa-apa kerugian. Mereka akan mengatakan oleh kerana dengan adanya peruntukan di dalam akta ini kita boleh terlepas dari tanggungjawab, maka tidak perlulah berjaga-jaga lagi.

Saya harap itu tidak akan berlaku tetapi pihak Bank Negara haruslah membuat panduan walaupun ada undang-undang ini supaya perlu juga terus berhati-hati dan mengambil langkah-langkah perlu untuk memastikan bahawa sebelum cek dibayar haruslah mengambil perhatian dan langkah-langkah untuk memastikan bahawa cek itu benar-benar adalah dikeluarkan oleh pemegang akaun sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara ialah kalau bank tidak begitu lagi dipertanggungjawabkan di dalam pengeluaran cek, saya kluatir lakunya cek-cek yang dikeluarkan di dalam negara kita ini akan diragui oleh pemegang-pemegang akaun sesama sendiri. Oleh kerana kemungkinan besar, saya ulangi lagi terutama di Sabah dan mungkin ini akan merebak ke seluruh Malaysia, sudah banyak yang berlaku juga, oleh kerana kad-kad pengenalan palsu ini seperti yang telah saya katakan tadi seorang pemegang kad pengenalan tulen itu juga ada dipegang dengan cara tulen oleh orang lain dan di dalam keadaan yang seperti ini maka sistem perbankan kita akan terancam.

Jadi, saya harap satu mekanisme baru untuk mengelakkan perkara ini berlaku akan dirumuskan, memang ini saya perakui bukan senang untuk mengatasi perkara ini tetapi agaknya tindakan berhati-hati oleh semua pihak termasuk bukan sahaja pihak Bank Negara tetapi bank-bank yang berkenaan tetapi juga pemegang-pemegang akaun. Itu kita akui tetapi sebelum terlambat, satu mekanisme haruslah dirumuskan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya ingin sentuh ialah tentang keberkesanan penggunaan cek di dalam negara kita ini. Nampaknya walaupun kita sudah maju tetapi penggunaan cek-cek masih lagi tidak begitu laku. Saya tidak faham mengapa, terutama mereka yang bukan peniaga besar ataupun just an ordinary people, dengan izin, tidak mahu menggunakan cek dan akibatnya sentiasa sahaja wang itu cash, dengan izin, ada di dalam saku ataupun ada disimpan di dalam rumah. Oleh kerana mereka belum begitu percaya dengan cek dan inilah masalahnya di mana capital markets kita juga terlibat.

Sebenarnya di dalam dunia moden ini kita tidak perlu menggunakan terlalu banyak wang tunai, kita menggunakan cek dalam pelbagai urusan dan dengan keadaan yang demikian tidak perlu mengeluarkan terlalu banyak cash ataupun membawa cash seharian. Tetapi oleh kerana rakyat masih lagi belum memahami ataupun mengamalkan penggunaan cek, apa sebab saya tak tahu, maka inilah yang terjadi dan ini boleh juga menyebabkan banyak perkara yang tidak baik terhadap ekonomi negara oleh kerana inflasi kalau tidak terlalu banyak cash di dalam tangan setiap rakyat Malaysia sudah tentu inflasi juga boleh berlaku dan saya harap perkara ini akan dapat diambil pertimbangan sama ada kempen-kempen untuk penggunaan cek secara berleluasa di dalam negara kita ini dapat dilaksanakan.

Oleh kerana saya ingat semasa saya belajar di United Kingdom walau satu pound pun saya boleh isu cek, 50 pound pun saya boleh isu cek, tidak ada yang reject, tetapi cuba kita pergi di kedai-kedai di sini, kalau kita beri cek dia bilang: "Ini kita punya cek ini ada isikah?" [Ketawa] "Atau kita punya cek ini boleh saya terimakah?" Kita segan, di dalam dunia moden sekarang pun masih lagi para peniaga tidak mempercayai sistem perbankan di dalam negara kita.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Yan bangun.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Ha, ini selalu minta penjelasan, kali ini beri dia.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Tuaran. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Tuaran beri peringatan kepada bank-bank tentang kad pengenalan palsu dan sebagainya, orang menggunakan akaun keluaran cek, sekarang ini Ahli Yang Berhormat minta pula cek ini diperlakukan dengan sewenang-wenangnya. Jadi, macam mana standing Yang Berhormat ini?

Kita kena faham kadang-kadang memanglah kalau di luar negeri, kadang-kadang di negeri-negeri yang tertentu kita guna cek 'is as good as cash', tetapi tadi Yang Berhormat mengatakan orang boleh tipu dan sebagainya, jadi sekarang ini Yang Berhormat minta bank-bank memperakui atau kedai-kedai menerima sebarang cek sedang kita tahu banyak penipuan yang berlaku. Jadi, apakah standing Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, inilah sahabat saya dari Yan ini susah, mahu beri dia peluang pun dia tak guna ambil kesempatan dengan baik. Dia tidak dengar, saya kata tadi bukan cek ini tidak baik, ini pemalsuan kad pengenalan yang menyebabkan dan menyulitkan penggunaan cek ini, jadi ini yang perlu dibanteras.

Yang keduanya, saya sudah katakan tadi ialah mekanisme bagaimanakah confident rakyat boleh built up tentang cek ini, ini yang telah saya katakan tadi dan saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Padang Terap, memang dia bersetuju yang kita seharusnya pakai cek banyak, jangan pakai cash, nanti everyday cash kadang-kadang kena curilah itu dan ini, bagaimana boleh diberitahu bank saya punya not RM1,000, sudah dicuri, siapa yang boleh selamatkan dia kalau RM1,000 nilai cek kena curi, dia boleh telefon bank.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, dia bangun Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Aah, Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun, okay.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Bukan saya hendak kacau Yang Berhormat, cuma Yang Berhormat kata saya bersetuju, sebenarnya saya tidak bersetuju, Yang Berhormat kata kalau pakai tunai, ia tidak akan berlaku inflasi, kalau pakai cek inflasi tidak berlaku. Itu Yang Berhormat kata. Jadi, selalunya kalau tunai rakyat yang menggunakan tunai itu dia nampak betul-betul nilai, kalau pakai cek mungkin inflasi akan bertambah sepertimana kita pakai credit card, jadi dia tidak nampak tunai, dia tahu belanja sahaja. Jadi, yang ini saya tidak bersetuju, Yang Berhormat kata saya bersetuju!

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, inilah Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri ini pun membalas juga, ia bersetuju pun bersetuju juga, tidak bersetuju pun tidak bersetuju juga, yang sebenarnya tentang inflasi ini tidak bergantung kepada pakai cek atau tidak, itu bergantung kepada perangai individu di

dalam perbelanjaan, sikap membelanjakan wang, tetapi maksud saya Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah tadi kalau kita ada menggunakan cek, kemudian tidak ada wang tidak begitu bebas, jadi sekurang-kurangnya kita mungkin ada terkawal, tetapi kalau ada cash kita nampak apa pun: "Oh, masih ada duit di sini, saya boleh belilah." Itu sahaja maksud saya. Saya bersetuju juga dengan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri tadi itu.

Okay, di mana saya sekarang? *[Ketawa]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sudah habis?

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Belum, belum lagi!

**Tuan M. Kulasegaran:** Baru mula ini!

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Ahli Yang Berhormat dari Tambun saya fikir dia sudah keluar ataupun dia bersetuju juga tetapi tidak bersetuju, saya rasa ini satu perkara yang sukar bagi saya terimalah, oleh kerana kalau kita bersetuju - bersetujulah, kalau tidak bersetuju - bagaimana pula mahu bersetuju lagi.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan ialah kadangkala pihak bank ini waktu kita mengambil pinjaman pihak bank senang juga mahu memberi kredit dengan harapan bahawa dengan penglibatan kita di dalam perniagaan ini, mereka yang sebenarnya menggunakan kita sebagai saluran pelaburan untuk mendapatkan faedah kalau kita berjaya. Dan mereka minta kertas kerja, sesudah memeriksa kertas kerja itu maka pinjaman itu diberi, tetapi kalau sesuatu dan memang pembayaran kalau lancar tidak ada masalah. Tetapi bila ada masalah, bukannya lebih baik kalau seboleh-bolehnya di dalam bank ini ada juga R&D. Saya haraplah, maka terutama peniaga-peniaga kecil cuba diberi bimbingan bagaimana memperbaiki perniagaan ini supaya loan kita ini tidak jadi non performing loan, kita akan memberi nasihat apa yang tersilap sebenarnya. Tetapi ini tidak berlaku, 'the first thing they will do is you demand later', you punya loan ini sudah begitu 'overdue', maka peniaga-peniaga kecil ini kalau terima surat dari peguam, bukan lagi dia ingat ingin memberi jalan business, dia kata: "Besok, saya akan jadi bangkrup." Saya tahulah dari kawasan Yan ada atau tidak begitu, tetapi di tempat saya ramai. Jadik, terganggu fikiran mereka, bukan untuk tujuan memperbaiki perniagaan mereka.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, dia bangun pula Yang Berhormat.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Kali ini baik?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Baik. *[Ketawa]*

Jadi, Yang Berhormat, tentang bankrap ini di mana Yang Berhormat kata di Tuaran ada banyak. Yang Berhormat sebagai wakil rakyat yang agak ahli educated perlu memberi bimbingan kepada mereka supaya mereka faham sistem banking ini apabila mereka hendak mengurus niaga. Jadi, adakah Yang Berhormat menjalankan kerja ini ataupun hanya berjalan ke kedai-kedai dan orang berniaga ini semasa pilihan raya sahaja? Terima kasih.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Soalan ini tidak timbul, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Yan, saya ingat waktu membahas Belanjawan Negara 1996, kalau saya tidak silap, saya cadangkan supaya Bank Pertanian pakai cheque. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri dari Padang Terap, sekarang sudah pakai cheque, itu cadangan kita, juga memperbaiki cara dia. Kita sama-sama mahu membina negara, jangan takut, kita ini ada semangat patriotism, jangan susah. Yan tidak bantu satu pun. *[Ketawa]* Jadi, kita memang bantu.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yan bangun lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Yunof Edward Maringking:**.....sedangkan kalau perlu saya minta, saya harap sahabat dari Padang Terap supaya.....

**Tuan Yunus bin Rahmat:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Jelebu bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Nanti saya beri Jelebu.....supaya Bank Simpanan Nasional ataupun Bank Pertanian tolonglah buka satu cawangan bank di pekan Nabal, di dalam kawasan saya, memang ada duit masuk, saya gerenti, oleh kerana rakyat di situ dia bukan simpan duit di bank, terlalu jauh pergi ke pekan, dia simpan di bawah bantal. *[Ketawa]* Kadang-kadang terbakar rumah, habis duit juga. Jadi mintalah Yang Berhormat dari Padang Terap, saya sudah bercakap juga dengan Ketua Pemuda UMNO tetapi mungkin dia belum ada berkesempatan pergi tengok di sana, saya harap Bank Pertanian, oleh kerana kebanyakan di situ ialah petani. Di situ ada tamu tiap-tiap minggu. Saya rasa ada RM5,000 atau lebih daripada RM5,000 turnover boleh masuk tiap-tiap hari atau mungkin lebih daripada itu, RM10,000 pun mungkin dalam satu minggu, jadi perlu ada satu bank. Jadi inilah tanggungjawab kita. Jadi Yang Berhormat dari Yan mesti buat begitu jugalah.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Jelebu bangun.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Jelebu, nanti saya beri sekejap.

**Seorang Ahli:** Berapa lama mahu cakap?

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Banyak lagi. Satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang faedah pinjaman. Saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya memberi panduan kepada pihak bank-bank saudagar supaya bersimpati kepada peniaga-peniaga kecil. Peminjam yang di bawah RM5,000 pun kalau interest naik, dia ikut juga interest yang RM100 juta. Bagi peniaga-peniaga kecil yang meminjam RM5,000, untungnya kecil, kalau tidak dapat dibayar, seharusnya beri interest special oleh kerana risk itu rendah. Dengan keadaan yang demikian, kita dapat membantu terutama pihak bumiputera akan dapat faedah tetapi sekarang ini interestnya terutama mereka yang cuba mencebur diri di dalam saham stock exchange. Pada mulanya bank kata, ambil loan, beli stock ini, kami akan beri pinjaman RM5,000 mahu beli saham, kemudian sekarang terlalu rendah, tidak boleh dijual, ada margin call dia panggil, bukan tiap-tiap bulan, kadang-kadang ada yang tiap-tiap hari, mengikut value stock di pasaran. Ini bukan kita bermaksud bahawa pihak bank pun tidak perlu melindungi para pendeposit, itu bukan tujuan kita, tetapi mesti ada mekanisme, bersimpati kepada peniaga-peniaga kecil supaya mereka tidak juga terjejas oleh kerana keadaan yang sedemikian.

Satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang memberi pinjaman untuk peniaga-peniaga muda. Kadangkala bank kata, your working paper is very good but you have no experience at all. So how can I give you this loan? Saya tiada keyakinan atau kepercayaan tentang kejayaan projek ini. Kalau begitulah mentality, sampai bila nanti peniaga-peniaga muda yang baru lepas dari universiti, dari ITM mendapat pengalaman. Dia tunggu pengalaman lama, tiada orang beri dia pengalaman oleh kerana pengalaman ini is self acquired, dengan izin. Jadi seharusnya pihak bank-bank mempunyai satu sistem lagi untuk membimbing, membantu pihak kerajaan di dalam usaha memperbanyakkan lagi middle class businessman.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Tuan, kita kena berhenti sekejap, ada usul.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA  
PERATURAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.

***Perbahasan disambung semula.***

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Tuan.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.....

**Datuk Nurnikman bin Abdullah:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Beaufort bangun.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** *[Bangun]*

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Nanti saya beri Jelebu dahulu, tetapi saya habiskan dahulu sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada dua yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Saya habiskan dahulu, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya cadangkan kepada kementerian supaya berbincang dengan persatuan bank mengadakan satu mekanisme membimbing usahawan-usahawan baru. Di dalam keadaan ekonomi kita sekarang ini kita tidak boleh semata-mata bergantung kepada dana yang diberi oleh kerajaan untuk membangunkan semula ekonomi negara kita. Para persatuan bank haruslah memainkan peranan penting to rejuvenate the economy, dengan izin, supaya kita akan dapat kembali kepada kecemerlangan ekonomi kita. Kalau semua rakyat terutama penyayang mempunyai kemampuan membantu mana-mana pihak terutama peniaga-peniaga kecil itu hanya melihat kepada mereka berjaya atas pertolongan kerajaan, maka saya fikir sukar bagi kita untuk terus mencapai Wawasan 2020. Jadi semua yang terlibat terutama bank-bank yang mempunyai tanggungjawab akan memainkan peranan membantu pihak Kementerian Kewangan dan juga Bank Negara.

Sebelum saya teruskan yang lain, saya beri dahulu kepada Yang Berhormat dari Jelebu, dia bangun lagi saya nampak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Tuaran. Soalan saya, mahu minta penjelasan sedikit. Tadi Yang Berhormat Tuaran ada menyatakan bahawa bank seolah-olah mempunyai kesilapan kerana menunaikan cheque si polan dan si polan oleh kerana kad pengenalan palsu yang kita punya berada di tangan mereka. Jadi adakah Yang Berhormat tahu bahawa pihak bank tidak tahu bahawa itu adalah kad pengenalan palsu dan ditambah pula lagi bahawa bank tidak mempunyai kuasa untuk menyasat ketulenan kad pengenalan berkenaan. Jadi adalah tidak adil sekiranya kalau kita menyatakan bahawa bank tidak teliti dan tidak adil dalam soal ini. Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Yang keduanya, saya juga minta pandangan, bagaimana keadaan pengurusan bank di dalam urusan untuk menjadikan seseorang peminjam itu sebagai berstatus bankruptcy oleh kerana urusan surat-menyurat dan sebagainya daripada bank tidak begitu teliti dan ada di kalangan penjamin-penjamin kepada peminjam bank-bank berkenaan kadang-kadang terperangkap. Jadi, bagaimana pandangan Yang Berhormat dari Tuaran? Terima kasih.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Terima kasih Yang Berhormat dari Jelebu. Yang pertama itu saya fikir, with due respect, sama juga dengan Yang Berhormat dari Yan, dia tidak faham maksud saya. Saya kata, kita mengakui hakikat bahawa kad pengenalan palsu ini terlalu berleluasa dan sudah tentulah sukar untuk pihak bank menentukan kesahihan bank itu.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yan bangun pula.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Hendak bantu. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kami tidak faham apa dia kata. [Ketawa]

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Minta maaf. Saya katakan tadi perlu ada mekanisme, to work out the mechanism - itu saya sudah katakan tadi dan kalau perlu saya beri cadangan. Di dalam keadaan dunia yang moden ini kalau everything is online, there is no reason why the bank can not be online to the Jabatan Pendaftaran.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dengan izin, Yang Berhormat.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Dengan izin. [Ketawa] Ini Tuan Yang di-Pertua pun mengganggu pula, bagaimana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, sila.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Jadi, itu pandangan saya that can be work out. I am sure that can be work out for the security, untuk keselamatan semua pihak.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Bercakap bahasa tak kena tempat, Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa]

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Lain kali jangan cakap bahasa Kedah, nanti saya tidak mengerti.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini bercakap bahasa Inggeris dalam Parlimen Malaysia, Tuan Yang di-Pertua. Gunakanlah Bahasa Malaysia, Bahasa Kebangsaan.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Yang itu, Tuan Yang di-Pertua sudah beri keizinan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya sudah beri izin, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sekali izin sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** You are not on the Chair, tolong duduklah. Jadi itulah satu perkara yang saya pertekankan.

Satu lagi perkara yang terakhir - nanti saya beri kepada Yang Berhormat dari Beaufort, saya nampak dia berdiri tadi, nanti dia marah saya pula, jadi selepas ini Yang Berhormat Beaufort - ialah tentang fund manager. Saya fikir sekarang fund manager (unit trust) sudah terlalu menjadi-jadi di negara kita ini sedangkan pergi di kedai kopi pun ada minta tolong isi borang mahu beli unit trust, itu dan ini. Itu tidak jadi soal. Saya rasa itu satu daripada kempen untuk kita mengutip tabungan kewangan kita. Saya fikir itu bukan salah, tetapi masalahnya fund manager ini kadang-kadang kalau Bank Negara tidak berhati-hati, dia bukan labur wang ini di dalam negara, mungkin dia beri keluar melalui OFC. Jadi dia pergi melabur di mana dia mendapat keuntungan yang banyak. Maka saya rasa ini pun perlu juga diambil perhatian khusus oleh pihak Bank Negara dan kementerian oleh kerana janji-janji pendapatan yang besar itu maka rakyat terpengaruh. Kalau fund managers itu berjiwa patriotism, mungkin wang itu tidak akan dibawa ke luar dan dilabur di luar negara. Tetapi kalau tidak, mungkin ada - itu kemungkinan sahaja.

Jadi, sebelum saya mengakhiri, saya sudah janji dengan Yang Berhormat Beaufort, saya beri dia peluang.

**Datuk Nurnikman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak minat oleh kerana itu semua sangkaan jahat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yan pula bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya hendak suruh dia duduk, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap ini.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Belum lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia belum habis.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Belum habiskah?

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Belum habis.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sudah jam 6.00 petang.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Kalau begitu mungkin Yan mahu cakap, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir cukuplah sungguhpun banyak lagi yang saya mahu cakap tetapi beri dia peluang. *[Ketawa]*

Maka sekian sahaja pandangan saya. Saya harap terutama sahabat dari Padang Terap tolonglah ambil perhatian untuk mengadakan satu cawangan bank sama ada Bank Pertanian ataupun Bank Simpanan Nasional di pekan Nabalu. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Teluk Intan.

**5.50 ptg.**

**Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang dibahaskan oleh rakan saya dari Tuaran mengenai keadaan bank-bank dan proses pinjaman, saya ingin menyentuh baru-baru ini di mana beberapa pelanggan telah diarahkan untuk memulangkan wang pinjaman kerana tidak dapat membayar ansuran.

Sebenarnya ini adalah satu perkara yang bagus, akan tetapi yang menjadi masalah adalah orang-orang yang berpendapatan rendah atau kurang. Baru-baru ini saya sendiri telah dapat aduan di mana seorang bernama Abdul Rahman bin Rahim yang telah meminjam hanya RM25,000 dari Bank Bumiputra, oleh kerana beliau telah dibuang kerja dan tidak dapat membayar ansuran untuk lebih kurang lima bulan, semua wang yang tertunggak telah diarahkan dibayar. Sebenarnya peguam Bank Bumiputra telah menulis surat mengarahkan bahawa wang itu perlu dibayar balik.

Jadi, saya telah mengarahkan dia untuk berjumpa terus dengan pegawai bank untuk mencari jalan supaya ansuran yang tertunggak itu bukan sahaja akan dibayar tetapi dibayar secara ansuran. Ansuran bulanan yang beliau perlu bayar adalah lebih kurang RM220 sahaja, ini mungkin kecil untuk ramai orang di Malaysia tetapi untuk keluarga kawan saya ini yang mempunyai lapan orang anak, RM220 ini sangat besar. Bila dia berjumpa saya, dia kata, dia telah mengambil pinjaman lebih tujuh tahun dan dia sangat susah untuk membayar. Jadi saya suruh dia oleh kerana kalau dia jumpa peguam dan sebagainya kita tidak dapat berbuat apa-apa, dari segi undang-undang dia tertakluk kepada undang-undang, kita tahu. Jadi saya cadangkan kepada dia, saya cakap, saya tidak akan tulis surat dari firma saya, tetapi saya memberi satu arahan kepada dia supaya jumpa pegawai bank, pohon agar faedah yang tertunggak itu dikecualikan dan ansuran dibayar lebih kurang RM100. Tetapi apabila beliau pergi ke bank, seperti biasa oleh kerana bank ada kekuatan mengatakan mereka tidak ingin berunding, no dice, dengan izin. Jadi beliau terpaksa jumpa saya balik dan saya kata, 'kalau macam itu, kamu terpaksa jumpa pula peguam bank'. Bila pergi jumpa peguam bank, peguam bank itu kata, 'you bayar yuran saya dahulu'. Inilah masalah.

Jadi, problem dia ialah satu mekanisme perlu dicari. Walaupun perkara ini mungkin susah, mungkin mustahil, tetapi untuk orang-orang yang berpendapatan kurang, untuk pinjaman (loan) yang kurang dari RM15,000, satu kelonggaran perlu diberi. Kalau RM150 juta, RM200 juta itu cerita lain. Untuk orang ini yang mempunyai lapan orang anak, satu rumah kos rendah yang dia telah perolehi adalah satu kebanggaan beliau. Beliau berumur lebih kurang 45 tahun. Walaupun saya seorang peguam, saya berasa sedih kerana saya tidak dapat menolong dia dari segi undang-undang.

Bukankah kewajipan kerajaan untuk masa ini, lebih-lebih lagi kerana masa ekonomi kita tenat, ada pakar-pakar yang mengatakan ekonomi kita dalam depression, bukan dalam situasi recession tetapi depression. Itu cerita lain. Tetapi dalam keadaan ini saya pohon agar kerajaan dapat meneliti mencari jalan supaya orang-orang macam ini dapat mengatasi masalah mereka. Masalah yang mereka mengalami ini bukan satu masalah yang mereka sendiri cari, ini terjadi, lebih-lebih lagi orang yang berpendapatan rendah.

Jadi saya pohon kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya dapat memberi arahan atau polisi-polisi yang tertentu, lebih-lebih lagi kepada Bank Bumiputra, yang pertama, menolong kaum bumiputera yang kes semacam ini. Saya hairan bahawa Bank Bumiputra membuat satu 'don't care attitude', dengan izin. Jadi saya harap satu arahan dapat diberi kepada bank-bank di Malaysia supaya kalau ansuran yang sangat kurang macam ini RM200, sebenarnya untuk kebanyakan ahli Parlimen di sini kalau kita pergi makan malam pun RM200 semalam, dengan izin. Jadi untuk memanggil

balik ansuran macam ini not fair. Jadi kita patut cari jalan kerana dari segi undang-undang tidak ada jalan, pada pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya juga ingin menyentuh mengenai Rang Undang-undang Bil Pertukaran. Selepas saya mengkaji dengan akta ibu Bills of Exchange, saya hairan, sebenarnya walaupun Bills of Exchange ini telah sedia ada dari tahun 1949. Dari tahun 1949 ia lebih mementingkan pengguna-pengguna (consumers), akan tetapi walaupun kita di Malaysia sekarang bercakap prioriti perlu diberi kepada consumers, prioriti perlu diberi kepada pengguna-pengguna bank, akan tetapi dengan terang menunjukkan bahawa akta ini tidak memperlindungan pengguna-pengguna (consumers) di Malaysia.

Yang pertama, kalau kita baca dengan teliti cadangan klausa 73A, saya hairan kerana sedia ada undang-undang yang kita kata 'judge made law', dengan izin, undang-undang yang sedia ada yang selalu telah membawa satu balance yang berpatutan. Yang menghairankan saya adalah dengan cadangan meminda ini menunjukkan bahawa pengguna-pengguna perlu mengambil risiko yang lebih. Nombor satu, risiko. Nombor dua, kalau ada apa-apa kesalahan yang mereka mengalami yang tidak disengajakan, mereka perlu pergi mahkamah untuk membuktikan bahawa mereka tidak bersalah. Ini menunjukkan bahawa akta ini sebenarnya memilih lebih kepada orang-orang yang lebih kuat, iaitu bank-bank. Mereka sudah ada kuasa yang sedia ada. Bukankah kewajipan satu kerajaan 'social order', dengan izin, dalam zaman yang moden ini untuk memberi lebih perlindungan kepada pengguna-pengguna.

Kalau kita meneliti dengan teliti apa yang tertulis dalam cadangan klausa 73A ini, saya sangat hairan bahawa burden of prove, dengan izin, nampaknya lebih terpaksa mengalih dari bank-bank ke pengguna-pengguna. Saya rasa ini tidak patut dibenarkan kerana case law yang sedia ada cukuplah dalam hal ini. Jadi untuk membawa pindaan ini, saya rasa tidak berpatutan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh mengenai klausa 81A(1) dan 81A(2). Saya bukan seorang pakar dalam membuat undang-undang, akan tetapi saya rasa ada beberapa pertentangan yang sangat jelas dalam undang-undang yang sedia ada ini yang dicadangkan. Dalam klause 81A satu cadangan yang baik, iaitu bila cheque itu dipalang 'account payee', ia semestinya diatur atau exchange di antara pembuat dengan yang menerima. Setakat itu baik. Tetapi kalau kita baca pula klause 81A(2) memberi satu blank cheque kepada bank mengatakan bahawa jika mereka cuai atau mereka tidak meneliti atau tidak mengikuti arahan yang tertentu dari account payee ini, mereka tidak disabit apa-apa. Apa makna ini?

Sebenarnya, nampaknya dengan perubahan ini memberi satu blank cheque kepada bank supaya mereka dapat membuat salah, boleh cuai dan lari dari tanggungan mereka. Ini saya rasa bukan satu klausa yang dapat dibentangkan pada zaman sekarang. Saya hairan kerana ia tidak memperlindungan hak-hak pengguna-pengguna (customers), not customer orientated. Sebenarnya pada masa ini kita perlu peruntukan yang lebih elastic, lebih baik kepada pengguna-pengguna. Macam mana pula satu klausa yang macam ini dicadangkan kerana pada pengetahuan saya undang-undang yang sedia ada cukup.

Kalau kita mengarahkan bank, masalahnya macam ini, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya ada beritahu kepada kawan saya dari Tuaran yang juga seorang peguam. Bila firma-firma kecil macam yang kita ada ini, kita selalu mempunyai at one time lebih kurang RM2 juta dalam clients account. Masalahnya macam ini, bila kita menulis cek 'account payee' tetapi sekarang nampaknya kalau account payee itu dibayar kepada third parti atau lain, nampaknya pihak yang memberi cek itu tertakluk kepada itu tetapi bank yang menunaikan cek tersebut tidak lagi perlu membayar atau tidak lagi terikat kepada arahan yang tertentu dalam cek tersebut. Bukankah ini satu penganiayaan yang sangat jelas. Saya harap pihak-pihak yang berkenaan akan

mengkaji balik perkara ini kerana bukan sahaja ia tidak memberi perlindungan kepada pengguna-pengguna tetapi memberi satu keluasan yang terlampau kepada bank-bank dan pekerja-pekerja bank.

Yang kita tahu sebelum ini beberapa perkara di mana penipuan telah terjadi di negara ini di mana ada bersabit dengan orang-orang yang bekerja di bank-bank. Jadi kalau kita membenarkan, dengan izin, if we sanction it by law, all the more reason for them to do this. Sebenarnya saya hairan kenapa ia diadakan walhal pada tahun 1949 lebih mementingkan pengguna-pengguna, tetapi pada tahun 1997 bukan sahaja tidak mementingkan customer orientated, satu akta to be customer orientated tetapi mementingkan bank-bank dan memberi satu keluasan yang terlampau. Saya harap Kementerian akan dapat memberi satu jawapan yang munasabah dalam perkara ini dan saya harap tindakan yang tegas juga akan diambil dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, saya ingin juga menyentuh mengenai Sistem Penjelasan Imej Cek Kebangsaan (SPICK). Saya difahamkan ialah SPICK. Sebenarnya saya difahamkan SPICK ini telah pun dilancarkan beberapa bulan sebelum ini dan mesin-mesin berkenaan telah pun dibeli. Kalau saya tidak salah dengar semalam, Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata di Dewan yang mulia ini bahawa dengan mengadakan satu sistem yang baru ini, iaitu yang dikatakan, dengan izin, Document Image Processing System, ia akan mempercepatkan processing of cheques. Tetapi kalau saya tidak salah faham, saya dengar semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa ia akan mengambil masa lebih kurang lima hari untuk cek yang di luar dari kawasan.

Saya sebenarnya ada masa pada hari ini, saya bercakap dengan seorang bank manager yang mengatakan ini mustahil, ini adalah satu kesilapan. Sebenarnya selepas Sistem Penjelasan Imej Cek Kebangsaan (SPICK) yang telah pun dijalankan, which is already in process, saya difahamkan boleh diluluskan dalam dua hari, tetapi kalau kita balik ke lima hari, bermakna fungsi dan kenapa.....

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, cuma saya hendak clarify, dengan izin, bahawa kita kata maksimum lima hari, ianya mengambil masa dua hari, tiga hari dan maksimumnya lima hari, dahulu maksimumnya 14 hari.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya saya baca dalam surat khabar selepas saya dengar, pagi ini saya baca dan saya nampak di sana tertulis lima hari, jadi saya pun hairan kenapa kita ada sistem yang baru, kita gunakan wang berjuta, tetapi tidak mempercepatkan masa, saya kelirulah. Jadi saya terpaksa membangkitkan perkara ini, mungkin saya kurang dengar.

Dengan sistem ini, saya juga difahamkan bila dia dilancarkan di Kuala Lumpur, sebenarnya dari Melaka ke Kampar sistem ini patut telah berfungsi (operative) dari bulan Oktober, mungkin saya salah. Tetapi bila sistem ini dilancarkan, inilah cerita baik, nampaknya tidak dapat berfungsi seperti yang dijangkakan kerana terlampau banyak cek dan sebagainya, banyak cerita. Ada juga saya difahamkan tidak ada orang-orang yang berkecualan atau berkebolehan yang tertentu untuk mengurus sistem ini. Sistem ini yang dipanggil Sistem Penjelasan Imej Cek Kebangsaan (SPICK). Saya difahamkan akan dilancarkan bukan sahaja di Kuala Lumpur yang sedia ada sekarang, tetapi juga di Ipoh dan bandar-bandar di seluruh Malaysia.

Jadi saya harap bila sistem ini yang telah pun dilancarkan di Kuala Lumpur, kalau dilancarkan di seluruh negara, yang pertama, akan memastikan bahawa had maksimum dari tarikh penyerahan cek adalah 48 jam dan bukan lima hari, kerana kalau lima hari kita balik kepada apa yang sedia ada sekarang. Jadi kita mungkin perlu satu resolusi dalam dalam perkara ini mencari jalan supaya memastikan dalam tempoh 48 jam kita dapat mengisytiharkan adakah orang yang memberi cek itu ada wang atau tidak. Ini mustahak kerana ini akan memberi satu keyakinan kepada orang-orang yang mengeluarkan cek dan lebih dari itu mungkin di supermarket dengan segera (on the

spot) dapat mengambil tahu adakah orang yang memberi cek itu ada wang atau tidak bagi menyelaraskan sistem banking.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu juga, saya ingin menyentuh mengenai cek-cek yang sedang digunakan. Kalau kita nampak cek-cek yang digunakan di negara ini ada beza di antara satu bank dengan bank yang lain, mungkin itu adalah kerana fungsi bank-bank komersial. Tetapi yang menjadi masalah adalah dari sisi undang-undang di mahkamah sivil. Bila kita ingin mengambil tindakan terhadap seorang yang telah memberi cek tersebut, kita perlukan nama penulis cek tersebut tetapi terhad (limited) oleh kerana bankers book evidence side, Civil Law Act dan beberapa akta yang tertentu untuk membolehkan kita mengambil tindakan. Ini adalah kerana pembuat cek itu sekali-sekala nama dia tidak berada di atas cek tersebut. Kalau seseorang menggunakan cek, katakan Hock Hwa Bank cheque di mana saya menggunakan, nama dia tertulis dan nombor I.C. dia tertulis, ini baik kerana ia dapat menentukan siapa yang menulis cek tersebut. Jadi bila saya memberi cek, itu menunjukkan saya adalah penulis cek tersebut atau pemunya cek tersebut. Akan tetapi beberapa bank yang tertentu seperti Bank of Commerce dan bank-bank yang lain tidak menulis siapakah.....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Machang bangun.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya nampak Yang Berhormat berminat bahawa setiap penulis cek mesti menulis nama dia di atas cek. Kalau begitu, di mana lagi prinsip kerahsiaan dalam banking system kita sedangkan yang penting sekali dalam sistem banking kita prinsip kerahsiaan itu cukup penting. Jadi kalau setiap penulis cek mesti menulis dia yang tulis, saya rasa tidak maknalah prinsip kerahsiaan. Yang Berhormat sendiri pun tahu bahawa dalam sistem banking kita, prinsip yang paling utama ialah kerahsiaan sehingga mana-mana pegawai bank pun yang mendedahkan akaun mana-mana orang tanpa kebenaran sehingga kita terpaksa pinda akta ACA baru-baru ini untuk mendapat kebenaran itu. Jadi kalau setiap orang mesti menulis nama cek, prinsip kerahsiaan yang selama ini dipakai itu akan terbantut, tidak bermakna lagi.

**Tuan M. Kulasegaran:** Yang Berhormat dari Machang terima kasihlah kerana teguran atau pandangan, tetapi sebenarnya mungkin saya tidak berapa clear dengan apa yang saya katakan. Saya mengatakan bila seorang menggunakan cek, nama dia tertulis, bukan oleh orang yang memberi cek tetapi oleh bank-bank sendiri. Yang pertama, ia dapat memberi satu open mandate, very clear instruction. Bila kita memberi cek itu kepada peniaga dan sebagainya, mereka tahu bahawa katakan cek ini kepunyaan 'A' atau sebagainya. Tetapi yang menjadi masalah sekarang adalah bila kita menerima satu cek, kita tidak tahu sama ada itu third party cheque atau first party cheque. Ini nampaknya tidak rasional. Walaupun confidentiality, dengan izin, yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu adalah cerita yang lain kerana adakah nama itu ditulis di sana sama ada mustahak atau tidak, saya rasa satu sistem yang rasional perlu dibawa di negara ini, ada sesuatu bank yang tidak ada.

Yang menjadi masalah di sini adalah kepada peniaga-peniaga kecil. Kalau kita pergi membeli barang, katakan secondhand dealers, kita beri cek RM1,000, dengan visa card dan sebagainya, dia ambillah cek itu. Tetapi yang menjadi masalah dia, cek itu kepunyaan katakan Encik Abdul Rahim, tetapi dia tidak pastikan adakah cek itu kepunyaan Encik Abdul Rahim atau cek saya. Jadi bila dia hendak hand cash cek itu, bila tendang balik, dari segi undang-undang dia terpaksa mengambil tindakan terhadap Encik Abdul Rahim. Yang menjadi masalah ialah untuk RM1,000, kalau dia mahu ambil peguam, kena bayarlah RM1,000.....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Machang bangun lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya hendak minta Yang Berhormat.....

**Tuan M. Kulasegaran:** Yang Berhormat, can I just finish, dengan izin, bolehkah saya habiskan ini sahaja, sedikit sahaja, selepas itu boleh.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Point Yang Berhormat sedang bercakap ini kalau Yang Berhormat bermaksud lain. Yang Berhormat baca betulkah Banking Act? Di bawah Banking Act, kalau seseorang itu mengeluarkan cek tunai, kemudian dia sign di belakang cek itu, itu maknanya third party cheque. Itu di bawah Banking Act, clearly stated. Tetapi kalau dia tidak buat endorsement di belakang cek itu, terbukalah. Itu clear. Apa Yang Berhormat cakap itu sebenarnya sudah ada dalam Banking Act kalau Yang Berhormat baca betul-betul. Terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasihlah atas pandangan undang-undang yang sedia ada yang saya sendiri ada pernah buat kes macam ini. Yang saya sentuhkan adalah seperti yang saya tidak dibenarkan habis bercakap, yang mengatakan bahawa nama penulis cek bank itu tidak ada di atas cek itu, menyusahkanlah. Jadi apa yang selalu peguam buat, kita tulis kepada Bank Negara bagi mendapatkan kebenaran. Kalau mereka tidak memberi kebenaran, kita perlu pergi ke mahkamah, memfailkan, kalau di Session Court ialah notice application untuk mendapat kebenaran supaya nama penulis cek itu diberi kepada kita atau kalau bank sendiri bersetuju memberi nama, kebanyakannya mereka enggan memberi kerana mereka kata tertakluk kepada akta-akta yang tertentu. Inilah masalahnya.

Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, saya tahu ada perkara-perkara yang tertentu. Kemudian, memudahkan commercial trading. Kalau nama mereka ada, dengan izin, the end of the cheque, make it much easier for business transaction to be done. The genuiness we know the truth. Jadi ini saya harap satu standardise arahan dapat dikeluarkan oleh pihak-pihak berkenaan supaya kita dapat menentukan dari segi kenapa satu-satu bank seperti Hock Hwa Bank ada menulis nama, saya tidak mengarahkan mereka membenarkan nama saya dan nombor I.C. tertulis di cek. Adakah mereka mengikut arahan bank? Kalau tidak, sila arahkan mereka supaya mengeluarkan nama pemunya cek di tulis di atas cek-cek. Ini akan memberi satu sistem yang standard, yang dapat digunakan di semua bank, bukan sahaja kepada satu bank yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, saya juga ingin mengatakan mengenai pinjaman. Ini topik yang akhir. Saya berpendapat bahawa ada bank-bank di negara ini, ini dengan practical experience, yang enggan memberi pinjaman atau memberi pinjaman dengan sesuka hati. Kalau tidak ingin memberi pinjaman, seperti ada satu kes di Ipoh di mana pelanggan yang telah mengadakan satu, dengan izin, long relationship with the bank as a customer, tetapi oleh kerana bank itu mengatakan, saya sendiri dengar dengan telinga saya dari bank manager tersebut, oh, we are no more small bank now, we cannot give a small loan, we interested in a big loan, dengan izin. Saya terkejut. Pinjaman yang beliau ingin ambil adalah lebih kurang RM25,000, harta yang dia ingin gadaikan adalah lebih kurang RM60,000 dan pinjaman ini telah diberi oleh bank yang lain. Tetapi yang menyusahkan pihak peminjam ialah kenapa beliau terpaksa ditolak, diusir dengan tanpa sebab-sebab yang boleh diterima oleh seorang yang ordinary oleh Bank of Commerce dan kenapa perkara macam ini terjadi? Saya harap satu rational policy ada dalam perkara ini supaya pinjaman dapat diperolehi tanpa apa-apa kesusahan yang tertentu.

Sebelum saya habis, saya juga ingin.....

**Seorang Ahli: [Menyampuk]**

**Tuan M. Kulasegaran:** Ada soalan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Dengan ura-ura. Bila kita bercakap hendaklah hormat.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, saya juga ingin menyentuh mengenai pinjaman yang telah diberi kepada margin account di mana margin call telah dibuat di beberapa institusi dan kebelakangan ini beberapa orang telah membunuh diri kerana margin call telah di-enforce dengan teruk. Tetapi saya difahamkan kepada orang-orang yang tertentu, margin call tidak dibuat. Itu cerita yang lain, mungkin ada penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri. Tetapi apakah rasional dalam margin call kerana dalam satu perkara yang sedia ada yang saya mengendalikan, tidak ada perjanjian yang tertentu untuk menjual syer-syer tersebut. Saya harap satu penjelasan dapat diberi oleh Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yan.

6.17 ptg.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin berucap tentang banking system dan cheque system ini.

Saya masih ingat dahulu lagi, Tuan Yang di-Pertua, zaman bank belum menggunakan komputer, dia pakai mesin yang besar itu. Kalau saya di Kedah, datang ke Kuala Lumpur hendak tukar personal cheque, cek itu boleh kalau kita masuk jumpa pegawai bank, pegawai bank akan contact bank di Alor Setar melalui telefon, dia tanya contoh signature, kemudian RM1,000 and below pembayaran cek itu boleh dibuat. Ini satu ketika dahulu. Sekarang ini saya kira zaman yang lebih canggih, zaman yang lebih maju dan moden, apalah kiranya kalau kemungkinan pihak bank-bank dapat mencari satu formula di mana personal cheque seseorang itu, macam kita kata wakil-wakil rakyat datang ke Kuala Lumpur ini kadang-kadang kita bawa cash terhad, pakai kredit kad bawa keluar duit kena interest dan sebagainya, kadang-kadang kita memerlukan pertukaran cek walaupun kadang-kadang kita gunakan macam Kad Kawanku dan sebagainya tetapi ada juga yang tidak ada benda-benda itu, jadi mungkin pihak bank dapat mencari formula yang baru bagaimanakah cek persendirian yang boleh kita online immediately dan dapat dikeluarkan untuk pengguna-pengguna bank.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu tentang TPU yang telah diberi oleh kerajaan dan Bank Negara telah menubuhkan satu syarikat di mana peruntukan tabung itu diberi kepada syarikat tersebut dan syarikat tersebut bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah-masalah TPU. Setakat hari ini kalau boleh pihak menteri, timbalan menteri dapat memberi kepada saya berapa banyakkah kes TPU yang telah diselesaikan, berapa banyak masih tertangguh dan berapa banyakkah kes baru dengan keadaan ekonomi sekarang ini ataupun mungkinkah TPU ini juga dapat digunakan untuk kes-kes yang sedang melanda mungkin pada ketika ini.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap juga pihak bank. Memangnya kalau kita bercakap hari ini bank berada dalam keadaan yang agak susah kerana, pertamanya, ia terpaksa menjaga pelanggan, orang melabur duit di dalam bank di mana bank terpaksa bayar dividen, bayar interest dan sebagainya. Di samping itu juga, bank terpaksa berhadapan dengan peminjam-peminjam dan kadang-kadang peminjam-peminjam ini tidak dapat mematuhi kehendak-kehendak dan juga aturan-peraturan bank dan mereka ini akan menghadapi tindakan undang-undang.

Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan negara menghadapi sedikit kekusaran ini, pihak bank perlu lebih berwaspada dan memahami. Sungguhpun pihak kerajaan telah memberi arahan iaitu tiga bulan tidak perform, pinjaman itu dikira non-performing loan. Jadi dalam keadaan ekonomi negara yang agak kurang memuaskan ini, saya kira pihak bank perlu memainkan peranan yang agak bertolak

ansur kerana seseorang peminjam bank itu pun memberi keuntungan kepada bank. Kadang-kadang bank telah mendapat keuntungan berjuta ringgit daripada seseorang pelanggan itu tetapi apabila keadaan masa zaman sekarang ini berlaku di mana tidak ada siapa pun yang inginkan keadaan sebegini berlaku, pihak bank kadang-kadang melupai keuntungan dan jasa syarikat atau seseorang yang buat pinjaman. Mereka mungkin akan terus mengambil tindakan dan untuk hendak tutup kes itu sahaja. Kadang-kadang pegawai menerima arahan dan dia hendak close case, biar dia declare kawan itu bankrap dan tutup kes ini, selesai masalah dia, tanggungjawab dia. Tetapi kita kena tengok dari segi keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menghadapi masalah recession pada tahun 1986, beratus orang menghadapi masalah dan bankrap sehinggakan satu ketika kerajaan pula terpaksa masuk campur dan menubuhkan Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) untuk hendak revise, menghidupkan balik ahli-ahli perniagaan ini. Yang saya bimbang hari ini bila kita telah mewujudkan banyak entrepreneur yang berjaya, entrepreneur yang dahulunya mula dari kecil dan sekarang ini berjaya, tetapi dengan keadaan ekonomi hari ini mereka terjatuh ataupun mereka sendiri mengalami kerugian dan menghadapi masalah.

Jadi bagaimanakah pihak bank dan juga pihak peniaga ini dapat berunding supaya pihak bank bertolak ansur dan cuba membantu syarikat-syarikat ini ataupun kita reschedule pinjaman. Kalau dahulu terpaksa bayar sekian banyak, tetapi dengan keadaan ekonomi sekarang ini mungkin pendapatan perniagaan mereka tidak begitu menggalakkan, beyond daripada estimate ataupun budget mereka. Mungkin pihak bank dapat reschedule pinjaman tersebut supaya pinjaman terus berjalan, perniagaan terus berjalan dan ini akan menyelamatkan, membantu juga pertumbuhan ekonomi dalam keadaan yang begini. Kerana kita dapati kadang-kadang bank ini hanya berkawan apabila kita berada dan lari apabila kita menghadapi masalah. Jadi ini adalah keluhan-keluhan orang-orang berniaga.

Lain pula kalau diberi pinjaman kepada seseorang itu, dia dapat big loan, diberi pinjaman kepada tokoh-tokoh korporat yang besar. Kalau tokoh ini batuk pun dia pergi hospital, ambil ubat dan beri kepada kawan ini, dia takut kawan ini mati, lagi teruk, sampai macam itu. Tetapi kalau yang menengah ini, dia terus ambil tindakan yang agak drastik. Jadi, di sini saya minta keadilan dari segi pihak bank untuk menjalankan tugas. Kalaupun pinjaman dia itu besar, kalau kita boleh tolak ansur, kita tolak ansur. Hak yang kecil ini pasal apa kita tidak boleh bertolak ansur.

Di sini saya berharap sangatlah kepada bank kerana kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini finance company pun dia pergi cari kawasan lapang hendak letak kereta yang direpossess. Hari ini kereta tidak payah direpossess, orang berniaga nanti bawa kunci, tinggalkan di syarikat itu, ambillah, aku tidak boleh bayar. Ambillah, kalau tidak, kena bayar repossess fee dan sebagainya.

Jadi peranan bank pada ketika ini memang saya bersetuju, kita ada peraturan kerana kita hendakkan dunia menghormati banking system kita, tetapi kita juga kena ada sedikit kelonggaran supaya hak yang boleh hidup dihidupkan, dibantu balik. Kerana kadang-kadang kita hendak cover balik pinjaman pertengahan ini, untuk cover pinjaman orang-orang besar ini - big loan, kita pergi cari hak yang kecil ini, jadi itu saya kira kurang adil kerana kadang-kadang bila peringkat pertengahan pergi ke bank untuk minta pinjaman, mereka kurang entertain kerana dia kata, I better serve one big client rather than sepuluh customer yang kecil. Ini pun ada juga sistem ataupun kadang-kadang pihak bank ada konsep macam itu.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap pihak Bank Negara dari segi memberi arahan-arahan biarlah konsisten sedikit, kadang-kadang dia on-off, on-off. Jadi pihak bank-bank perdagangan ini pun on-off, on-off. Bila on-off, on-off, customer pun dok on-off, on-off, jadi semua macam itu masalah yang kita hadapi. Jadi saya kira bank ini kalau hendak buat satu-satu arahan ataupun hendak buat satu-satu

kenyataan, kerana kita telah menghadapi pelbagai statement, kadang-kadang mengelirukan orang-orang dalam pasaran, orang berniaga dan sebagainya.

Saya amat bimbang, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita biasa hadapi recession pada tahun 1986 dan kita dapat lihat banyak peniaga kita terjunam dalam bidang perniagaan dan mengambil masa begitu lama untuk kita bina balik seorang demi seorang. Hari ini kita menghadapi satu lagi masalah. Jadi sepatutnya hari ini pihak bank, pihak dewan perniagaan, pihak Bank Negara patut duduk, kita berunding bagaimanakah kita dapat menyelamatkan keadaan supaya bank tidak terjejas, peniaga-peniaga dapat meneruskan perniagaan mereka dan kita dapat membantu keadaan ekonomi yang agak tidak sesuai pada ketika ini. Ini perlu.

Saya juga difahamkan bahawa Bank Pertanian telah menaikkan interest daripada 2.5% kepada 5% untuk pinjaman terutama sekali penanam-penanam padi ini. Saya memintalah kepada pihak Bank Pertanian kerana petani-petani kita ini menghadapi masalah, kadang-kadang mereka mengusahakan bendang ini tidak menguntungkan. Kalau tidak ada subsidi, tidak ada seorang petani yang mahu mengusahakan bendang mereka. Dalam kawasan saya sekarang ini 40% daripadanya diserang oleh penyakit padi. Ada yang tanam tujuh relung, dua relung, satu sen pun tidak boleh mendapat balik daripada hasil tanaman padi mereka dan interest bank pula dinaikkan, kemudian potongan pula ditetapkan, kos membajak akan naik, kos baja dan sebagainya naik, jadi ini akan menambah beban kepada masyarakat petani di dalam kawasan bendang ini. Jadi saya berharap sangatlah kepada pihak Bank Negara ataupun kerajaan/kementerian supaya dapat menyuarakan agar interest 2.5% ke atas Bank Pertanian ini dikekalkan. Kalau saya silap, tak apalah, terangkan.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak perbetulkan sedikit, Bank Pertanian bukanlah di bawah Bank Negara. Bank Pertanian adalah di bawah Kementerian Pertanian dan saya minta Yang Berhormat bawa perkara ini di dalam perbahasan Kementerian Pertanian. Dia bukan di bawah Bafia. Bank Pertanian hanya merupakan institusi pembangunan, dia bukan bank di dalam pengawalan Bafia.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tak apalah di bawah kementerian mana pun, satu kerajaan. *[Ketawa]* Kalau saya hendak bercakap sudah tak sampai, Kementerian Pertanian tidak ada kes ini, Yang Berhormat dari Kepong dok gamit-gamit apa? Kepong bukan tahu. Ini orang kampung saya tahun ini padi tidak jadi dan sebagainya, di Kepong seronoklah.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Timbalan Menteri bangun lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya menyebut, itu sebab saya tidak boleh jawab nanti dalam jawapan saya. Jadi, sebab itulah saya memperbetulkan fakta itu. Kalau saya tidak jawab nanti, Yang Berhormat tidak boleh marah sayalah.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tak apalah, Yang Berhormat pergi tanyalah Kementerian Pertanian dan datang jawab di sini, pegawai banyak. Jadi saya hendak tunggu Kementerian Pertanian pun tak naik bil lain, hendak bercakap pun tidak boleh. Jadi benda ini baru naik pasal saya ingat bunyi 'bank' itu tak apalah, dia kira di bawah Kementerian Kewangan, buatlah macam mana pun kerana Yang Berhormat pun biasa jaga MADA, Yang Berhormat tahu ini. Bila kena serang kutu beruang, kena serang macam-macam penyakit ini, padi itu jadi lalang, jadi tidak ada hasil langsung. Yang Berhormat dari Kepong bukan faham, dia dok tengok orang sakit kulit sahaja, dia kira hendak bubuh jarum boleh dapat duit, itu kerja dia. *[Ketawa]* Yang kita ini dengan masalah rakyat, bukan dia faham.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya harap dalam keadaan banking system pada hari ini apakah tindakan bank untuk kita mempertahankan peniaga-peniaga di peringkat menengah ini yang menghadapi masalah.

Saya faham kadang-kadang bank-bank ini, taukeh-taukeh yang besar ini, yang ada pangkat, yang ada gelaran, mereka hendak mengambil tindakan, mereka kena kaji dan kadang-kadang interest mereka itu boleh write off macam begitu sahaja. Tetapi hak yang marhaen ini, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang sampai tidak boleh kira, jadi saya harap pihak bank patut bertimbang rasa. Kalau pihak besar ini, kadang-kadang mereka untung sangat sampai membeli kapal terbang dua-tiga buah, tetapi bila waktu susah mereka 'gempar' bank pula. Jika bank hendak mengambil tindakan, mereka sergah pegawai bank pun ada, jadi pegawai bank naik takut sebab mereka ada gelaran dan sebagainya, tidaklah macam kita. Macam Tuan Yang di-Pertua dan saya ini tidak pernah 'sergah' orang. Tetapi kadang-kadang sesetengah orang itu dia ada pangkat sedikit, dia kira hendak 'sergah' orang sahaja, dia tidak kira. Oleh itu, bank-bank yang ada ini takutlah jenis-jenis ini, hak yang mana banyak, yang itu 'cekup' dahulu, yang kecil-kecil ini tidak apa, sempat mereka bayar, boleh ditampung yang kecil-kecil ini. Kalau kita pergi 'cekup' yang kecil ini, tidak cukup hendak tampung hak yang besar itu. Jadi, saya tidak ada banyak hendak kata, sepatutnya benda-benda ini kalau yang biasa kena check, checklah juga.

Saya bercakap tentang banking dan sebagainya, cuma pujuk-pujuklah Bank Pertanian itu, saya pun fahamkanlah, Bank Pertanian, Bank Rakyat dan sebagainya, mereka ada di sini. Jadi, kalau boleh kita perbetul sedikit supaya petani-petani yang menghadapi masalah ini dapat kita ringankan beban mereka.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila. Jangan panjang sangat Yang Berhormat, jikalau kita tidak boleh habis satu bil dalam satu hari kacau kita. Ya, sila.

#### 6.34. ptg.

**Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada kementerian yang telah dapat mengadakan pindaan Bill of Exchange Act 1949 yang agak lama dan telah dikemaskinikan. Di dalam cadangan ini mempertahankan seseorang jurubank yang barangkali tidak lari daripada kesilapan seorang manusia dari kecuaiian dan sebagainya.

Di dalam pengamalan bank ini yang lebih penting adalah mempertahankan jurubank atau pegawai bank, terutama sekali pengurusan itu hendaklah tanpa prasangka (without prejudice), dengan izin dan in good face serta berurusan mengikut normal conduct of business, pengamalan bank. Jadi takrif Bill of Exchange ini perlulah disesuaikan dengan akta-akta lain.

Saya kurang bersetuju sedikit dengan Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan yang mencadangkan supaya ditulis nama dan sebagainya di atas cek. Dari pengalaman saya, saya dapati hanya satu bank sahaja yang mengamalkan dan menulis nama di atas cek pada waktu ini, kerana sebagaimana kata Yang Berhormat dari Machang 'hilanglah kerahsiaan pemegang-pemegang akaun' apabila kita menulis siapa nama di atas cek. Dalam keadaan apapun cek ada negotiable instrument, dengan izin. Negotiable instrument ini kalaulah dibayar cash maka yang meng'endorse'kan di belakang itu adalah pemilik holder in value kepada cek itu dan perkara ini sememangnya berpatutan. Tetapi kalau ianya berbentuk cross cek, account payee dan sebagainya, di dalam Banking Act telah menggariskan bahawa payee must be definite, dengan izin. Ini telah memberi satu protection kepada pemegang akaun. Apabila kita hendak membayar kepada orang-orang tertentu di bawah peraturan cross cheque ataupun not negotiable it means not negotiable, dengan izin, ada pegawai-pegawai bank yang begitu yakin dengan keadaan di mana account payee and not

negotiable juga transferable. Ini adalah bersalahan dengan pindaan Bill of Exchange ini, saya rasa ini meyakinkan lagi para pegawai bank.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Bank Negara yang telah menyusun semula sistem penjelasan. Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan nampaknya begitu ghairah untuk memperkatakan tentang sistem penjelasan. Walaupun demikian banyak perkara yang tidak betul, yang telah dicadangkan.

Saya tidaklah mahu menjawab bagi pihak Timbalan Menteri atau sesiapa, tetapi di sini Bank Negara mengikut sejarahnya telah pun mengubah daripada sistem penjelasan biasa, dari 14 hari kepada 5 hari, malah System Kuala Lumpur Automatic Clearing House (KLACH) yang selama ini telah dilaksanakan begitu berkesan sekali dan Sistem Penjelasan 1, 2 dan 3 yang telah dilaksanakan amat berkesan sekali dan saya kira ini adalah satu improvement yang begitu berjaya.

Walaupun demikian, saya ingin mencadangkan kepada Bank Negara di mana cek-cek yang dimasukkan ke bank yang di luar state capital pada hari ini amalannya tidak seragam di antara satu bank dengan satu bank yang lain. Ada bank yang menghantar cek, sebagai contoh daripada Machang ke satu bank di Kuala Nerus, ada bank yang menghantar dan menganggap bahawa no news means good news, dengan izin, tidak ada berita maknanya it is good for payment. Ada setengah bank pula menunggu sehingga satu bulan, menunggu sehingga 30 hari untuk mendapatkan satu pengesahan daripada bank yang menghantar the drawer bank. Ada sampai 30 hari dan ada setengahnya apabila sistem pos yang digunakan barangkali tidak sampai ke destinasi yang dimaksudkan, maka yang menjadi mangsa adalah pelanggan. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya sistem no news means good news ini untuk 14 hari, dua minggu, satu period ataupun satu masa yang agak reasonable ini diamalkan oleh semua bank supaya kita menyeragamkan perkara ini. Maka bersesuaianlah dengan sistem penjelasan KLACH, Spent 1, 2 dan 3 yang telah dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang bank iaitu baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyebut tentang interest insuspence, barangkali berkait dengan bank juga ataupun setengah bank memberikan namanya unearn income. Income yang dianggap income, tetapi bukannya income. Ini pelik sedikit. Jadi, amalan yang dibuat di antara bank-bank perdagangan pada hari ini adalah unearn income ini di bawah accrue accounting agak pelik, di mana kita masukkan sebagai pendapatan pada awal tahun, kalau ada redemption, maka diberi rebat dan sebagainya. Setengah bank pula menganggap bahawa unearn income itu adalah income dan interest insuspence itu juga adalah income.

Di sini saya ingin mencadangkan supaya kita melihat kepada Sistem Perbankan Islam ataupun Almuamalah Islam yang telah dilaksanakan dengan jayanya, yang telah menggunakan cash accounting. Ini adalah satu perkara baru yang barangkali kalau kita tidak mengkaji secara mendalam barangkali kita tidak boleh menerima perkara ini. Tetapi apapun yang berlaku, kalau kita menganggap interest insuspence itu sebagai income, maka sampai bilapun kita tidak akan dapat memperbetulkan accounting kita.

Saya mencadangkan supaya pihak Bank Negara membuat satu kajian supaya kita dapat menukar kepada cash accounting. Oleh itu saya yakin dan percaya bahawa sistem ini akan dapat memperjelaskan lagi bagaimana satu advantage yang ditunjukkan oleh sistem kewangan Islam, di bawah Almuamalah Islam adalah lebih baik daripada sistem perbankan sekular yang kita amalkan selama ini.

Begitu jugalah pada hari ini kalau kita lihat naik turun, kadar faedah (interest rate) yang berlaku pada hari ini barangkali kesan yang tidak begitu teruk dihadapi ataupun dirasai oleh sistem-sistem perbankan Islam, kerana apa yang telah diadakan di bawah konsep Islam baik di bawah konsep 'Bai' Bithaman Ajil' ataupun 'Mudarabah', 'Murabahah' dan sebagainya di bawah market financing. Kalau pada tahun 1984, 1985 dan 1986 telah diakad jual-belikan dengan satu sebut harga, maka

RM1 pada tahun 1985, ini bermakna pada tahun 2000 pun RM1 juga keadaannya. Jadi, ekonomi pada hari ini dengan kenaikan interest yang begitu mendadak telah memberi satu pengajaran kepada kita supaya kita kembali Sistem Muamalah secara total. Dalam erti kata lain, kita tidak tahu bilakah kenaikan interest ini akan berhenti dan akhirnya akan menjejaskan sistem kewangan yang ada di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang menyentuh tentang pelanggan bank ialah di bawah sistem yang ada pada hari ini, seseorang pelanggan bank tidak dapat tahu, tidak perlu tahu ataupun tidak ada peraturan yang membuatkan mereka ingin tahu tentang siapa yang memasukkan duit di dalam akaunnya - ini tidak ada peraturan.

Ada setengah bank sahaja yang kita masuk enterprise di antara satu cawangan dengan cawangan yang lain, ada yang menyuruh supaya pelanggan menurunkan tandatangan (sign). Perkara ini tidak dapat diamalkan lagi oleh bank, ini cadangan saya, kerana baru-baru ini di bawah Akta Badan Pencegah Rasuah (Pindaan) di mana ada satu peruntukan seseorang baik saya sebagai Ahli Parlimen, baik menteri, timbalan menteri, pegawai kanan kerajaan atau pegawai kerajaan yang didapati mempunyai kekayaan, mempunyai harta kekayaan yang berlebihan tidak setimpal dengan pendapatannya, maka BPR boleh menyiasat. Kalau kita defendless, kalau kita tidak terang, kalau tidak boleh mengeluarkan satu bukti yang jelas bahawa kita ada harta maka kita didapati bersalah. Atas argument itu, kalau seseorang ingin mengkhianati kita dan memasukkan cash ke dalam akaun kita di sesebuah bank dan kita tidak tahu siapakah yang memasukkan wang itu, maka apabila BPR datang ke bank dan minta dengan pegawai pengurus, tidak ada sebab tidak mahu memberi kerana akta baru telah dipinda, maka jenuhlah kita untuk memberi penerangan kepada BPR.

Saya sendiripun tidak boleh memberikan satu bukti kalau ada RM1 juta dalam akaun saya, saya tidak boleh memberikan satu bukti, kecuali kalau saya ada resit, saya yang memasukkan atau orang lain yang memasukkan. Ini memberi ruang kepada seseorang yang hendak mengkhianati orang lain. Saya harap kita dapat memikirkan perkara ini dan cara manakah kita boleh perhalusi, kita boleh perjelaskan perkara ini semoga tidak ada orang yang dianiaya ke atas amalan-amalan yang telah dilakukan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, instrument yang dirunding (negotiable instrument) pada hari ini mengikut definisinya satu-satu cek, walaupun bankers cheque yang dikeluarkan oleh Bank Pertanian juga adalah negotiable instrument, walaupun ia bukan di bawah Bank Negara dan sebagainya, tetapi ianya tetap negotiable instrument. Ianya dikenakan setem, itu sebab kalau pelanggan-pelanggan bank membuka current account, hendak dapatkan cek dipotong sebanyak RM7.50 sen untuk 50 keping cek (15 sen untuk tiap-tiap satu cek).

Ada praktis ataupun amalan di mana badan-badan NGO diberikan pengecualian setem dan ada badan-badan yang dikenakan. Jadi, saya harap perkara ini dapat dilihat secara lebih terperinci. Ada juga yang datang ke bank menyuruh supaya dipindahkan akaunnya kepada akaun lain dengan tidak menggunakan negotiable instrument, hanya dengan arahan, tetapi kita tidak mengenakan setem. Ini terlampau detail, tetapi di sini ada perbezaan dari segi pengamalan. Jadi, saya kira perkara ini boleh kita perbaiki lagi dan kita boleh seragamkan, walaupun arahan tetap yang diberikan supaya kita pindahkan akaun dan sebagainya, ianya merupakan satu pemindahan tangible yang kita boleh lihat perubahan daripada satu akaun ke satu akaun yang lain, serupalah sebagaimana kita debit satu akaun untuk akaun semasa dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh mengenai tindakan undang-undang yang dikenakan pada hari ini. Amalan bank pada hari ini adalah amalan bank conventional yang biasanya apabila kita mencagarkan collateral atau hartanah kita melalui sama ada first legal charge, second, third, caveat dan sebagainya.

Ini adalah mengikut kehendak sivil. Jadi, apa yang berlaku pada hari ini, apabila kita memperkenalkan sistem perbankan Islam, primary instrument yang ada pada sistem perbankan Islam adalah property sales document. Jadi, property sales document ini adalah primary instrument, tetapi pada conventional bank biasa, primary instrument yang digunakan adalah charge document yang difaalkan di pejabat tanah iaitu Borang 16G. Ada perbezaan di sini, apabila kita mengenakan tindakan undang-undang, tindakan undang-undang yang sepatutnya dikenakan ke atas pengalaman-pengalaman ataupun sistem-sistem Islam hendaklah tidak sama dengan sistem-sistem conventional yang lain dan satu rombongan ataupun satu reformasi, tindakan undang-undang mengikut ala cara Islam hendaklah dibuat kajian kerana kita mempunyai peruntukan di dalam pengalaman syariah Islam kita mempunyai peruntukan yang membuat charge document menjadi primary itu kita juga yang membuat dan kita juga yang meluluskan undang-undang.

Kenapa tidak pada hari ini kita mengkaji kebaikan sistem pengamalan Islam ini dan kita gunakan mana yang baik, kerana saya nampak bahawa apabila kita mengambil tindakan undang-undang mengikut sistem sivil yang ada pada hari ini tidak memberi keadilan kepada Bank Islam ataupun perbankan muamalah Islam di negara kita. Saya katakan begitu sebab tidak ada faedah berlebihan yang dikenakan untuk sistem muamalah Islam. Kalau conventional bank yang lain mengenakan compounded interest rate, lagi lama lagi banyak. Jadi, kalau kita hendak menunggu LND selepas itu kita hendak recall facility, kita hendak mengambil tindakan guarantor dan sebagainya agak lama untuk ditunggu oleh sesebuah bank yang pelanggan-pelanggannya berlandaskan kepada konsep-konsep Islam. Jadi, perkara ini kita perlu kaji, kita perlu buat. Apa yang kita buat, kita cagar tanah untuk menjaga sekuriti bank dan sebagainya - itu sivil sahaja, kehendak dunia sahaja. Barangkali kita boleh buat satu sistem, kita boleh for close hartanya dengan lebih cepat untuk menyedarkan bahawa amanah untuk membayar hutang ini adalah utama di dalam kita meminjam dengan bank. Kalau kita dapat memberi pendidikan dan penerangan ini serta kita dapat memperjelaskan sistem pendidikan Islam ini, saya rasa tidak menjadi masalah kepada rakyat di seluruh negara, lebih-lebih lagi di dalam konsep Islam itu lebih menekankan kepada konsep amanah, dengan itu saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kepong.

6.52 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah memadamkan ucapan saya, tulisannya dan tidak.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tolonglah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, saya memadamkan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dicadangkan supaya kerajaan mengkaji sistem perbankan daripada pelbagai segi untuk mensabitkan asas-asas yang lebih kukuh bagi menghadapi kegawatan ekonomi ambil melangkah ke abad 21. Saya akan meneliti cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perdebatan rang undang-undang ini dengan harapan bahawa sistem perbankan negara ini akan menjadi lebih sempurna. Pindaan-pindaan ini merupakan usaha Bank Negara untuk mempermodenkan bank-bank di negara ini. Ini adalah satu langkah yang perlu, mudah-mudahan 38 buah ataupun 37 buah bank telah mewujudkan satu gabungan di antara dua buah bank. Bank Simpanan Nasional dan Overseas Bank, kedua-dua bank ini telah bergabung jadi tinggal 37 buah, ia akan menjadi lebih kukuh. Dalam krisis ekonomi ini diharapkan tidak akan ada sebarang bank yang terpaksa ditutup atau bankrap. Keadaah yang ketat mestilah diadakan untuk membasmikan penipuan atau penyelewengan setelah interbank electronic cheque clearance system. Di dalam Interbank Electronic Clearance System itulah pindaan-pindaan ini menumpukan

perhatian ke atas sistem ini. Begitu juga Regional Automated Clearing House (RACH) dan KLACH System di Lembah Kelang.

Tuan Yang di-Pertua, sistem-sistem yang canggih dan RACH, KLACH dan Interbank Electronic Cheque Clearance System. Rang Undang-undang ini bermaksud untuk menangani masalah pemalsuan cek dan sistem pemerosesan imej, dokumen serta cek yang mana mengandungi perkataan 'Account Payee' melintanginya, tidak boleh dipindah milikan, dengan sistem-sistem RACH, dan KLACH adalah diharapkan cek-cek luar negeri ataupun out station dapat diproses dalam tempoh 5 hari bekerja bukan 14 hari bekerja seperti yang terdapat sekarang, dengan izin, day whole for out station cheque reduce to four or five days. Tetapi sekarang masih panjang bukan four or five days, tetapi tiga hari. Ini bukan sahaja kita menyaksikan pertambahan penggunaan kad-kad kredit oleh para pengguna, kita juga melihatkan kad-kad debit, bukan kredit kad sekarang tetapi debit kad yang digunakan di negara ini. Kad-kad debit ini pula menekankan didebitkan amount wang yang didapati di akaun pengguna sahaja, kalau tidak ada wang tidak boleh gunakan kad debit. Itu baik juga supaya pengguna-pengguna tidak menyalahgunakan kad debit dan kemudiannya ada pula mesin-mesin Electronic Fund Transfer at Point of Sale (EFTPOS) di pusat-pusat membeli-belah, ini semua canggih Tuan Yang di-Pertua. Mahu tidak mahu permodenan sistem-sistem RACH, KLACH dan EFTPOS dan lain-lain sistem moden akan diserapkan dalam sistem perbankan negara ini, dengan prosesan yang lebih pesat, penyelewengan, kecurangan dan penipuan akan berlaku dengan lebih cepat dan lebih dahsyat - memanglah itulah tabiat manusia. Tambah pula cybercash, Tuan Yang di-Pertua, virtual money dan electronic purse dan lain-lain. Cash money dan purse yang canggih akan terus merumitkan keadaannya. Oleh itu, Kementerian Kewangan haruslah mempermodenkan kaedah-kaedah yang ketat untuk mengawalseliakan sistem-sistem tersebut. Nampaknya Yang Berhormat belum lagi menyesuaikan diri, belum lagi serasi dengan sistem-sistem yang baru.

Kita perlu garis-garis panduan yang lebih berkesan untuk menyelesaikan permasalahan cek-cek buruk, cek-cek tendang, bad cheque, pertimbangan hendaklah diadakan terhadap orang-orang yang mengeluarkan cek-cek buruk termasuk hukuman yang lebih berat.

Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu bahawa di Taiwan pesalah boleh ditahan oleh pihak polis di dalam lokap. Di Perancis pula kesalahan ini merupakan kesalahan criminal. Tetapi di negara ini (Malaysia) lebih setengah juta cek atau lebih setengah juta setiap tahun 'ditendang'. Cek-cek yang 'ditendang' ini berharga ratusan juta ringgit, lebih RM1 bilion, RM2 bilion atau lebih RM3 bilion.

Saya nampak Cheque Information Bureau (CIB) telah mengeluarkan garis panduan termasuk global closure. Misalnya seseorang yang mengeluarkan tiga keping cek buruk dalam tempoh 12 bulan akan digantung daripada membuka akaun semasa di semua bank di Malaysia dan seterusnya (global closure).

Ketika kemelut ekonomi ini, bilangan cek buruk akan meningkat - sudah meningkat, sebab itu Kementerian Kewangan wajib memperketatkan kaedah dan garis panduan untuk menangani permasalahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada cek-cek buruk bermacam-macam kegiatan penipuan berlaku termasuk pengeluaran wang dari Automated Teller Machine (ATM). Kita ada ATM untuk memudahkan pengguna, tetapi nampaknya bukan sahaja memudahkan pengguna, bahkan memudahkan penjenayah - itulah masalah manusia Tuan Yang di-Pertua. Pergolakan hidup manusia ini sangat rumit sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pihak Bank Negara telah membuat beberapa penyesuaian seperti garisan merah, garisan kuning dan sebagainya, tetapi aduan-aduan para pengguna mengenai kad-kad ATM palsu, personal identification, nombor pin atau nombor pengenalan seseorang diintip oleh orang lain, maka pengeluaran wang

daripada ATM ini atau pencurian berlaku. Saya mencadangkan supaya Kementerian Kewangan melaksanakan sistem kawalan dan pencegahan yang lebih berkesan untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan sistem perbankan merupakan benteng utama dalam ekonomi sesebuah negara, khususnya di saat genting ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun pada hari Isnin sudah pun mengulangi iaitu kepentingan sistem perbankan yang kukuh. Saya bercadang memberi beberapa syor supaya kita bersama-sama dapat mengelakkan krisis perbankan.

Tuan Yang di-Pertua, krisis perbankan pernah berlaku di banyak negara termasuk di Malaysia. Pada tahun 1987 negara ini mempunyai pinjaman lapuk Non Performing Loan (NPL) sebanyak 33%, di masa itu memanglah kita mengalami kemerosotan ekonomi. Di tahun-tahun lapan puluhan Amerika Syarikat menghadapi krisis perbankan yang sama dan awal tahun sembilan puluhan negara-negara seperti Sweden kita anggap tidak ada masalah, tetapi dilanda krisis perbankan juga. Manakala pada tahun 1992 Mexico mengalami krisis yang serupa, tetapi sekarang Tuan Yang di-Pertua, Thailand, Indonesia, Korea Selatan dan Jepun sedang dilanda krisis perbankan. Setakat ini Thailand sudah menutup 56 buah syarikat kewangan, 4 buah bank di negara itu telah mendapat lebih daripada separuh jumlah pinjaman negara itu - 4 buah bank mendapat lebih daripada 50% jumlah pinjaman di Thailand, ini sangat dahsyatlah.

Tuan Yang di-Pertua, Indonesia telah memberhentikan 18 buah bank dan Korea Selatan telah menutup bank-bank perdagangan (commercial bank). Jadi, kita mestilah mengambil iktibar daripada pengalaman negara-negara tersebut. Di Jepun kerana kekurangan iltizam politik, krisis itu telah berlanjutan selama lebih 5 tahun, kerana Jepun ada faktor-faktor yang lain, rizab mereka sangat banyak, lebih US\$230 bilion, maka mereka boleh dengan perlahan-lahan untuk menyelesaikan krisis perbankan di Jepun.

Di Mexico walaupun pada zahirnya krisis perbankan telah diatasi, tetapi sebenarnya terdapat masalah lagi, kerana banyak bank di Mexico diambil alih oleh bank-bank daripada Amerika Syarikat. Seolah-olah dari segi ekonomi Mexico sudah menjadi tanah jajah Amerika Syarikat. Itu masalahnya.

Di sini saya memetik serangkap pantun Dondang Sayang - *'Ke hulu memotong pagar, jangan terpotong batang durian. Cari guru tempat belajar supaya jangan sesal kemudian.'* Saya akan habis. Saya menganjurkan supaya Kementerian Kewangan mengkaji semula sistem perbankan daripada pelbagai segi termasuk:

- (i) Perhubungan di antara bank-bank dengan peminjam-peminjam serta perhubungan di antara ahli-ahli bank dengan ahli-ahli pengarah bank-bank (bankers and the directors in the bank). Masalah-masalah tekanan politik, kerana di Malaysia pun berlaku tekanan politik. Dan percanggahan kepentingan mestilah dipertimbangkan.
- (ii) Nilai-nilai kolateral dan aset-aset lain yang dipegang oleh bank-bank adalah cocok ataupun tidak dengan apa yang tercatat dalam buku-buku bank-bank. Setakat ini saya nampaknya Kementerian Kewangan tidak memberitahu rakyat sama ada kolateral dan aset-aset ini cocok dengan apa yang ditunjukkan di dalam buku bank.
- (iii) Aset-aset buruk (bad asset). Adakah Kementerian Kewangan berhasrat untuk membuka buku-buku bank dan mengambil tindakan dengan segera termasuk memecatkan pengurusan-pengurusan bank yang sangat tidak cekap dan yang penyelewengan dengan amat sangat. Kecurangan memang berlaku di setengah-setengah pengurusan bank di

negara kita ini. Jika ahli-ahli bank (bankers) membuat salah, mereka mestilah bertanggungjawab. Mereka terpaksa dihukum termasuk dipenjarakan. Kalau pengurusan bank, kalau ahli-ahli bank (bankers) membuat salah, menyeleweng, mencuri, mereka mesti dipenjarakan ataupun dihukum dengan seberat-beratnya supaya dunia boleh menyaksikan inilah cara Malaysia untuk menguruskan bank-bank. Jangan kita tunduk kepada tekanan-tekanan politik, kerana hal pengurusan bank terpaksa diasingkan daripada faktor politik sebagai perbankan profesional.

- (iv) Mengenai standard perakaunan dan ketelusan. Setakat manakah paras bank loans atau pinjaman lapuk akan didedahkan, akan diumumkan. Standard perakaunan mestilah diperketatkan dan klasifikasi untuk meningkatkan loan risk classification untuk memperbaiki amalan pinjaman dan juga rizab-rizab. Saya nampak daripada pengumuman Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa klasifikasi NPL sudah disingkatkan, dipendekkan daripada enam bulan kepada tiga bulan, iaitu satu cara yang baik. Saya hendak mengetahui adakah cara-cara yang lain yang hendak dilaksanakan untuk memperbaiki keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai aset-aset buruk sekarang mula nampak di bank-bank di Malaysia, 37 bank di Malaysia ada sebagai collateral bad asset, aset buruk ruang-ruang pejabat yang kosong, ada nampak lot-lot kosong, ada nampak resort-resort yang tidak mempunyai pelancong memang akan bertambah. Dan juga pusat-pusat beli-belah yang tidak ada dan kurang pelanggan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah dan garis panduan yang akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kewangan untuk mengatasi aset-aset buruk. Kerana ketika saat yang genting ini memang salah satu masalah yang besar ialah aset-aset buruk yang dipegang oleh bank, dan pengurusan aset-aset buruk ini merupakan satu perkara yang sangat penting untuk mengelakkan krisis perbankan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak petik apa yang disebutkan oleh bekas pegawai di Kementerian Kewangan Jepun yang mengatakan keadaan di Jepun mengapa krisis perbankan tidak dapat diselesaikan. Dia berkata, "like other Asian countries, Japan works by consensus. You can't solve a banking crisis by consensus." Seperti negara-negara Asia yang lain Jepun mengamalkan muafakat konsensus. Tetapi krisis perbankan tidak boleh diselesaikan dengan cara muafakat. Di sini, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua, apakah cara dan sistem yang dipraktis dan akan digunakan oleh pihak kementerian untuk menangani sistem perbankan di negara ini. Walaupun asas perbankan di Malaysia adalah lebih kukuh daripada negara-negara yang saya sebutkan. Tetapi di sini tidak bermakna keadaan ini tidak akan jadi lebih buruk kalau kita tidak ambil tindakan sekarang untuk mencegah daripada menjadi keadaan yang buruk.

Memang saya menyeru semua rakyat untuk kita bersama-sama menyelesaikan masalah ini supaya kita boleh elakkan daripada meminta bantuan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Mentakab, selepas itu menteri menjawab. Jangan panjang sangat, Yang Berhormat ya.

7.15 mlm.

Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]: Singkat sahaja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan langkah negara memperkenalkan sistem imagine yang menggunakan komputer supaya proses penjelasan antara bank-bank dapat

dipercepatkan. Dengan demikian, tempoh penjelasan cek luar kawasan dapat dipendekkan daripada lima hingga 14 hari kepada maksimum lima hari. Ini adalah sejajar dengan keperluan semasa dan juga yang telah lama diharap-harapkan oleh pelanggan dan pengguna bank. Saya cuma ingin mengingatkan agar sistem imagine yang akan digunakan ini mempunyai ciri-ciri keselamatan yang mencukupi supaya segala pengurusan tidak mudah dipalsukan atau segala kegiatan penjenayahan dan penyelewengan tidak boleh berlaku seperti apa yang telah berlaku dengan penggunaan ATM.

Tuan Yang di-Pertua, setiap kali masalah kecurian wang di ATM dan pemalsuan kad ATM dibangkitkan di Dewan yang mulia ini, jawapan yang kita terima ialah peratusan adalah kecil kalau berbanding dengan jumlah bilangan dan pengguna ATM. Saya berpendapat Kementerian Kewangan tidak boleh berasaskan kepada peratusan yang kecil itu sebagai satu alasan tidak berusaha untuk mencari satu sistem yang false proof atau yang mempunyai zero effect. Kita mesti sedari bahawa simpanan wang dalam bank-bank mungkin merupakan simpanan seumur hidup seseorang pelanggan dan jika wang telah dicuri melalui kaedah ATM ia akan merugikan kepada pelanggan-pelanggan ATM.

Jadi, saya berpendapat amat penting Bank Negara sentiasa berusaha mencari satu sistem yang false proof dan zero effect. Segala sistem IT yang bakal digunakan oleh sistem bank-bank Malaysia amat penting mempunyai sistem false proof supaya rakyat ada keyakinan terhadap elektronik banking yang kian menjadi satu ciri-ciri di sistem perbankan di negara kita. Dan penggunaan IT dalam sistem banking kita tidak boleh dielakkan sebagai satu langkah untuk mempertingkatkan keberkesanan dan juga perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan. Ini kita berharap juga akan memperkukuhkan daya saing sektor perbankan Malaysia supaya bank-bank kita dapat menghadapi cabaran masa yang akan datang khususnya apabila kita menghadapi desakan daripada WTO membuka pintu kepada bank-bank antarabangsa untuk bersaing di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju bahawa Malaysia mesti mempunyai pendirian kita tentang pembukaan sektor bank ini, iaitu kita mesti mengikut jadual dan kesediaan negara kita untuk membuka sektor ini supaya kita tidak hilang daya saing kita supaya kita tidak mendedahkan bank-bank kita terhadap persaingan di mana kita tidak mampu dan juga apa-apa risiko yang mungkin dibawa bersama akibat pembukaan tersebut. Tetapi saya berpendapat bank-bank kita perlu mengambil inisiatif perbaiki daya saing mereka. Dari segi ini saya berpendapat ada dua perkara yang perlu diperbaiki khususnya tentang budaya bank-bank kita dalam meluluskan permohonan pinjaman. Apa yang kita lihat sekarang ialah bank-bank kita terlalu cenderung kepada pulangan jangka pendek dan keuntungan singkat dan akibatnya mereka lebih mementingkan pinjaman kepada sektor-sektor yang kurang produktif seperti hartanah, pembelian saham dan sebagainya. Ini telah disebutkan sebagai satu sektor yang mengakibatkan krisis yang kita hadapi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi kalau kita mengkaji balik apa yang berlaku sekarang sebenarnya bukan senario baru. Keadaan sekarang juga berlaku pada pertengahan tahun 1980-an, iaitu semasa kita menghadapi kemelesetan ekonomi pada masa Ketiga. Jadi, di sini nampaknya kita telah lupa pengajaran pada tahun 1980-an dan sekali lagi kesilapan telah diulangi dalam sistem perbankan kita. Jadi, saya berharap garis panduan tentang pinjaman oleh bank-bank yang diperkenalkan sekarang patut dikekalkan dan ditetapkan pada masa yang akan datang supaya kita tidak benarkan apa-apa yang berlaku sekarang diulangi pada masa yang akan datang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, saya juga dapati salah satu budaya yang kurang sihat dengan sektor perbankan kita ialah kita dapati biasanya yang miskin terlebih susah untuk mendapat pinjaman, tetapi yang kaya lebih mudah dapat pinjaman dan bantuan

dari bank-bank tempatan. Ini adalah amat aneh, dan nampaknya bank-bank tempatan dalam meluluskan sesuatu permohonan pinjaman syarat pertama yang mereka minta ialah cagaran yang mencukupi untuk sesuatu pinjaman. Pada hal sebenarnya kita tahu aset dan cagaran-cagaran adalah salah satu yang paling sukar diberi oleh sipemohon yang miskin khususnya SMI atau pengusaha kecil dan sederhana.

Saya berpendapat bank-bank tempatan perlu mengubah budaya tersebut dan lebih mengkaji sesuatu permohonan dari sudut daya jaya sesuatu projek dan suatu permohonan tersebut, dan mereka perlu amalkan semangat smart partnership di mana kalau bank-bank dapat membantu sesuatu perniagaan kecil berkembang bahawa akhirnya pengusaha dan bank-bank akan mendapatkan daripada pinjaman tersebut. Saya berharap bank-bank tempatan boleh mengubah budaya tersebut supaya pada masa akan datang apabila kita buka pintu kita kepada saingan bank-bank antarabangsa kita dapat betul-betul memainkan peranan membantu pengusaha tempatan.

Akhirnya, mengenai Fasal 2 akta ini, iaitu seksyen 73A memperuntukkan bahawa sekiranya seseorang dengan cuai atau dengan sengaja menyebabkan tandatangannya dipalsukan atau diperbuat tanpa kuasanya, maka tandatangan tersebut akan disifatkan sebagai tandatangannya. Di sini saya ingin minta penjelasan siapa yang bertanggungjawab untuk membuktikan ada sesuatu kecuai atau dengan sengaja membolehkan tandatangannya dipalsu, sama ada orders of proof, dengan izin, atau terletak pada pihak bank atau pihak pelanggan. Sekian, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

7.23 mlm.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya mengucapkan terima kasih kepada 12 orang Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan Akta Bills of Exchange ini yang memakan masa lebih kurang empat jam. Di antara Ahli-ahli Yang Berhormat macam-macamlah yang dibangkitkan. Saya bahagi kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan yang terus menerus membahaskan secara substantive pindaan bil ini dan juga kumpulan yang membahaskan secara umum mengenai sektor perbankan di negara ini. Ahli Yang Berhormat dari Bintulu, Tambun, Tuaran, Teluk Intan, Yan, Kuala Nerus, Kepong dan Mentakab menyentuh sebahagian besarnya mengenai dengan pindaan-pindaan yang saya sebut tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong sepertimana yang kita sedia maklum memberi cadangan-cadangan, leteran-leteran pada kerajaan dan hari ini kepada saya mengenai dengan bagaimana untuk memperkukuhkan sistem perbankan dan sistem cek kita. Tadi dia beri pantun mungkin daripada sejarah Melayu atau mana saya tidak tahulah - Pantun Dondang Sayang. Dahulu dia beri pantun Dondang Saya, malam ini saya hendak beri pantun marhaen kepada dia, ianya pantun proletarian yang mana Yang Berhormat membelanya. Sepatutnya Yang Berhormat membela kaum proletarian, bukan bank-bank. Bank-bank merupakan the portion of capitalist. Jadi, Yang Berhormat saya hendak beri pantun proletarian. Pantunnya berbunyi:

Cari guru tempat belajar

Belajar ilmu urusan wang

Sudah saya cari ke hulu ke hilir

Guru Kepong sukar saya timbang. *[Ketawa]*

Jadi, dia telah membangkitkan beberapa masalah dan juga cadangan-cadangan kepada kementerian dan juga kepada Bank Negara untuk mempertimbangkan. Ini saya sambut dengan baik. Ahli Yang Berhormat dari Mentakab juga ada beri cadangan mengenai dengan satu yang pentingnya menempuh falsafah perbankan moden. Yang Berhormat mencadangkan supaya bank memberi pinjaman berasaskan kepada daya

maju. Inilah satu cara yang radikal, tetapi soal bank kalau Yang Berhormat melihat sejarah perbankan dunia, ianya berasaskan kepada pinjaman, collateral dan juga bayar balik dengan faedah yang berasaskan kepada apa yang Shakespear tulis dalam severitynya, seperti Shakespear tulis dalam *The Merchant of Vanice*, kalau tidak boleh bayar faedah, you must give me a pound of your flesh. Jadi, Yang Berhormat mencadangkan suatu yang radikal.

Tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat, di dalam pemberian kredit di dalam negara-negara yang membangun termasuk Malaysia pada tahun 1960-an dahulu, Bank Pertanian ada terlibat dalam pemberian secara daya maju tidak perlu kolateral. Ini apa yang dipanggil supervise credit, iaitu diberi di atas kebolehan pengeluaran pertanian itu mengeluarkan hasil dan ini disupervise, dikawal oleh pegawai-pegawai bank daripada mula ditanam pokok itu sehingga dapat hasil disupervisekan, dan kebolehan dia membayar. Tetapi Yang Berhormat sedia maklum bahawa in tidak dapat kita lakukan, melainkan kita ubah falsafah perbankan keseluruhannya.

Malah di dalam falsafah perbankan Islam yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus yang berasaskan kepada Qadul Hassan, iaitu justice. Ini adalah satu sistem alternatif yang baik, yang mana pemijam dan juga pemilik bank-bank mengongsi mengenai risiko, iaitu kalau untung, untung bersama, kalau rugi, rugi bersama. Inilah satu cara alternatif yang diberi secara detail, saya tidak mahu ulas apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Nerus kerana kita sudah maklum.

Saya hendak menjawab mengenai perkara substantif mengenai dengan akta ini, selepas itu baru saya hendak jawab soal secara umum. Juga ada satu lagi golongan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah kes-kes tertentu (specific cases) yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan. Jadi, ini saya akan cuba menjawabnya seberapa boleh, tetapi saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat kalau perkara ini belum lagi diselesaikan datang jumpa saya, kita cuba selesaikan pada peringkat ini. Saya hendak jawab dalam Dewan ini pegawai-pegawai saya di belakang telah memberi jawapan dan saya akan cuba jawab.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua 12 Ahli Yang Berhormat yang bercakap tadi tidak menyentuh ataupun mungkin tidak dapat menangkap apa yang saya kata semalam. Satu daripada sebab kita meminda Bills of Exchange ini ialah untuk kita menyelaraskan perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam litigation antarabangsa. Jadi, Bank Negara terpaksa menggunakan ataupun mengadaptasikan Uniform Commercial Code (UCC) di Amerika Syarikat untuk perkara litigation dalam mahkamah sepertimana yang dahulu menjadi satu perkara yang samar, iaitu mengenai dengan 'account payee only' dan lain-lain dapat diselaraskan dengan negara-negara lain seperti Singapura dan lain-lain negara.

Jadi, Uniform Commercial Code ini dipakai oleh lain-lain negara, jadi ini satu daripada sebab mungkin Ahli Yang Berhormat 12 orang tidak membahaskannya kerana apa yang saya kata semalam mungkin tidak dapat mereka tangkap. Saya kata Bank Negara Malaysia mendapati bahawa Uniform Commercial Code di Amerika Syarikat mempunyai peruntukan yang menghalang seseorang daripada menidakkan kesahan cek tersebut sekiranya pindaan secara terhadap cek atau tandatangannya telah dibuat tanpa kuasanya akibat daripada kecuaiannya sendiri.

Sehubungan dengan itu, adalah dicadangkan supaya pindaan yang merupai peruntukan UCC tersebut dibuat pada akta ini. Itu satu daripada sebabnya untuk menambah kepada justifikasi dibuat pindaan akta ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya sebut tadi telah membangkitkan mengenai rasional adakah pindaan ini memindahkan tanggungjawab atau liability daripada bank kepada pelanggan apabila berlaku pemalsuan tandatangan. Ingin saya nyatakan di sini sepertimana yang saya terangkan, pindaan yang pertama sekali bertujuan untuk mengukuhkan sistem penggunaan cek di dalam sistem perbankan.

Pada masa sekarang pihak bank bertanggungjawab penuh sekiranya ada tandatangan palsu. Pihak pelanggan boleh melepaskan dirinya hanya dengan membuktikan tandatangan itu bukan miliknya. Ini merupakan satu ruang yang masih boleh diperbaiki, kerana kegiatan pemalsuan tandatangan hanya boleh dielakkan dengan efektif jika ada perkongsian pertanggungjawaban di antara pelanggan dan bank.

Pindaan ini tidak memindahkan tanggungjawab dan liability daripada bank kepada pelanggan sekiranya ada pemalsuan tandatangan pihak bank masih bertanggungjawab terhadap wang yang dikeluarkan akibat daripada pemalsuan itu. Cuma pindaan ini hanya mengarahkan pelanggan agar berhati-hati supaya tidak cuai atau dengan sengaja membiarkan tandatangannya dipalsukan. Oleh itu, bank hanya menanggung kerugian apabila bank boleh membuktikan bahawa pelanggan itu cuai dan dengan sengaja membiarkan tandatangan itu dipalsukan. Itu jawapan kepada soalan asas yang datang daripada banyak Ahli Yang Berhormat, iaitu Ahli Yang Berhormat dari Bintulu, Tambun, Tuaran, Teluk Intan, Yan, Kuala Nerus serta Kepong. Jadi, kedua-duanya mengongsikan risiko itu. Kalau dahulu hanya bank sahaja.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga khususnya dari Tuaran memanjangkan hujahnya. Ingin saya menyatakan di sini bahawa pindaan ini merupakan juga satu langkah menambah keyakinan orang ramai terhadap penggunaan cek yang secara tidak langsung menggalakkan penggunaan cek. Penggunaan tunai, cek, kredit dan lain-lain cara bayaran adalah bergantung kepada kesesuaian semasa dan keadaan, kerana orang ramai akan menggunakan secara pembayaran yang paling cekap, dan dalam situasi tersebut dan situasi negara sekarang yang menuju ke arah penggunaan kad pintar sedikit masa lagi, ianya akan jauh lebih cekap dan masalah-masalah yang dibangkitkan seperti pemalsuan cek dan ATM akan dapat kita selesaikan, insya-Allah, dengan wujudnya penggunaan kad pintar yang akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Dengan penggunaan kad pintar pelbagai guna (multipurpose card) pada tahun hadapan, iaitu yang akan diimplimentasikan pada peringkat perintis yang menggunakan teknologi chip, ianya akan mempertingkatkan lagi keselamatan kad ATM yang dikeluarkan oleh bank. Ini boleh mengurangkan kejadian unauthorised withdrawal yang dihadapi sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat membangkit mengenai security imagine dan juga Ahli Yang Berhormat dari Mentakab bangkit tadi, sememangnya usaha-usaha untuk mempertingkatkan sekuriti, keselamatan ATM sedang dilakukan, dan juga dalam imagine ini, dengan penggunaan teknologi-teknologi yang canggih, yang termoden, yang terkini, insya-Allah, kita akan dapat memastikan bahawa kita dapat mengurangkan tahap-tahap pemalsuan cek dan pemalsuan tandatangan. Saya setuju Yang Berhormat mengatakan bahawa kita tidak harus menggunakan alasan bahawa percentage pemalsuan ataupun penipuan di dalam ATM sebagai satu alasan untuk tidak mengadakan garis panduan.

Ingin saya melapor kepada Dewan ini bahawa kajian yang terperinci telah dibuat oleh bank, khususnya sebuah bank yang besar yang mana kebanyakan penipuan ATM berlaku di dalamnya, iaitu usaha-usaha untuk memastikan bahawa ini tidak berlaku walaupun 3% walaupun RM3 milion daripada berbilion-bilion, tetapi ini masih lagi pemalsuan, dan ini saya bersetuju akan menghakiskan kepercayaan rakyat terhadap institusi perbankan.

Mengenai dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan mengenai rang undang-undang tidak menekankan kepentingan pengguna. Sememangnya, Tuan Yang di-Pertua, saya akui akta ini menekankan kepentingan pengguna. Sepertimana yang saya sebut tadi walaupun kita mengalihkan sedikit tanggungjawab kepada pengguna, ianya terus-menerus menekankan kepentingan pengguna. Walau bagaimanapun, pindaan yang telah dicadangkan tidaklah bermaksud untuk mengalihkan risiko tandatangan terhadap pengguna. Bank tetap mempunyai kewajipannya sepertimana saya sebut tadi, jikalau bank hanya boleh memastikan penandatanganan palsu itu barulah bank boleh menolak kepada pengguna.

Dalam satu kes pemalsuan tandatangan pemunya akaun adalah menjadi tanggungjawab bank untuk menunjukkan bahawa tuan punya akaun yang secara sengaja atau telah cuai hingga menyebabkan tandatangannya dipalsukan barulah bank boleh mengelakkan tanggungjawabnya, kalau tidak, tidak boleh. Jadi, dengan lain perkataan, beban pembuktian masih lagi terletak kepada bank. Jadi, apa yang berlaku apa yang Yang Berhormat bangkitkan tadi itulah jawapannya.

Mengenai dengan interpretasi Fasal 5, seksyen 81A(2) di mana bank tidak akan menanggung liability jika ia tidak mengendahkan endorsement di atas ceknya, Yang Berhormat bangkit tadi. Jawapannya ialah subseksyen 2 kepada seksyen 81A ini hendaklah dibaca bersama dengan subseksyen 1, seksyen 81A. Apa yang dimaksudkan di bawah subseksyen 2 ini adalah pihak bank tidak akan dianggap sebagai cuai sekiranya ia tidak mengendahkan endorsement yang bertujuan untuk memindahmilikkan cek yang berkenaan kepada pihak lain.

Inilah yang dimaksudkan sebagai cek yang dipalang 'account payee' tidak boleh dipindahmilik. Peruntukan ini tidak bermakna untuk merujuk endorsement lain yang akibatnya atau tiada kaitan dengan pindahmilik cek tersebut. Jadi, inilah explanation atau keterangan kepada pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi.

**Tuan M. Kulasegaran:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Dia bangun, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya keliru lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya bila mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri ingin memberi satu penjelasan, tetapi pada saya nampaknya memberi satu kebebasan yang saya kata sebelum itu 'blank check to the bank', sebelumnya seksyen yang kita pinda katakan Seksyen 81A(2) tidak ada dalam akta ini sebelum ini, sekarang membenarkan bank-bank untuk melaksanakan, tidak kisahlah kalau diberi 'account payee cheque' kalau saya mematuhi - okay, asalkan kepada bank, kalau bank tidak mematuhi pun tak apa, ini memberi satu kebebasan.

Jadi, nampaknya yang diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri with respect tidak benar, dengan izin, because it looks like very clear that the burden, telah dengan disengajakan tertulis, it is not written, mungkin 50:50 di sana di sini tetapi dengan tertulis di sini bermakna bank telah dan mesti dilepaskan, mereka tidak dapat disalahkan langsung. Shifted to the consumer, dengan izin, dengan penuh oleh kerana perkataan macam ini, kalau perkataan macam ini tidak ada, itulah saya kata Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau Bill of Exchange ini kalau kita tengok pada tahun 1949 memberi lebih peruntukan, lebih yang waspada kepada consumer tetapi dengan peruntukan kepada pemindahan yang dicadangkan nampaknya ia mengambil alih apa-apa yang ada kepada peruntukan consumer. Ini nampaknya mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi satu penjelasan yang saya rasa keliru.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Yang Berhormat keliru. Cuma kalau Yang Berhormat balik kepada tujuan yang dibuat pindaan ini ialah asasnya simple sahaja ialah untuk memastikan bahawa cheque account payee only ataupun akaun payee itu hanya diantara orang/pemilik cek yang diberikan itu dengan bank sahaja, tidak boleh diniagakan, tidak boleh dipusingkan, itu fahaman saya. Jadi, jika ianya dipusingkan bank tidak boleh tidak mengendahkan, ini fahaman saya kepada pindaan ini.

**Tuan M. Kulasegaran:** No, kalau kita, minta maaf, dengan izin. Kalau kita baca dengan teliti, dengan izin, saya baca, saya nampak semua dalam bahasa Inggeris, saya ingat keliruan ini dapat dipastikan dengan kalau saya baca ini: "(2) For the purposes of section 80," jadi, yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tidak benarlah mengatakan third party tidak kena-mengena dengan hal ini, "..... a banker is not to be treated as having been negligence by reason only of his failure to

concern himself with any purported endorsement of a cheque which under subsection (1) or otherwise is not transferable.”

Bermakna liabiliti bank tidak ada lagi, katakan saya memberi satu cek account payee yang patut dimasukkan katakan akaun Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, tetapi dia ambil cek ini dan masukkan ke akaun lain oleh kerana saya mengarahkan bahawa cek itu patut dimasukkan di akaun Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, jadi dia yang telah cuai dengan seksyen ini, dengan apa yang saya faham, saya tidak boleh mengambil tindakan terhadap bank walaupun mereka telah dengan sengaja atau tidak sengaja telah cuai, 'gives a blanket protection, I think it is a crystal clear'.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, it is already also a crystal clear, dengan izin, bahawa di dalam pindaan ini Kota Melaka tidak boleh bubuh dalam akaun lain, dia kena bubuh dalam akaun dia. Itu yang hendak dipindakan, hendak dijelaskan dalam akta ini.

**Tuan M. Kulasegaran:** Setakat itu saya bersetuju Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tetapi yang menjadi masalah macam ini, bila saya katakan, saya beri kepada Kota Melaka, dia pergi ke bank untuk to debit dalam akaun dia, tetapi bank telah ambil and cash atau kredit dalam akaun lain, jadi, cost of action dengan izin, untuk saya mengambil tindakan terhadap bank selalu ada, according to the normal cost of action the law as it is provided, dengan izin, dibenarkan, akan tetapi dengan clausa ini telah tidak membenarkan kami untuk mengambil tindakan terhadap bank. This is a blanket protection.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, mengapa Ahli Yang Berhormat hendak ambil tindakan kepada bank kerana telah clear di dalam pindaan ini bahawa account payee yang diberi kepada Kota Melaka, Kota Melaka kena simpan dalam akaun dia sahaja, account payee dia sahaja.

**Tuan M. Kulasegaran:** Bukan Yang Berhormat Timbalan Menteri ....

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Itu sahaja!

**Tuan M. Kulasegaran:** No, I think may be I am not very clear.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Memang saya faham Yang Berhormat hendak mengatakan mengapa tidak boleh diambil action ke atas bank.

**Tuan M. Kulasegaran:** Bukan, bila saya beri kepada Kota Melaka, dia pergi ke bank. Okay, dia kredit ...

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Dia hanya boleh bubuh dalam akaun dia sahaja. Ya, ini yang dimaksudkan oleh pindaan ini.

**Tuan M. Kulasegaran:** Setakat itu saya bersetuju, tetapi kelak bila bank itu menerima cek itu, dia tidak kredit dalam akaun Kota Melaka, dia an cash cek itu.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Dia tunaikan cek?

**Tuan M. Kulasegaran:** RM5 juta atau RM10 juta dia an cash, dia cabut. Setakat Kota Melaka, dia tidak ada tindakan terhadap saya, saya telah membayar duit kepada dia, tetapi yang cuai dalam hal ini adalah bank kerana bank enggan atau cuai mengkreditkan wang itu ke akaun dia, jadi macam mana sekarang saya hendak mengambil tindakan terhadap bank yang patut kreditkan dalam akaun beliau.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Mengapa dikatakan bank cuai? Kerana Yang Berhormat tulis account payee Lim Guan Eng.

**Tuan M. Kulasegaran:** Correct!

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Dia cash, dia bawa duit itu dia punya fasallah mengapa hendak diambil tindakan kepada bank? Yang ini saya pun keliru dengan Ahli Yang Berhormat punya argument.

**Tuan M. Kulasegaran:** Bukan, Yang Berhormat Timbalan Menteri, bila saya memberi sekeping cek account payee, katakan cross, Kota Melaka bawa ke bank untuk kredit dalam akaun dia.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Ya.

**Tuan M. Kulasegaran:** Setakat itu clear kerana kebebasannya untuk kreditkan dalam akaun dia - clear. Tetapi bila bank terima itu katakan clerk bank itu, dia enggan mengikuti arahan saya untuk meminda duit itu ke akaun beliau, tetapi dia memindahkan duit itu atau wang itu katakan third party, dia boleh kerana dengan ini mengatakan kalau bank enggan berbuat sedemikian, dia tidak dapat ditangguhkan dalam hal ini, jadi, kecuaiannya oleh bank 'there is a blanket protection'.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, mengapa harus bank tidak menanggung tentang hal ini kerana arahan di dalam pindaan ini dia kata, 'cek account payee hanya boleh dibubuh di dalam akaun yang dibayar itu', kalau dia bubuh akaun orang lain maka bank itu adalah bertanggungjawab, cuai apa?

**Tuan M. Kulasegaran:** Tetapi di sini the wording is different.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tak tahulah Yang Berhormat. Saya bukan ahli bahasa, tetapi itu yang saya faham substantive ini.

**Tuan M. Kulasegaran:** Kalau kita baca, 'a banker is not to be treated as having been negligence ..', kenapa may be satu penerangan boleh dibuat mengenai perkara ini.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Itu saya tak tahulah, itu drafting language, tetapi apa yang dimaksudkan ialah kalau dia negligent, jikalau dia tidak mengikut peruntukan yang di bawah pindaan ini. Okay?

**Tuan M. Kulasegaran:** I think there is something wrong with this!

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Saya tak tahulah Yang Berhormat baca macam mana.

Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan, Yang Berhormat kita bincang di luar Dewanlah mengenai dengan hal ini.

Saya hendak memasuki pula dengan perkara yang penting mengenai dengan sistem perbankan kita dan banyak perkara yang umum yang telah dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya dari Tanjong mengenai dengan sistem perbankan kita dan juga Ahli Yang Berhormat dari kawasan-kawasan lain seperti Bandau khususnya.

Saya ingin menyatakan dan mengulangkan apa yang disebut oleh Gabenor Bank Negara mengenai dengan keutuhan sistem perbankan negara kita. Tadi, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah pun menyebut mengenai dengan apa yang disebut oleh Gabenor iaitu di dalam statement Gabenor Bank Negara, beliau telah membuat satu jaminan terbuka tetapi dengan sedikit qualification.

Sebagai seorang yang profesional, beliau tidak boleh membuat sesuatu jaminan secara absolute, ada kemungkinan berlaku kelemahan dan ia menyatakan bahawa mungkin ada difficulties pada masa hadapan, ini saya hendak terangkan mengenai dengan hujah ataupun perbahasan yang kita dok bahas banyak hari di sini.

Saya menyatakan apabila Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menyatakan bahawa saya menjawab dengan lemahnya bahawa mengenai dengan apa statement yang dibuat oleh Datuk Munir Majeed dengan statement yang dibuat oleh menteri saya iaitu Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan.

Saya tidak menjawab dengan lemahnya, mungkin semasa itu saya lemah, saya letih hari itu. Saya mengatakan apa yang disebut, apa yang dikatakan oleh menteri itu merupakan perkara muktamad, jikalau UEM-Renong perlu disiasat dan perlu diambil tindakan kalau berlaku kesilapan ataupun sengaja melanggar .....

*[Ahli Yang Berhormat dari Tanjong memasuki Dewan]*

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Yang Berhormat sudah masuk! .... sengaja melanggar peraturan-peraturan di dalam BSKL, maka tindakan terhadapnya perlu diambil, ini yang saya nyatakan dan saya nyatakan juga semalam bahawa walau apapun berlaku setakat ini di dalam pasaran kewangan dan di dalam pasaran modal negara, walau apapun berlaku setakat ini, belum lagi menjejaskan 'the real economy' - ekonomi sebenar. Belum lagi! Tetapi kalau kita biarkan perkara ini terus-menerus, ianya akan menghakis satu dari sumber modal yang terpenting untuk pembangunan negara, sebab itulah kita terpaksa mengambil ataupun kita mesti mengambil tindakan seterusnya untuk membaiki satu sumber modal iaitu pasaran kewangan dan juga pasaran modal kita. Sebab itulah kita buat macam-macam, kita mengaplikasikan segala prinsip-prinsip ekonomi yang bertujuan untuk meningkatkan keyakinan, confidence terhadap sistem ekonomi dan sistem kewangan kita. Itulah yang dibuat misalnya Yang Berhormat menerkam mengenai dengan pemotongan gaji yang dicadangkan hanya merupakan RM2 juta, 'just a drop in the ocean', tetapi Yang Berhormat, saya bersetuju dengan Yang Berhormat RM2 juta adalah tidak setimpal dengan kerugian dan lain-lain lagi, dengan keseluruhan sistem kewangan kita, tetapi Yang Berhormat sedia maklum bahawa di dalam membina keyakinan ini, pihak atasan ataupun pemimpin-pemimpin termasuk Ahli Yang Berhormat sendiri perlu menunjukkan satu will ataupun satu simbolik, gesture, bagaimana kita hendak mengatasi masalah ini, kita tahu RM2 juta adalah tidak ada apa, tetapi yang pentingnya Yang Berhormat ialah kita dapat menunjukkan teladan dan juga menunjukkan walaupun sedikit, menunjuk ataupun memberi contoh teladan kepada rakyat supaya mereka pun harus berkorban, kalau minum kopi tiga sudu gula, kita minum kopi satu sudu gula, jadi itu maksud saya. Bukan ianya tidak merupakan satu sumbangan yang substantive kepada pengurangan masalah kewangan kita.

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan. Saya bersetuju sebenarnya, saya pun ada berucap begitu, ini satu symbolic gesture dan impak psychology ada tetapi apa yang saya menegurkan ialah ada sikap sesetengah pemimpin-pemimpin, ahli-ahli Parlimen yang menganggap, oh kita memberi sumbangan 3%, ada menteri kata kita memberi sumbangan 10% potongan, kita sudah buat apa yang perlu dibuat, kita sudah begitu gagah (so great). Ini sikap walhal tidak ada satu perubahan sikap mengenai betapa serius krisis ini, masih ada denial syndrome, masih ada denial factor dan oleh kerana kalau kita tidak ubah sikap kita, masih ada denial factor atau denial syndrome yang mengakibatkan ekonomi berlarutan berpanjangan mengakibatkan kerugian bukan berbilion ringgit, beratus juga ringgit, berbilion-bilion ringgit, kalau dalam keadaan sebegitu pemotongan 3% atau 10% tidak bererti, perlu diikuti dengan satu sikap yang serius, itulah apa yang saya nyatakan. Tanpa itu on his own tidak bererti khasnya kalau ada ahli-ahli Parlimen atau anggota Kabinet yang rasa mereka had already done and should be done, itu sikap tidak cukup, tak betul dan tak baik, itulah, that is a point I am trying to make.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Terima kasih Ketua Pembangkang. Yang Berhormat membuat andaian, saya tidak tahu, saya sendiri sebagai Timbalan Menteri Kewangan, saya tak cukup tidur sekarang. Saya terpaksa buka balik buku-buku teks saya untuk mencari cara bagaimana menyumbangkan kepada pembinaan ini. Saya tidak berasa setakat potongan RM800 Yang Berhormat, saya tidak berasa saya megah, adakah Yang Berhormat tengok saya megah? Hanya Yang Berhormat tengok mata saya sahaja tak cukup tidur. Jadi, saya fikir Yang Berhormat kata .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan macam itu. Ada segelintir, majoriti ada denial factor atau denial syndrome itu.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Saya sebut tadi Yang Berhormat, semalam pun saya sebut mengenai denial syndrome ini sebab kita membuat penafian atau denial ini kerana Ahli Yang Berhormat dan banyak orang lagi menuding jari kepada kerajaan terhadap apa yang berlaku di dalam keruntuhan pasaran kewangan dan pasaran modal kita.

Sebenarnya, apa yang berlaku bukanlah disebabkan oleh tindakan kerajaan, mungkin kita ada sepertimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, bahawa kita ada sedikit sebanyak kelemahan, ini misalnya di dalam current account deficit yang tiga tahun dahulu kita ada 10.5% dan kita mengambil daya utama dan berikhtiar untuk menurunkannya - itu sahaja. Tetapi persoalannya yang saya ingin nyatakan di sini bukanlah disebabkan oleh tindakan ataupun dasar kerajaan maka berlakunya krisis di dalam kewangan ini, ianya berlaku di dalam pasaran dan juga pasaran ini berlaku kerana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa di dalam ilmu ekonomi, kita tidak boleh membuat prediction/telahan yang boleh dikatakan 100% betul ataupun 90% betul kerana ilmu ekonomi menganalisiskan manusia.

Manusia ini dia satu sahaja manusia dia boleh macam-macam pilihan tindakannya. Jikalau manusia itu macam atom ataupun molekul kita memanaskannya, dia nanti naik ataupun mengembang, itu kita tahu, tidak ada cara lain, prinsip itu sahaja, physical principle.

Tetapi manusia ini Yang Berhormat, hari ini bersyarah agama, malam esok berkhawat, sebab apa yang dilakukan hari ini bersyarah agama, baca ayat Al-Quran, baca itu, baca ini, kita ingat dia 'alim, jadi di dalam pandangan kita, kita tulis di dalam pelan untuk bertindak dengan dia, dia memang baik - sungguh baik! Tetapi esok lusa kena tangkap khalwat ataupun berzina, main judi. Jadi, cukup susah untuk kita mengaplikasikan prinsip ekonomi yang diketahui oleh manusia berasaskan kepada pengkajian saintifik untuk mewujudkan satu prediction yang full prove.

Jadi, di sini macam saya katakan tadi, segala prinsip ekonomi telah pun diaplikasikan. Dahulu Yang Berhormat sedia maklum, semasa kita membentangkan Belanjawan pada 17 Oktober, kita mempertahankan pertumbuhan pada kadar 7% kerana kita pegang kepada dasar kita bahawa pembahagian kekayaan di kalangan rakyat Malaysia mestilah berasaskan kepada pertumbuhan. Kita takut kalau pertumbuhan kita turun kepada 3% kita tidak dapat memberi pembahagian kekayaan, sebab itu kita pertahankan.

Tetapi akhir-akhir ini apabila terus berlaku kegawatan di dalam pasaran kewangan dan pasaran modal kita, maka kita terpaksa berkorban tentang hal ini - mungkin. Sebab itu yang dikatakan oleh pemimpin-pemimpin kita, 'we have to bite the bullets in years to come or in months to come', jadi kalau dahulu diberi peruntukan untuk pembangunan A sebanyak ini, tahun hadapan orang-orang yang mendapat target group itu tidak boleh kompelin lagi dia dapat sedikit, kerana dia telah disedarkan bahawa ini keadaannya pertumbuhan hanya setakat 4% atau 5%, jadi itulah yang kita ubah.

Jadi, Yang Berhormat perlu beri sedikitlah kredit kepada kebolehan pemimpin-pemimpin kerajaan mengubah berasaskan bukan apa tetapi daripada kritik Ahli Yang Berhormat kita ambil, bukan kita letak ketepi, tetapi pada masa itu kita yakin bahawa keadaan di dalam pasaran kewangan, di dalam pasaran modal boleh dapat dialih, dapat dikembalikan seperti sedia kala ataupun trend ke arah sedia kala.

Tetapi akhirnya, apa yang kita lakukan terus juga berlaku serangan-serangan terhadap mata wang kita, berlaku macam-macam kejadian di luar jangkauan dan di luar pengawalan kita. Macam misalnya, Yang Berhormat, siapa sangka akan berlaku kegawatan di dalam sistem perbankan Jepun dan sekuriti Jepun, walaupun Jepun telah empat tahun menghadapi masalah ini, kita mengharapkan bahawa Jepun dengan kekuatan reservenya ataupun kekuatan pengalaman di dalam menangani ekonomi industri dan post industrial economy, dia dapat mengatasinya tetapi malangnya dia pun tidak dapat mengatasinya dan ini menyebabkan contagion effect kepada kita dan itulah sebab mengapa kita terpaksa revised on cost correction, dengan izin, supaya dapat kita membina asas Yang Berhormat selalu menyebut di dalam Dewan ini, kita mesti membina keyakinan, confidence terhadap sistem kewangan, terhadap pasaran modal dan seluruhnya terhadap ekonomi kita.

Saya tidak pernah mengatakan bahawa ekonomi sebenar tidak terjejas, belum lagi terjejas, tetapi kalau kita biarkan ini, krisis keyakinan terus-menerus maka ianya akan terjejas.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Soalan pokok ialah tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut kita rela 'bite in the bullet', soalan pokok ialah 'are we really biting the bullet or are we only chewing the bullet and belum bite' dan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut semacam Budget bulan Oktober, kita ada buat fokus pertumbuhan ialah 7%, oleh kerana mahu mempertahankan angka itu, oleh kerana kita rasa untuk masyarakat kita perlu untuk membahagikan pertumbuhan itu dan baru-baru ini sudah ditukar kepada 4% ke 5%. Ini kita mengalu-alukan bahawa boleh 'on cost correction', kita mengalu-alukan, kita puji sungguhpun kita rasa sebenarnya patutlah lebih awal, oleh kerana ada dua isu di sini.

Yang pertama, apabila pada 17 Oktober Budget 1998 dibentang dan di mana economy growth ialah 7%, ini pun sudah disoalkan, dipertikaikan bahawa inilah satu angka yang tidak realistik oleh kerana faktor-faktor ekonomi, kewangan semua yang menunjukkan ini tidak mungkin dicapai, yang menunjukkan kita tidak realistik, kita tidak mahu 'bite the bullet' dan kita boleh lihat reaksi serta-merta pasaran, sama ada mata wang atau KLSE tak perlu tunggu sehingga ekonomi Korea Selatan buruk, tak perlu tunggu sehingga Jepun pun menghadapi satu krisis bahawa 'the war for confidence' tidak dimenang oleh budget, kenapa pada masa itu kita tidak boleh lebih cepat untuk 'on cost correction', akhir bulan Oktober atau awal bulan November 'on cost correction', bukankah Yang Berhormat Timbalan Menteri pun bersetuju, sungguhpun kita ada kebolehan untuk 'on cost correction', kita perlu 'on cost correction' yang lebih cepat, yang lebih nimble, yang lebih dexterous, .....

**Seorang Ahli:** Lebih terampil!

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang lebih terampil dan bukan perlahan-lahan, apabila kita 'on cost correction', masalah sudah lebih besar dan bukankah ini satu masalah yang besar dan kita lihat oleh kerana kelewatan untuk 'on cost correction' apabila kerajaan mengumumkan adjust economy growth daripada 7% ke 4% dan 5%, nampaknya we are already taken by event dan ada analyst-analyst yang rasa mungkin 2% ke 3%. Bukankah ini menunjuk betapa penting kita ada reaction yang nimble dan bukankah ini lagi satu perkara yang menunjukkan bahawa kita perlu satu majlis (council) bukan sahaja National Economic Action Council, tetapi satu council di mana kita boleh mengumpulkan pakar-pakar yang kita ada dalam negara, tak perlu negara yang lain tetapi kita boleh berbincang masalah-masalah menasihatkan/advisory consultative yang perlu ditubuhkan dengan segera supaya semua pandangan, semua nasihat boleh ada satu saluran khasnya masa sekarang di mana kita mahu rakyat semua bersatu padu.

Satu national crisis mahu respond sebagai satu team, satu pasukan bukankah kita mustahak selain daripada NEAC, satu consultative council semua pakar-pakar ekonomi, universiti-universiti dalam swasta, dalam KLSE, dalam mana-mana semua boleh kumpul hari-hari bincang masalah ini, oleh kerana national economic crisis, kenapa kerajaan tak rela fikir perkara ini?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya kalaulah saya duduk di sebelah sana, saya pun bercakap macam itu juga Yang Berhormat. [Ketawa] Masalahnya kita sebagai kerajaan menguruskan ekonomi negara, kita mempunyai target, kita mempunyai objektif, kita mempunyai goal ataupun matlamat kita sendiri bagaimana untuk memberi keselesaan kehidupan negara ini. Pada masa itu Yang Berhormat, hanya bulan Ogos, pada masa itu segala fakta-fakta ekonomi yang ada di depan kita menunjukkan bahawa kita boleh mencapai 7% growth, itu sebagai asas Yang Berhormat.

Dalam hujah kita itu sebagai asas kerana prinsip political economy yang dipegang oleh Barisan Nasional ialah distribution from growth. Jadi itu yang kami

pertahankan dahulu. Dan segala fakta ekonomi yang ada di depan kita itu menunjukkan bahawa ianya boleh dicapai, tetapi sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa pertimbangan ekonomi ini tidak begitu kuat ataupun berasaskan kepada prinsip, apa yang berlaku di luar kadang-kadang kita tidak dapat menduganya. Jadi, apabila kita menduganya pada bulan ini ataupun hujung bulan November kita mengadakan cara-cara ini.

Jadi, tidak perlu kita unkit-unkit, mengapa tidak adakan ini, mengapa tidak adakan itu, kalau begitu, Tuan Yang di-Pertua, semenjak dahulu lagi Yang Berhormat boleh mengkritik apabila kita punya current account deficit mencapai 10% daripada KDNK kita, mengapa masa itu tidak dikritik, tetapi di dalam keadaan begitu pun kita dapat mencapai pertumbuhan yang tinggi 8%, 8.2%.

Jadi, di sinilah yang saya hendak menyatakan untuk as a hindsight bolehlah kita kata macam-macam, tetapi apabila kita menjadi satu kerajaan yang mana kita mempunyai satu goal ataupun satu matlamat tertentu, kita cuba mempertahankan matlamat itu, kalau tidak boleh mempertahankannya, kita terpaksa mengorbankan growth kepada 4% hingga 5% dan kalau mula itu kita kulum, lepas kulum dah tak boleh ini, kita 'bite the bullet'lah Yang Berhormat. Sekarang kita 'bite the bullet', itu sahaja yang saya katakan. Yang Berhormat dok unkit mengapa tidak lakukan, itu saya bukan Tuhan ataupun dewa-dewa tetapi apa yang kami lakukan itu adalah mempertahankan dasar kita.

Kalau Yang Berhormat menjadi kerajaan, tak lama pun parti Yang Berhormat akan cuba mempertahankan dasar sepertimana yang tersebut di dalam manifesto pilihan raya Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan mengapa apabila kita menghadapi masalah account deficit lebih 10% kepada GNP pada tahun 1995 mengapakah kita tidak menghadapi krisis dalam pasaran kewangan dan juga dalam pasaran modal seperti yang kita hadapi sekarang. Saya rasa Yang Berhormat tentu faham tentang konsep time lack. So dari segi time lack, dari konsep ini apabila masalah yang kita hadapi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa masa itu adalah lebih runcing kalau dibandingkan dengan sekarang, tetapi reaksi daripada dana asing dan juga speculator yang tersebut, saya rasa mengambil masa dan seperti pun apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bahawa trigger point catalyst ialah daripada Thailand, bila mereka boleh menumpukan perhatian penuh ke atas ekonomi tersebut dan barulah mereka sedar bahawa keadaan account defisit semasa yang kita hadapi begitu runcing dan saya bersetuju kalau kita lihat akaun defisit semasa Amerika Syarikat macam mana dengan akaun defisit yang mereka hadapi, US Dollar masih begitu kuat, ini tidak ikut logik tetapi kalau kita lihat dari segi time lack, ini memang diduga akan berlaku tetapi bila sahaja akan berlaku. Tetapi masalah yang penting kita tidak boleh menggunakan logik kerana masa itu lebih teruk mengapa sekarang bila ia telah diperbaiki barulah kita kena, saya rasa itu 'you are missing the woods from the tree', dengan izin.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kawan saya dari Kota Melaka 'missing the trees for the woods'. [Ketawa] Jadi, masalah ini kerana kita tahu bahawa apa yang berlaku yang di'trigger' daripada Thailand, Indonesia, Philippines, Malaysia adalah satu perkara yang berlaku yang dari segi prinsip atau falsafah ekonomi kita terima freedom of George Soros or any other speculators bermain di dalam pasaran sebab tidak ada legal regime untuk mengawasi mereka.

Tetapi persoalan ini apabila Britain diserang oleh George Soros dan rakan-rakannya tiga tahun yang lalu, current account deficit Britain adalah di bawah paras 5% dan jatuh Pound Britain. Jadi, persoalan time lack tidak wujud, bila masanya dia stress, sebab Britain menguruskan ekonominya di mana current account defisitnya tidak pernah mencapai angka yang melebihi 5% iaitu angka yang dikatakan oleh ahli ekonomi sebagai lepas 5% ianya merupakan paras bahaya. Jadi, di sini kalau Yang Berhormat lihat penggunaan wang ataupun dana oleh speculators ini bukan berasaskan

sangat kepada current account deficit. Current account deficit yang tinggi menyenangkan mereka meruntuhkannya. Tetapi persoalannya ialah volume yang ada pada tangan mereka itu berbanding dengan foreign reserve sesebuah negara itu.

Sebab itu dia tidak berani menyerang Cina, dia tidak berani serang Jepun, dia serang sedikit-sedikit sahaja sebab Cina dan Jepun mempunyai reserve yang besar.

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya bersetuju kalau nilai reserve asing kita kuat, memang kita dalam keadaan yang lebih kukuh dan teguh tetapi baru-baru ini bila Michel Camdessus, Pengurus IMF datang melawat Malaysia, beliau menyatakan bahawa janganlah anggap bahawa speculator menyerang sesiapa yang mereka suka, mereka hanya menyerang kalau ada timbul kelemahan. Hanya kalau kita ada penyakit baru boleh serang, tetapi kalau tak ada penyakit macam mana dia boleh serang? So, kita tidak boleh menafikan bahawa kita sendiri ada kelemahan dan kelemahan ini seharusnya dan sepatutnya diperbaiki lebih awal, dengan izin, we have, we should have been proactive lebih awal, bukan seperti yang kita buat sekarang hanya secara reacting ataupun reaksi.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, apabila speculators menyerang, mereka menyerang Thailand, mereka tidak menyerang kita. Mereka menyerang Thailand dahulu dan mereka tahu bahawa contagion effect akan berlaku dan lebih melemahkan kita.

Jadi, apa yang saya katakan di sini ialah okaylah, kerajaan telah mengambil tindakan yang berasaskan itu, sekarang realitinya berlainan, kita terimalah. Apa guna to beat a dead horse, Yang Berhormat. Jadi sekarang sama-samalah, Yang Berhormat pun kena bercakap supaya kita membina keyakinan, baik daripada peringkat rakyat mahupun kepada peringkat dunia.

Pada tahap ini saya berterima kasih kepada Yang Berhormat dari parti pembangkang yang menyokong usaha-usaha kerajaan walaupun dengan sedikit leteran, leteran yang pedas, kita mengaku ada kelemahan dan kita mengaku bahawa kita mungkin tidak 'a little bit pre-emptive' dan lain-lain lagi. Pada setakat ini apa tindakan yang diambil oleh kerajaan, misalannya mungkin Yang Berhormat bertanya mengapa tidak dinaikkan interest rate lagi? Sememangnya interest rate sedang naik walaupun kita tidak ada intervention daripada kerajaan. Base lending rate naik sehingga 10% di kalangan setengah-setengah bank dan ini Yang Berhormat dari Kota Melaka pun selalu bercakap kepada saya mengenai dengan perlunya diadakan mudah tunai, meningkatkan mudah tunai untuk memastikan bahawa peniaga-peniaga kecil dan sederhana tidak begitu terjejas. Artikulasi ini telah pun dibuat oleh kumpulan peniaga kecil kepada kementerian saya. Kami sedang mengkaji bagaimana untuk menolong peniaga-peniaga kecil sepertimana Yang Berhormat sebut tadi.

Saya setuju bahawa RM1 bilion yang diperuntukkan untuk IKS itu mungkin tidak mencukupi meng'cover' keseluruhan problem, tetapi peniaga-peniaga kecil juga ada membuat artikulasi mereka kepada kementerian dan kami sedang mengkaji apa yang patut dibuat. Pada peringkat ini belum lagi dapat saya menyatakan apa yang difikir perkara-perkara yang patut dibuat.

Saya ingin menyatakan lagi oleh sebab banyak Ahli Yang Berhormat menyentuh tentang keutuhan sistem perbankan kita. Akhir sekali saya hendak menyatakan di sini bahawa sistem perbankan kita adalah masih utuh di dalam fundamentalnya, berupaya menghadapi cabaran di hari muka, iaitu immediate future. Kalau terus berlaku, itu cerita lain Yang Berhormat. Saya 'qualify'kan apa yang saya kata tadi. Ini adalah akibat daripada pengimplementasian dasar-dasar berhemat yang telah dilakukan oleh Bank Negara sebelum berlaku kegawatan ini. Peningkatan modal di dalam sektor ini berterusan. Non-performing loan adalah pada kadar 4.3% daripada

pinjaman keseluruhannya, iaitu sistem perbankan. Walau bagaimanapun, tahap capitalisation, dengan izin, dan loan lost reserve yang merangkumi specific provision, interest in suspense dan general provision yang tinggi. Ini membolehkan bank-bank menyerap situasi non-performing loan pada immediate future ini. Untuk long term, itu saya tidak beri jaminan.

Kita menyedari bahaya-bahaya yang dibawa oleh asset bubbles. Bank Negara Malaysia telah mengambil langkah-langkah pre-emptive yang berhemat, iaitu langkah-langkah yang prudential semenjak bulan Oktober 1995 lagi untuk mengelak risiko structural di dalam sistem perbankan. Misalannya kuota 20% untuk pinjaman hartanah, kuota 15% untuk ekuiti financing yang pada tahap ini saya diberitahu hanya diberhentikan pada 8%, walaupun dibenarkan 15% tetapi realitinya setakat ini 8% sahaja. Hasil-hasil daripada usaha-usaha ini keseluruhan pinjaman ke sektor hartanah menurun dengan mendadak. Daripada 20% tadi pertumbuhan pinjaman di dalam sektor hartanah menjadi hanya 5% di dalam masa enam bulan kebelakangan ini. Pinjaman yang disandarkan kepada hartanah hanya sebanyak 40% sahaja sehingga 30 Jun 1997. Nilai sandaran adalah 305% daripada nilai pinjaman, iaitu nilai sandaran hartanah tadi.

Sistem perbankan di negara kita tidak bergantung kepada short term pinjaman.....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Tanjong bangun.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai asas dan kesihatan.....*[mikrofon tidak berfungsi]* Nampak ini pun ada masalah, pun tidak sihat. *[Ketawa]* Mengenai asas dan kesihatan sistem perbankan, oleh kerana masalah non-performing loan (NPL) menjadi satu isu yang begitu central khususnya kepada mereka yang buat ramalan mengenai masa depan ekonomi dan kewangan Malaysia, kenapa kerajaan atau Bank Negara tidak buat satu keputusan untuk mengeluarkan satu kenyataan atau satu kertas putih atau satu laporan mengenai kedudukan ini supaya boleh memulihkan keyakinan.

Oleh kerana sekarang sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri dan semalam atau dua hari dahulu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata bahawa kedudukan perbankan kita kukuh, kuat, tidak ada masalah, tetapi mesej ini tidak ada kredibiliti, tentu tahu, kalau tidak, KLSE finance index tidak begitu lembab. Bukankah perlu address isu ini di mana bagaimana kalau benar bahawa kedudukan kita kukuh, tidak ada masalah non-performing loan, kenapa kita tidak boleh lebih transparent mengenai kedudukan semua bank, institusi kewangan dan terus beritahu dunia bahawa kedudukan kita kukuh, tidak ada kemungkinan apa-apa masalah. Bukankah ini satu cara serta-merta boleh dapat balik keyakinan bahawa tidak akan berlaku krisis perbankan di negara kita oleh kerana cara-cara yang kita ada gunakan, ulangi kedudukan kita kuat semacam kenyataan Gabenor Bank Negara semalam dan sekarang oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan nampaknya tidak begitu berkesan. Bukankah lebih transparent, lebih ketelusan?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, di mana lagi yang patut saya membuat pendedahan bahawa non-performing loan di negara kita ini hanyalah 4.3% daripada jumlah loan. Ini di tempat yang mewakili seluruh rakyat Malaysia. Ini terletak kepada akhbar, esok bubuh dalam front page, headline, non-performing loan Malaysia hanya 4.3%. Jadi hendak buat.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepong bangun.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Nanti sekejap, Yang Berhormat. Berilah saya perhabis dahulu. Saya beri banyak chance kepada Yang Berhormat, duduk dahulu, sekejap lagi saya beri chance.

Non-performing loan 4.3%, adakah itu justifikasi yang hendak membuat satu kertas putih? Kalau kita sampai kepada tahap Jepun ataupun Korea 30%, maka mungkin kita ada justifikasi untuk membuat kertas putih. Yang Berhormat tadi mengkaitkan prestasi buruk di dalam pasaran modal kita kepada non-performing loan, mana boleh Yang Berhormat. Yang Berhormat senang sahaja mengkaitkan linear correlation, mana boleh, mungkin ada sebab-sebab lain. Mungkin sebab ketidakpercayaan ini bukan kerana non-performing loan. Dunia tahu bahawa non-performing loan di Malaysia adalah paling terendah, satu daripada yang terendah di rantau ini. Jadi kalau Yang Berhormat hendak kata dianya menyebabkan jatuhnya nilai saham, jatuhnya nilai currency kita, tidak kenalah, tidak betullah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Antara lain.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Antara lain - betul. Tadi Yang Berhormat tidak kata 'antara lain', sekarang baru Yang Berhormat kata. Media kita di sini tolong tulis bahawa non-performing loan Malaysia tidak ada masalah. Yang Berhormat hendak kata apa?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Walaupun saya ada baca bank international settlement sudah menetapkan satu angka iaitu tidak lebih daripada 6% bagi Malaysia dan Yang Berhormat sentiasa mengungkit-ungkitkan 4.3% sahaja, pada satu ketika mengatakan 3.6% sahaja. Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat umumkan jumlah yang sebenarnya non-performing loan (NPL) ini dan juga adakah dikira perubahan nilai wang? Saya nampak Yang Berhormat mengatakan kadar ini seolah-olah tidak ada perubahan nilai wang walhal nilai wang sudah berubah dengan banyak. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan kadar non-performing loan itu berdasar kepada perubahan currency dan juga bolehkah buat satu ramalan untuk 6 bulan, 12 bulan ataupun 18 bulan hadapan, bolehkah?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, inilah saya hendak buat pengumuman yang betul Yang Berhormat minta. Saya kata kepada Yang Berhormat ingat betul-betul, ambil statement saya secara serius. 3.6% itu adalah non-performing loan di dalam commercial bank. 4.3% itu adalah non-performing loan dalam sistem perbankan keseluruhannya yang termasuk commercial bank, merchant bank, financial institution dan lain-lain lagi sumber-sumber wang. Jadi, inilah yang sebenarnya. Saya harap Yang Berhormat dapat menerimanya. Saya tidak pernah mengatakan angka-angka yang berlainan, hanya inilah. Yang saya dok bertengkar dengan Yang Berhormat mengenai 3.6% ialah commercial bank dan 4.3% untuk keseluruhan sistem perbankan.

Mengenai dengan adakah diambil soal exchange rate. Soal exchange rate tidak relevan di dalam hal ini kerana loan dalam negara kita diambil dalam mata wang Ringgit, jadi ianya tidak relevan, Yang Berhormat, okay.

Saya hendak menyambung tentang kekukuhan sistem perbankan Malaysia tidak bergantung kepada short term pinjaman luar negara sebagai sumber dananya. Kalau kita bergantung kepada ini, ini merupakan satu bahaya besar. Pada hujung bulan Oktober 1997, dengan izin, the net external liability di kalangan bank-bank komersial hanya RM27.6 bilion atau 6% daripada jumlah asetnya. Dan juga sebahagian besar liability external adalah terdiri daripada pinjaman yang dibuat oleh bank-bank untuk, dengan izin, to cover forward contract and take with exporters. Angka liabiliti ini adalah di bawah limit yang dihadkan oleh Bank Negara Malaysia. Pada hujung bulan Oktober 1997 hanya RM33 juta sahaja daripada jumlah foreign currency exposure adalah terdedah kepada pasaran atau risiko pertukaran wang, hanya RM33 juta. Bank Negara Malaysia telah mengambil pendekatan market driven di dalam kerja-kerja

pengawasannya dan Bank Negara memastikan bahawa sistem perbankan negara disandarkan kepada piawaian internasional ataupun standard antarabangsa.

Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi meminta kita beri tiap-tiap bank. Ini saya fikir cukuplah setakat kita beri agregat sahaja keseluruhannya. Kalau kita beri tiap-tiap bank, kita mendedahkan bank-bank kita. Kita tidak menafikan bahawa ada bank yang ada sedikit masalah, tetapi kalau kita mendedahkan kesemuanya kepada umum, ianya akan menjejaskan keyakinan. Tiap-tiap bank itu diawasi oleh Bank Negara dengan penuh teliti dan segala peruntukan dan perundangan mesti dipatuhi. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, kalau kita dedah semua, akan berlaku bank run, itu dan ini dan ianya akan menjejaskan lagi. Yang Berhormat pun sedia maklum, Yang Berhormat pun mempunyai kepentingan negara dan kalau kita mendedahkan semuanya, habislah. Setakat kita mendedahkan secara agregat begini, cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Memang kita semua tidak kira di pihak kerajaan atau pihak pembangkang, kita ada kepentingan negara. Itulah kerana kita dalam politik sungguhpun kita ada perbezaan fahaman politik. Saya sebenarnya rasa sangat sangsi, khuatir kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri kata kalau mendedahkan mengenai kedudukan secara individu semua bank adalah menimbulkan krisis bank run dan lain-lain, itu kita tidak mahu. Tetapi bukankah tanpa mendedahkan kedudukan bank-bank, ini sudah timbul krisis keyakinan.

Sekarang kita menghadapi satu krisis keyakinan sektor bank, perbankan dan kewangan. Sebagai satu penyelesaian, satu bahagian dalam solution dan bukan satu bahagian dalam masalah (as a part of the solution and not as a part of the problem), satu cara ialah untuk mendapat keyakinan orang ramai tidak ada masalah perbankan-perbankan kewangan, institusi-institusi kewangan seperti yang dikatakan oleh kerajaan iaitu satu cara ialah mendedahkan kedudukan setiap bank. Tetapi kalau tidak boleh, oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri kata akan menimbulkan masalah, bank run dan lain-lain, itu kita tidak mahu tengok. Bukankah sebab itu ada krisis perbankan dan kewangan? Jadi perlulah cara yang drastik, cara yang urgent untuk mengatasi masalah dan masalah ini tidak patut dibiarkan terus berlanjutan, tidak ada apa-apa urgent solution. Itulah masalah. Oleh kerana kenyataan semalam oleh Bank Negara adalah satu kenyataan sahaja. Kita mahu ialah immediate urgent solution.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan perlunya ada immediate urgent solution tetapi dengan kedudukan bank kita, kita tidak perlu mengadakan satu usaha drastik. Memang Yang Berhormat baca banyak analisa daripada majalah *Economist* yang mana pendapat-pendapat daripada penganalisa Barat mengatakan jikalau sesuatu bank di dalam sistem perbankan itu dikorbankan kerana disebabkan oleh kelemahan fundamental bank itu, itu bagus, tetapi kita tidaklah sampai setakat itu. Macam pengorbanan yang dilakukan itu bagus, culling of the weak to become stronger ataupun mengikut prinsip survival of fittest, itu adalah prinsip kapitalisme yang paling ulung tetapi Yang Berhormat sebagai seorang pejuang sosialis adakah Yang Berhormat setuju dengan cara itu? Dahulu masa saya menjadi mahasiswa, saya pun sosialis juga. Sekarang sahaja saya menjadi ahli UMNO, menjadi nasionalis, kapitalis. Tetapi Yang Berhormat seolah-olah menyokong satu perbuatan kapitalisme yang cukup zalim (cruel).

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita tidak sokong IMF. Itulah sebab kita mahu satu penyelesaian yang ambil kira social equity, social justice and that assumption is unfair. [Ketawa] Daripada lain-lain orang, saya tidak surprise tetapi daripada Yang Berhormat, tidak patutlah. Apa yang kita mahu ialah satu transparency. Ada satu

transparency bukan bererti mahu cruel. Tidak transparency sistem perbankan ialah cruel kepada rakyat jelata, cruel kepada negara, oleh kerana ini tidak adil.

Kita perlu tahu oleh kerana tidak transparency ialah satu sebab utama krisis keyakinan perbankan dan kewangan. Apabila kita ada transparency kita tahu sebab-sebab apa perlu dibuat, itulah baru kita boleh cari part of the solution. Sekarang tidak transparency, part of the problem dan apa solution? Itulah kita boleh bincang apabila kita tahu. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri rela beritahu, have confidence in perbankan, apa masalah yang sebenarnya mahu pandangan kita, kita beri. Kita tentu tidak setuju apa-apa cara untuk selesai masalah tanpa kira keadilan sosial (the social justice). Akhirnya itulah patut menjadi keutamaan negara kita.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Mengenai social justice, Gabenor Bank Negara sendiri telah menjaminkan bahawa pendeposit-pendeposit akan dijamin, akan dipertahankan. Tadi Yang Berhormat dari Kota Melaka tanya apakah dipertahankan pada tahap berapa peratus interest, itu saya tidak dapat jawablah pada hari ini kerana itu soal dasar. Tetapi persoalannya, social justice kepada rakyat, pendeposit kecilan adalah dijamin.

Saya pun bersetuju dengan Yang Berhormat mengenai dengan perlunya ada transparency, tetapi transparency ini kadang-kadang ianya relatif. Macam tadilah Yang Berhormat dari Tuaran bangkitkan mengapa masyarakat Malaysia tidak menggunakan sistem checking cheque dengan secara menyeluruh. Saya ingin menjawab bahawa masyarakat kita setakat ini di tahap evolusi pembangunan ekonomi, belum lagi mengetahui tentang kaedah-kaedah dan juga implikasi berprinsip dan juga mekanisme ekonomi moden. Begitu juga kalau kita dedahkan kesemua, bukan semua masyarakat kita yang mengetahui tentang kedudukan atau mengetahui bagaimana hendak baca balance sheet, bagaimana hendak baca profit and loss account dan lain-lain lagi. Jadi transparency mungkin sesuai pada satu masyarakat yang telah matang, post industrial society yang mana boleh dikatakan majoriti rakyatnya adalah literate di dalam mekanisme sistem kewangan. Tetapi kalau transparency ini dibawa kepada kawasan saya, Kuala Nerang, yang mana dia tidak tahu, dia tahu baca daripada interpretasi surat khabar bahawa bank ini akan bankrap, dia bawa keluar semua duit. Dia tidak erti hendak buat penilaiannya sendiri, dia mendengar khabar angin. Itu yang kita takut, Yang Berhormat. Jadi saya setuju dengan prinsip transparency ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan saya yang mana cadangan-cadangan daripada kawan-kawan yang banyak memberi cadangan yang baik, saya akan mengambil perhatian, pegawai-pegawai saya di belakang akan mengambil perhatian.....

**Tuan Lim Kit Siang:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, hendak beri lagi?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Last ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, nampaknya Yang Berhormat tidak sebut atau sentuh mengenai beberapa perkara yang saya bangkitkan khasnya mengenai UEM-Renong deal yang sangat mustahak mengenai boleh pulihkan balik, memulihkan keyakinan atau tidak ada jawapan?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Saya bangkitkan tadi, Yang Berhormat tidak masuk. Awal-awal lagi saya bangkitkan mengenai dengan UEM dan Renong deal yang mana saya mengatakan bahawa statement yang dibuat oleh Menteri saya itu adalah yang saya pakai, iaitu jikalau didapati dalam siasatan bahawa berlaku apa-apa penyelewengan atau pelanggaran provision, maka tindakan akan diambil. Yang Berhormat bangkitkan semalam dan tadi mengenai dengan statement Munir dengan statement dia. Yang saya pakai ialah statement Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Saya sudah jawab awal-awal tadi, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tahu tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri gloss over. Bagaimana kita boleh dapat satu keadaan untuk memulihkan keyakinan apabila dalam satu isu yang begitu mudah (simple) dan begitu straight forward mengenai sama ada waiver sudah ditarik balik kepada UEM mengenai mandatory general offer, ada dua version. Dalam Dewan ini memang Yang Berhormat Timbalan Menteri kata berpegang kepada apa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata, tetapi itu ialah waiver sudah ditarik balik. Tetapi di luar bukan sahaja Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti kata bahawa kedudukan ialah F.I.C. beri waiver, nampaknya waiver masih pakai dan juga Penasihat Ekonomi, Tun Daim Zainuddin pun kata bahawa 33% belum sampai, masalah tidak patut timbul. Bukankah ini tidak boleh meyakinkan rakyat bahawa we have united vessel. Nampaknya dalam perkara ini kita kelam-kabut, di pucuk pimpinan tertinggi ada dua versi. Semalam sahaja a spokesman Suruhanjaya Sekuriti mengulangi, bukan hari Isnin oleh Dato' Dr. Munir, semalam sahaja jurucakap Suruhanjaya Sekuriti mengulangi bahawa waiver masih terpakai yang bertentangan dengan apa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata waiver sudah ditarik balik. Have we got a house divided?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, di antara Timbalan Perdana Menteri dengan Munir Majid, siapa yang besar? Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri masih memegang tentang apa yang dia kata, 'jikalau penyiasatan yang dilakukan menunjukkan bahawa ini telah dilanggari, maka tindakan akan diambil'. Jadi, itu yang saya kata tadi, dia yang kata dan dia tidak menyebut apa-apa lagi statement selepas itu, kita tunggulah di hari muka, bukan habis lagi perkara ini, Yang Berhormat. Jadi, itu yang saya kata, kementerian diwakili oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewanganlah.

Jadi itulah yang saya sebut, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan jawapan-jawapan saya yang spesifik. Mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya akan menyelesaikannya dan juga Yang Berhormat dari Kubang Kerian, Yang Berhormat dari Teluk Intan bawa perkara itu kepada saya supaya kita dapat cuba menyelesaikannya pada peringkat administrative.

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya harap sebelum Yang Berhormat habis, bolehkah cakap tentang.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, dia sudah habis.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Sudah habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia sudah habis.

**Tuan Lim Guan Eng:** Belum, penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia sudah habis. Sudah habiskah Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Beri dia peluang.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah saya dapat penjelasan tentang nilai rizab asing kerana belum dapat jawapan lagi.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Ya, macam mana?

**Tuan Lim Guan Eng:** Nilai rizab asing.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Oh, nilai rizab asing?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, seperti yang saya sebutkan dalam ucapan saya.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Nilai rizab asing, Yang Berhormat, mengenai dengan yang ditanya kepada sahabat saya semalam, di antara bulan Jun dan 15 Julai ialah memang Yang Berhormat cuba hendak mencungkil apakah dilakukan dengan wang itu. Di dalam keadaan kegawatan memang Bank Negara terpaksa mengambil tindakan untuk mempertahankan Ringgit - di dalam kegawatan itu. Jikalau Bank Negara tidak mengambil tindakan sebegitu pada permulaannya mungkin krisis currency kita akan berlebih-lebihan. Itu yang saya mengakui di sini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau begitu, saya ucapkan terima kasihlah kerana sekurang-kurangnya Yang Berhormat cakap secara terus terang bahawa ini disebabkan oleh kegawatan ekonomi dan Bank Negara terpaksa campur tangan untuk mempertahankan keadaan ekonomi. Saya harap tidaklah memberikan alasan lain yang tidak benar seperti import barangan (lumpy import) dan saya rasa itu.....

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Masa itu pun berlaku import barangan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, tetapi tadi saya ada menunjukkan angka bahawa dari segi lumpy import untuk 9 bulan pertama hanya RM6.8 bilion tetapi yang kita cakap ialah tentang kehilangan nilai rizab asing asal ialah RM9 bilion. Jadi, tidak boleh gunakan alasan ini.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Okay. Itulah satu daripada sebabnya tetapi bukanlah keseluruhan RM9 bilion itu disebabkan oleh tindakan Bank Negara. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI LUAR PESISIR LABUAN 1997**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

8.43 mlm.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi mengawal selia sekuriti di Labuan, penubuhan suatu kemudahan bagi menyenaraikan sekuriti itu pada suatu bursa dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan ataupun LOFSA, sebuah agensi sekuriti yang bertanggungjawab untuk memajukan Labuan sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir ataupun IOFC yang berwibawa agar selaras dengan arus pembangunan lain-lain IOFC sedang berusaha memperkemarkan struktur

perundangan di Labuan untuk menarik minat lebih ramai pelabur mengambil bahagian dalam kegiatan luar pesisir.

Sehubungan dengan itu adalah difikirkan perlu untuk kerajaan menggubal suatu rang undang-undang baru iaitu Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir Labuan 1997 yang merupakan satu bentuk aktiviti luar pesisir yang membenarkan penubuhan pelbagai jenis dana dan syarikat pengurusanannya serta penubuhan suatu bursa luar pesisir untuk menyenaraikan dana tersebut. Perundangan yang seumpama terdapat di kebanyakan IOFC terkemuka di dunia seperti Jersey, Cayman Island, British Virgin Island, Mauritius dan Bermuda. Aktiviti luar pesisir yang dicadangkan itu dipercayai telah berjaya menyumbang ke arah perkembangan pesat industri kewangan luar pesisir negara-negara tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, masa cukup untuk hari ini. Sambung besok ya.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Ya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.*